



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2007

PENYATA AKAUN AWAM DAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2007**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

Muka Surat

KATA PENDAHULUAN INTISARI LAPORAN

vii
xiii

BAHAGIAN I

PENGESAHAN TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1.	Pendahuluan	3
2.	Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
3.	Pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	4

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

4.	Prestasi Pengurusan Kewangan Secara Menyeluruh	7
5.	Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan (Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti)	61
6.	Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negara	77
7.	Pemeriksaan Audit Mengejut	89

BAHAGIAN III

PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PELBAGAI AKTIVITI KE ARAH MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM

8.	Program Anak Angkat	93
9.	Pengauditan Terhadap Bangunan Yang Menempatkan Pejabat-Pejabat Kerajaan Dan Kemudahan Awam Di Putrajaya Dan Kuala Lumpur	107
10.	Pengesahan Audit Terhadap Tuntutan Kos Pembangunan Infrastruktur Putrajaya Oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.	107
11.	Penilaian Khas Terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/ Jabatan/Agenzi	108

BAHAGIAN IV

PERKARA AM

12.	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2006	111
13.	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara	111

PENUTUP

115

LAMPIRAN

LAMPIRAN A1	-	Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	121
LAMPIRAN A2	-	Lembaran Imbangan Seperti Pada 31 Disember 2007	125
LAMPIRAN A3	-	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	129
LAMPIRAN A4	-	Penyata Akaun Memorandum Seperti Pada 31 Disember 2007	133
LAMPIRAN A5	-	Nota Kepada Akaun Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	137

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut :-

1.1. Pengauditan Terhadap Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Seperti mana pada tahun 2006, Laporan saya hasil daripada pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Tahun 2007 dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan dilaporkan secara berasingan daripada Laporan saya berhubung dengan pengauditan terhadap aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan dan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan. Pengasingan ini dibuat bagi memudahkan rujukan dan memberi lebih impak kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2007 mengandungi perkara-perkara berikut :-

Bahagian I : Pengesahan Terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Bahagian III : Penglibatan Jabatan Audit Negara Dalam Pelbagai Aktiviti Ke Arah Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Wang Awam

Bahagian IV : Perkara Am

3. Pengauditan yang dijalankan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2007 mendapati penyata tersebut pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Berhubung dengan pengurusan kewangan, pengauditan mendapati masih ada beberapa peraturan kewangan yang tidak dipatuhi sepenuhnya. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan latihan dalam aspek pengurusan kewangan; ketiadaan penyeliaan dan pemantauan yang rapi masih berterusan berlaku.

4. Semua Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk pengesahan mereka. Jabatan Audit Negara juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :-

4.1. Melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA). Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Kementerian/Jabatan yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Kementerian/Jabatan yang lain. Ini boleh meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.

4.2. Jabatan Audit Negara juga telah menerbitkan buku **Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dari Perspektif Jabatan Audit Negara**. Buku ini merupakan satu lagi langkah proaktif Jabatan ini dalam menambah baik pengurusan kewangan Kerajaan dan diharap dapat memandu Ketua-ketua Jabatan/Agensi untuk mendapat penilaian dan penarafan yang baik di bawah Sistem Indeks Akauntabiliti dengan memberi contoh-contoh tentang kelemahan-kelemahan yang biasa dikenal pasti oleh Audit. Saya percaya buku ini bukan sahaja akan menjadi sumber rujukan Pegawai Pengawal dan anggotanya dalam mengurus dana awam tetapi akan digunakan sebagai bahan latihan di institusi latihan Kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam.

4.3. Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan

rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, mulai tahun 2007 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan audit mengejut di 51 Jabatan/Pejabat Persekutuan iaitu 15 Pejabat Imigresen, 23 Institut Perguruan, 10 Pejabat Pelajaran Daerah, satu Pejabat Kastam, satu Pejabat Pengangkutan Jalan dan Ibu Pejabat Polis Daerah.

4.4. Jabatan Audit Negara juga telah meneruskan pelaksanaan Program Anak Angkat yang mula diperkenalkan pada tahun 2003. Melalui program ini, beberapa pejabat yang telah dikenal pasti menghadapi masalah pengurusan kewangan telah dipilih dan diberi bimbingan serta nasihat bagi membantu mereka memperbaiki kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat di 12 pejabat. Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di Pejabat Anak Angkat yang dipilih telah bertambah baik setelah diberikan bimbingan dan latihan.

4.5. Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tempoh bulan Januari 2007 hingga Mei 2008, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 103 Ketua Jabatan. Penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan urusan kenaikan pangkat Ketua Jabatan berkenaan hanya akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setelah Jabatan Audit Negara mengesahkan bahawa pegawai berkaitan telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan.

4.6. Bagi mempertingkatkan fungsi di Unit Audit Dalam (UAD), adalah penting pegawai-pegawai yang ditempatkan di UAD mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pengauditan. Menyedari tentang kepentingan ini, Agensi-agensi Pusat telah bersetuju dengan cadangan Jabatan Audit Negara supaya UAD diketuai oleh pegawai daripada Jabatan Audit Negara. Sehubungan ini, jawatan Ketua UAD telah dijadikan jawatan kader Juruaudit. Bagi membolehkan pegawai-pegawai UAD membantu Kementerian/Jabatan mempertingkatkan prestasi pengurusan kewangannya, Jabatan Audit Negara juga meneruskan usaha untuk memberi latihan dalam bidang pengauditan.

4.7. Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan di peringkat pembangunan sistem berkomputer di beberapa Kementerian/Jabatan bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan

pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
16 Jun 2008

INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. Secara keseluruhannya Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan rekod perakaunannya juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Prestasi Pengurusan Kewangan Secara Menyeluruhan

2. Pada tahun 2007, Kerajaan telah meluluskan peruntukan mengurus berjumlah RM124.55 bilion di mana sejumlah RM123.08 bilion (98.8%) daripadanya telah dibelanjakan. Manakala daripada RM45.60 bilion peruntukan pembangunan yang telah diluluskan, sejumlah RM40.56 bilion (88.9%) pula telah dibelanjakan. Kerajaan telah menerima hasil berjumlah RM139.89 bilion berbanding RM123.55 bilion pada tahun 2006. Sebanyak 57 Kementerian/Jabatan Persekutuan mempunyai tunggakan hasil berjumlah RM14.08 bilion di mana RM9.48 bilion (67.3%) daripadanya telah tertunggak melebihi 3 tahun.

Pengurusan Kewangan Di Peringkat Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

3. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di 28 Kementerian dan 31 Jabatan Persekutuan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di pejabat berkenaan telah diuruskan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/ Jabatan Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Kementerian/Jabatan yang lain. Hasil daripada penarafan tersebut didapati prestasi pengurusan kewangan di sebuah Kementerian dan 5 Jabatan adalah pada tahap cemerlang; 22 Kementerian dan 20 Jabatan pada tahap baik manakala 5 Kementerian dan 6 Jabatan pada tahap memuaskan.

4. Arahan Perbendaharaan menetapkan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat didalam peti besi bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan audit mengejut di 51 Jabatan/Pejabat Persekutuan iaitu 15 Pejabat Imigresen, 23 Institut Perguruan, 10 Pejabat Pelajaran Daerah, satu Pejabat Kastam, satu Pejabat Pengangkutan Jalan dan Ibu Pejabat Polis Daerah. Hasil daripada pemeriksaan audit mengejut yang dijalankan mendapati beberapa kes di mana wang awam dan barang berharga disimpan di tempat yang tidak selamat, pungutan lewat dibankkan dan baki wang tunai di tangan berbeza dengan baki yang direkodkan.

5. Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Program Anak Angkat dan juga penilaian khas terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Sepanjang tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan 12 Program Anak Angkat. Bagi tempoh bulan Januari 2007 hingga Mei 2008 pula, penilaian khas telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan 103 Pegawai JUSA.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2007

BAHAGIAN I

PENGESAHAN TERHADAP

PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan Penyata Akaun Tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Penyata Akaun Tahunan bagi Kerajaan Persekutuan yang dikenali sebagai Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan telah disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berdasarkan perakaunan tunai ubahsuai. **Penyata tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 3 Mac 2008.** Bagaimanapun, dokumen sokongan yang berkaitan hanya dikemukakan antara 4 hingga 28 Mac 2008. Penyata yang melaporkan kedudukan kewangan bagi tahun 2007 ini mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Akaun Awam seperti berikut :-

1.1.1. Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulanwang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diterima pakai oleh Kerajaan Persekutuan, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.1.2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai menunjukkan sumber dan penggunaan dana bagi tahun 2007. Sumber dana adalah terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, kumpulanwang pembangunan, amanah/deposit dan terimaan *Private Finance Initiative* (PFI). Penggunaan dana adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman, amanah/deposit dan bayaran PFI.

1.1.3. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan. Aset Kerajaan terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut; Pelaburan; Yuran Kepada Pertubuhan Antarabangsa dan Deposit Berkanun. Manakala tanggungan pula terdiri daripada Hutang Awam; Jaminan; Nota Kena Bayar; Akaun Sekuriti Tidak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat.

1.2. Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2007 telah disediakan berdasarkan data Government Financial And Management Accounting System

(GFMAS). Sebanyak 14 modul GFMAS telah dibangunkan iaitu Lejar Am; Pengurusan Dana; Akaun Terimaan; Akaun Bayaran; Gaji; Pengurusan Pelaburan; Pengurusan Tunai; Perakaunan Kos; Pengurusan Aset; *Material Management*; Sistem Pengurusan Pinjaman (G-LoMIS); Sistem Pendahuluan Dan Pinjaman Kepada Kakitangan (G-ALMOS); Sistem Pengurusan Wang Tak Dituntut (G-UMIS) dan Sistem Pengurusan Sekuriti (G-SMIS).

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENG AUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Bagi membolehkan Ketua Audit Negara memberi pendapat yang mempunyai asas yang munasabah, pengauditan telah dirancang dan dilaksanakan mengikut Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2000 Bagi Pengauditan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007 dan telah disiapkan sebelum Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 diterima daripada Akauntan Negara Malaysia. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian/Jabatan yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Bagi mengesahkan ketepatan baki sesuatu akaun, dokumen sokongan seperti Sijil Pengesahan Baki, Senarai Baki Perseorangan dan Penyata Penyesuaian yang menjelaskan perbezaan antara baki yang ditunjukkan di Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan dengan baki yang ada di rekod Kementerian/Jabatan adalah diperlukan. Sehubungan ini, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengemukakan dokumen sokongan berkenaan dan pengauditan yang dijalankan mendapati baki yang ditunjukkan di Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan adalah bersamaan dengan baki yang ditunjukkan di dokumen tersebut. Oleh itu, **Ketua Audit Negara berpendapat Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan yang disertakan bersama-sama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Akaun Awam adalah seperti di Lampiran A1 hingga A5.**

BAHAGIAN II
PENGURUSAN KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

4. PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN SECARA MENYELURUH

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2007, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah seperti berikut :-

4.1. SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2007

4.1.1. Bagi tahun 2007, Kerajaan Persekutuan mempunyai sumber dana berjumlah RM571.93 bilion terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, kumpulanwang pembangunan, amanah/deposit dan terimaan *Private Finance Initiative* (PFI). Bagi tahun yang sama, penggunaan dana untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman, bayaran amanah/deposit dan bayaran PFI adalah berjumlah RM574.40 bilion. Ini menyebabkan Kerajaan mengalami defisit dana berjumlah RM2.47 bilion pada akhir tahun 2007. Jumlah ini adalah kerurangan sejumlah RM8.14 bilion berbanding dengan akhir tahun 2006 di mana Kerajaan telah mengalami defisit dana berjumlah RM10.61 bilion. Bagaimanapun, jumlah terimaan dan bayaran wang amanah dan deposit yang masing-masingnya berjumlah RM358.75 bilion dan RM364.58 bilion juga termasuk amaun pelarasan bagi beberapa transaksi yang tidak melibatkan aliran wang tunai. Butiran sumber dan penggunaan dana adalah seperti di jadual berikut :-


JADUAL 4.1
SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESAR 2006 DAN 2007

BUTIRAN	TAHUN		JUMLAH PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)	PERATUSAN (%)
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)		
SUMBER DANA				
Hasil	123,545.84	139,885.34	16,339.50	13.2
Terimaan Pinjaman	47,315.18	69,150.79	21,835.61	46.1
Terimaan Kumpulanwang Pembangunan	874.29	3,120.70	2,246.41	> 100.0
Terimaan Amanah/Deposit	833,231.45	358,752.62	(472,478.83)	56.9
Terimaan Lain - PFI	10.00	1,021.58	1,011.58	> 100.0
Jumlah Sumber Dana	1,004,976.76	571,931.03	(433,045.73)	43.1
PENGGUNAAN DANA				
Perbelanjaan Mengurus	107,694.31	123,084.23	15,389.92	14.3
Perbelanjaan Pembangunan	35,807.19	40,564.42	4,757.23	13.3
Perbelanjaan Modal	2,728.94	2,043.68	(685.26)	25.1
Bayaran Balik Pinjaman	31,849.32	43,560.92	11,711.60	36.8
Bayaran Amanah/Deposit	837,499.37	364,578.29	(472,921.08)	56.5
Bayaran Lain - PFI	4.83	567.33	562.50	> 100.0
Jumlah Penggunaan Dana	1,015,583.96	574,398.87	(441,185.09)	43.4
LEBIHAN/(KURANGAN) DANA	(10,607.20)	(2,467.84)	8,139.36	76.7

Nota : PFI - Private Finance Initiative

4.1.2. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007, kedudukan lebihan/kurangan dana Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **Carta 4.1**. Lebihan dana menunjukkan peningkatan yang ketara pada akhir tahun 2004. Bagaimanapun, lebihan dana menurun pada tahun 2005 dan seterusnya Kerajaan mengalami kekurangan dana pada tahun 2006 dan 2007.

CARTA 4.1
LEBIHAN/KURANGAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003 HINGGA 2007




4.1.3. Sumber Dana

4.1.3.1. Terimaan Hasil

- Mengikut Penyata Akaun Awam bagi tahun berakhir 31 Disember 2007, Kerajaan Persekutuan telah menerima hasil berjumlah RM139.89 bilion berbanding dengan RM123.55 bilion pada tahun 2006. Secara keseluruhannya, hasil Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan dari tahun 2003 hingga 2007 seperti yang ditunjukkan di carta berikut :-

CARTA 4.2
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003 HINGGA 2007



- b. Adalah didapati pertambahan hasil berjumlah RM16.34 bilion (13.2%) pada tahun 2007 berbanding dengan tahun 2006 antara lainnya disumbangkan oleh dividen yang diterima dari Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS); cukai pendapatan dan tambahan cukai pendapatan syarikat serta individu dan juga duti setem. Antara butiran hasil utama yang mencatatkan pertambahan melebihi RM500 juta adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.2
PERTAMBAHAN HASIL MELEBIHI RM500 JUTA**

BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL (Tahun)		PERTAMBAHAN (RM Juta)	PUNCA PERTAMBAHAN
	2007 (RM Juta)	2006 (RM Juta)		
Faedah Dan Perolehan Daripada Pelaburan	30,199.97	22,234.23	7,965.74	Dividen Diterima Daripada PETRONAS, Faedah Dan Hasil Pelbagai Pelaburan
Cukai Pendapatan Dan Tambahan Cukai Pendapatan Syarikat	32,149.06	26,476.94	5,672.12	Peningkatan Aktiviti Perniagaan Dan Peningkatan Kadar Pematuhan
Cukai Pendapatan Dan Tambahan Cukai Pendapatan Individu	11,660.82	10,196.06	1,464.76	Peningkatan Aktiviti Pengukuasaan, Peningkatan Pendapatan Individu Dan Bayaran Cukai Secara Elektronik (e-Bayaran)
Duti Setem	3,403.90	2,521.78	882.12	Pengecualian Pengenaan Cukai Ke Atas Transaksi Jual-Beli Hartanah Dan Pasaran Saham Yang Aktif

Semakan Audit terhadap rekod hasil tahun 2007 mendapati beberapa perkara seperti berikut :-

- i. Beberapa hasil yang dipungut ditunjukkan di bawah Kementerian/Jabatan yang bukan merupakan pemungut hasil yang sepatutnya. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

**JADUAL 4.3
CONTOH KUTIPAN HASIL YANG DITUNJUKKAN DI BAWAH
KEMENTERIAN/JABATAN YANG BUKAN MERUPAKAN
PEMUNGUT HASIL SEPATUTNYA**

JENIS HASIL	JUMLAH (RM)	KEMENTERIAN/JABATAN	
		MENGIKUT REKOD HASIL	PEMUNGUT SEPATUTNYA
Lesen Memandu Kenderaan	1,420.00 14,855.00	- Jabatan Perdana Menteri - Kementerian Kesihatan	Jabatan Pengangkutan Jalan
Visa	546,098.81	Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	Jabatan Imigresen
- Pendaftaran Beranak, Anak Angkat Dan Pendaftaran Kematian - Pendaftaran Perkahwinan Dan Cerai - Visa	172,613.23 198,752.43 135,215.66	Kementerian Luar Negeri	Jabatan Pendaftaran Negara Jabatan Pendaftaran Negara Jabatan Imigresen
Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan Dan Pergigian Untuk Pesakit Dalam (Warganegara Asing)	10,139.00	Polis Diraja Malaysia	Kementerian Kesihatan
Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan Dan Pergigian Untuk Pesakit Luar (Warganegara Asing)	15,831.60	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	Kementerian Kesihatan
- Pendaftaran Perkahwinan Dan Cerai - Bayaran Pertukaran Hak Milik Kenderaan	93,090.75 910.00	Jabatan Imigresen	Jabatan Pendaftaran Negara Jabatan Pengangkutan Jalan
Levi Pekerja Asing	116,330.00	Jabatan Pendaftaran Negara	Jabatan Imigresen

- ii. Segala hasil dan wang walau bagaimana cara didapatkan atau diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah diambil kira sebagai hasil Kerajaan Persekutuan dan diperakaunkan ke dalam Kumpulanwang Hasil Disatukan. Ini adalah selaras dengan Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan. Semakan Audit mendapati sebahagian **hasil sewaan tanah dan bangunan yang diuruskan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna tidak dikreditkan ke akaun hasil Kerajaan Persekutuan tetapi diakaunkan di luar Kumpulanwang Hasil Disatukan seperti akaun persatuan, kelab sukan, yayasan kebajikan dan sebagainya**. Bagaimanapun jumlah sewa tanah dan bangunan yang dipungut tidak dapat ditentukan kerana rekod mengenainya tidak diselenggarakan dengan lengkap oleh Kementerian/Jabatan Pengguna.

Pada pandangan Audit, amalan memperakaunkan hasil sewaan tanah dan bangunan di luar Kumpulanwang Hasil Disatukan hendaklah diberhentikan. Satu garis panduan perlu dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia atau Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) untuk menguruskan sewaan tanah dan bangunan Kerajaan Persekutuan sebagai panduan kepada semua Kementerian/Jabatan Pengguna. Semua perjanjian penyewaan tanah dan bangunan sepatutnya ditandatangani oleh JKPTG dengan penyewa.

4.1.3.2. Terimaan Pinjaman

- a. Sumber dana Kerajaan yang lain ialah pinjaman dalam negeri dan luar negeri. Pada tahun 2007, Kerajaan telah membuat pelbagai pinjaman berjumlah RM69.15 bilion berbanding dengan tahun 2006 yang berjumlah RM47.32 bilion. Pinjaman dalam negeri adalah terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pinjaman lain daripada institusi kewangan. Manakala pinjaman luar negeri adalah terdiri daripada pinjaman projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.4
PENERIMAAN PINJAMAN DALAM DAN LUAR NEGERI
PADA TAHUN 2006 DAN 2007**

JENIS PINJAMAN	TAHUN		PENINGKATAN / (PENURUNAN)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
DALAM NEGERI				
Bil Perbendaharaan	6,381.56	6,481.23	99.67	1.6
Terbitan Pelaburan Kerajaan	9,500.00	10,000.00	500.00	5.3
Sekuriti Kerajaan Malaysia	26,600.00	44,080.89	17,480.89	65.7
Pinjaman Lain	4,000.00	8,100.00	4,100.00	> 100.0
Jumlah Pinjaman Dalam Negeri	46,481.56	68,662.12	22,180.56	47.7
LUAR NEGERI				
Pinjaman Projek	833.62	488.67	(344.95)	41.4
Jumlah Pinjaman Luar Negeri	833.62	488.67	(344.95)	41.4
JUMLAH TERIMAAN PINJAMAN	47,315.18	69,150.79	21,835.61	46.1

b. Terimaan pinjaman baru pada tahun 2007 menyebabkan baki hutang awam pada akhir tahun 2007 meningkat sejumlah RM24.50 bilion disebabkan hutang domestik yang lebih tinggi seperti di **Jadual 4.5**. Nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar pada akhir tahun 2007 meningkat sedikit kepada 42.7% berbanding dengan 42.3% pada akhir tahun 2006. Kedudukan baki hutang awam dan nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar pada akhir tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.5
HUTANG AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NISBAH HUTANG
KEPADA KDNK PADA AKHIR TAHUN 2003 HINGGA 2007

TAHUN	HUTANG AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN				(RM Juta)	JUMLAH KDNK (RM Juta)	NISBAH HUTANG KEPADA KDNK (%)
	DALAM NEGERI (RM Juta)	LUAR NEGERI (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PENINGKATAN (RM Juta) (%)			
2003	154,582.13	34,184.54	188,766.67	23,803.36	14.4	395,170.00	47.8
2004	185,079.95	31,543.72	216,623.67	27,857.00	14.8	474,048.00	45.7
2005	201,758.16	26,912.09	228,670.25	12,046.58	5.6	519,451.00	44.0
2006	217,220.00	25,005.09	242,225.09	13,554.84	5.9	572,555.00	42.3
2007	247,120.00	19,602.34	266,722.34	24,497.25	10.1	625,052.00	42.7

Nota : KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar

4.1.3.3. Terimaan Kumpulanwang Pembangunan

Selain daripada hasil yang dipungut dan pinjaman, terimaan kumpulanwang pembangunan yang terdiri daripada bayaran balik pinjaman oleh Agensi Kerajaan, bayaran balik pendahuluan, jualan aset modal dan pelbagai terimaan modal adalah juga merupakan sumber dana Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2007. Jumlah terimaan daripada sumber ini ialah RM3.12 bilion berbanding dengan tahun 2006 yang berjumlah RM874.29 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.6
TERIMAAN KUMPULANWANG PEMBANGUNAN
KEDUDUKAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007

TERIMAAN	TAHUN		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Bayaran Balik Pinjaman	846.42	3,104.68	2,258.26	> 100.0
Bayaran Balik Pendahuluan	0.01	0.00	(0.01)	100.0
Jualan Aset Modal	0.01	0.01	0.00	0.0
Pelbagai Terimaan Modal	27.85	16.01	(11.84)	42.5
JUMLAH	874.29	3,120.70	2,246.41	> 100.0

4.1.3.4. Terimaan Wang Amanah Dan Deposit

Sumber dana Kerajaan yang lain ialah terimaan wang amanah dan deposit. Pada tahun 2007, jumlah terimaan daripada sumber ini **termasuk amaun pelarasian bagi beberapa transaksi yang tidak melibatkan aliran wang tunai**

ialah RM358.75 bilion berbanding dengan tahun 2006 yang berjumlah RM833.23 bilion. Penutupan Akaun Kumpulanwang Amanah Pencen yang berbaki RM43.29 bilion pada akhir bulan Februari 2007 kerana menjadi sebuah Badan Berkanun merupakan faktor utama penurunan dana wang amanah dan deposit pada akhir tahun 2007. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.7
TERIMAAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT
KEDUDUKAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007

TERIMAAN	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kumpulanwang/Akaun Amanah	825,045.05	322,273.19	(502,771.86)	60.9
Kumpulanwang Pinjaman Perumahan	3,304.49	30,421.84	27,117.35	> 100.0
Deposit	4,881.91	6,057.59	1,175.68	24.1
JUMLAH	833,231.45	358,752.62	(474,478.83)	56.9

Pada pandangan Audit, Jabatan Akauntan Negara Malaysia perlu mengasingkan jumlah wang amanah dan deposit yang diterimanya pada tahun 2007 daripada amaun pelarasang yang dibuat bagi kedua-dua akaun ini yang tidak melibatkan aliran wang tunai untuk menunjukkan kedudukan terimaan sebenar Kerajaan.

4.1.3.5. Terimaan Lain

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan pelaksanaan projek pembangunan melalui konsep *Private Finance Initiative* (PFI) yang melibatkan 895 projek bernilai RM20 bilion. Selaras dengan keputusan tersebut, satu akaun amanah iaitu Akaun Amanah Pelaksanaan Projek Di Bawah RMK-9 Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (Akaun Amanah PFI) telah ditubuhkan. Sumber dana akaun amanah ini adalah daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. Pada tahun 2007, jumlah terimaan daripada sumber ini ialah RM1.02 bilion berbanding RM10 juta pada tahun 2006.


4.1.4. Penggunaan Dana

4.1.4.1. Perbelanjaan Mengurus

- Peruntukan asal yang diluluskan untuk perbelanjaan mengurus bagi tahun 2007 ialah RM112.99 bilion. Peruntukan ini telah ditambah dengan sejumlah RM11.56 bilion menjadikan peruntukan muktamad bagi tahun 2007 berjumlah RM124.55 bilion dan daripada jumlah ini, RM123.08 bilion (98.8%) telah dibelanjakan. Perbelanjaan yang terlibat ialah bayaran emolumen berjumlah RM32.59 bilion, perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM23.62 bilion, perolehan aset berjumlah RM2.53 bilion, pemberian dan kenaan

bayaran tetap berjumlah RM63.14 bilion dan perbelanjaan lain berjumlah RM1.20 bilion. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2007 berbanding dengan 4 tahun sebelumnya adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 4.3
KEDUDUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2007




- b. Mengikut peraturan kewangan, sesuatu perbelanjaan hanya boleh dilakukan sekiranya ia mempunyai peruntukan yang mencukupi. Semakan Audit mendapati peraturan ini tidak dipatuhi sepenuhnya. Ada beberapa Kementerian/Jabatan telah berbelanja tanpa peruntukan atau berbelanja melebihi peruntukan mengikut objek am. Semakan Audit juga mendapati beberapa Kementerian/Jabatan tidak membelanjakan langsung peruntukan/tambahan peruntukan yang diluluskan. Ini menunjukkan ada kelemahan dari segi perancangan dan pengurusan perbelanjaan. Kedudukan kelemahan pengurusan perbelanjaan mengurus bagi tempoh tahun 2004 hingga 2007 adalah seperti di jadual dan carta berikut :-

JADUAL 4.8
KEDUDUKAN KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2007

PERKARA	TAHUN			
	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Perbelanjaan Tanpa Peruntukan	611.72	20.45	4.98	8.92
Perbelanjaan Melebihi Peruntukan	2,752.12	2,608.80	4,077.53	2,238.94
Tambah/Pindah Peruntukan Tidak Dibelanjakan	166.15	115.61	502.30	285.49
Peruntukan Tidak Dibelanjakan Langsung	3.79	99.46	43.67	101.82

CARTA 4.4
KEDUDUKAN KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2007



- c. Analisis Audit telah dijalankan terhadap perbelanjaan mengurus pada tahun 2007 dan mendapati 459 kes kelemahan pengurusan perbelanjaan tersebut melibatkan beberapa Kementerian/Jabatan. Hasil analisis terhadap perbelanjaan mengurus adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.9
KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN MENGURUS
PADA TAHUN 2007

PERKARA	BILANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN TERLIBAT	BILANGAN KES	JUMLAH (RM Juta)
TIDAK MENGIKUT PERATURAN			
Perbelanjaan Tanpa Peruntukan	9	16	8.92
Perbelanjaan Melebihi Peruntukan	32	263	2,238.94
ADA KELEMAHAN DARI SEGI PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN			
Peruntukan Diterima Tidak Dibelanjakan Langsung	27	79	101.82
Peruntukan Tambahan Tidak Dibelanjakan	29	101	285.49
JUMLAH		459	2,635.17

- i. Semakan Audit mendapati 16 kes perbelanjaan tanpa peruntukan berlaku di 9 Kementerian/Jabatan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM8.92 juta seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.10
PERBELANJAAN TANPA PERUNTUKAN

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN KES	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)
Kementerian Pengajian Tinggi	3	8.48
Kementerian Luar Negeri	3	0.36
Kementerian Pertahanan	1	0.03
Jumlah Kecil	7	8.87
6 Kementerian/Jabatan Lain	9	0.05
JUMLAH KESELURUHAN	16	8.92

- ii. Sebanyak 263 kes perbelanjaan melebihi peruntukan berjumlah RM2,238.94 juta telah berlaku di 32 Kementerian/Jabatan bagi bayaran emolumen; perkhidmatan dan bekalan; perolehan aset serta pemberian dan kenaan bayaran tetap. Memandangkan sebahagian besar perbelanjaan tersebut adalah untuk bayaran emolumen dan ia berlaku setiap tahun, Perbadanan Malaysia sepatutnya mengarahkan supaya setiap Kementerian/Jabatan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk tujuan tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.11
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN KES	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	LEBIH BELANJA (RM Juta)
Kementerian Pertahanan	12	2,798.53	3,530.49	731.96
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	19	2,815.81	3,479.10	663.29
Kementerian Kesihatan	38	4,903.47	5,257.89	354.42
Kementerian Pelajaran	21	8,036.85	8,336.74	299.89
Kementerian Luar Negeri	12	415.81	467.01	51.20
Kementerian Sumber Manusia	16	255.80	276.35	20.55
Kementerian Penerangan	13	177.36	197.74	20.38
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	12	296.46	311.93	15.47
Jumlah Kecil	143	19,700.09	21,857.25	2,157.16
24 Kementerian/Jabatan Lain	120	2,978.83	3,060.61	81.78
JUMLAH KESELURUHAN	263	22,678.92	24,917.86	2,238.94

Pada pandangan Audit, sungguhpun peruntukan mengurus keseluruhan bagi beberapa Kementerian/Jabatan yang terlibat dengan perbelanjaan yang tidak teratur masih mempunyai baki, namun Kementerian/Jabatan berkenaan perlu memastikan peruntukan bagi setiap objek am tidak terlebih dibelanjakan selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.

- iii. Peruntukan berjumlah RM101.82 juta yang diluluskan bagi 27 Kementerian/Jabatan untuk 79 kes tidak dibelanjakan langsung. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.12
PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN LANGSUNG

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN KES	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	4	76.84	0.00	76.84
Kementerian Luar Negeri	7	6.28	0.00	6.28
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	4	4.53	0.00	4.53
Jumlah Kecil	15	87.65	0.00	87.65
24 Kementerian/Jabatan Lain	64	14.17	0.00	14.17
JUMLAH KESELURUHAN	79	101.82	0.00	101.82

iv. Sebanyak 29 Kementerian/Jabatan telah memohon pendahuluan daripada Kumpulanwang Luar Jangka, peruntukan tambahan dan *viremen* berjumlah RM285.49 juta untuk menampung perbelanjaan bagi 101 program/aktiviti. Semakan Audit mendapati tambahan peruntukan yang diluluskan itu tidak dibelanjakan langsung malahan peruntukan asal juga masih mempunyai baki berjumlah RM560.73 juta. Keadaan ini boleh dielakkan sekiranya Kementerian/Jabatan berkenaan memantau peruntukannya dengan baik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.13
TAMBAHAN PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN

KEMENTERIAN/ JABATAN	BILANGAN PROGRAM/ AKTIVITI (RM Juta)	PERUNTUKAN ASAL (RM Juta)	PERUNTUKAN TAMBAHAN/ KHAS/LUAR JANGKA + VIREMEN (RM Juta)	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERUNTUKAN ASAL TIDAK BELANJA (RM Juta)
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	4	578.78	114.36	693.14	344.79	233.99
Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	1	1,435.75	43.79	1,479.54	1,219.20	216.55
Kementerian Pelajaran	4	639.13	27.27	666.40	585.46	53.67
Jumlah Kecil	9	2,653.66	185.42	2,839.08	2,149.45	504.21
26 Kementerian/Jabatan Lain	92	1,547.32	100.07	1,647.39	1,490.80	56.52
JUMLAH KESELURUHAN	101	4,200.98	285.49	4,486.47	3,640.25	560.73

d. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, **5 Kementerian telah berbelanja RM536.23 juta melebihi peruntukan keseluruhan** yang diluluskan untuk Kementerian tersebut. Bagaimanapun, peruntukan tambahan berjumlah RM536.23 juta telah pun diluluskan oleh Parlimen pada bulan Mei 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.14
PERBELANJAAN SEBENAR MELEBIH PERUNTUKAN KESELURUHAN

KEMENTERIAN	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR		VARIAN (RM Juta)	PERUNTUKAN TAMBAHAN (RM Juta)
		(RM Juta)	(%)		
Kementerian Kesihatan	9,571.82	9,771.83	102.1	(200.01)	200.01
Kementerian Pertahanan	9,390.09	9,547.24	101.7	(157.15)	157.15
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	5,062.59	5,237.76	103.5	(175.17)	175.17
Kementerian Kerja Raya	1,619.64	1,620.16	100.03	(0.52)	0.52
Kementerian Luar Negeri	544.87	548.25	100.6	(3.38)	3.38
JUMLAH	26,189.01	26,725.24		(536.23)	536.23

e. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun-tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab-sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Bagaimanapun, peruntukan ini hanya melibatkan perbelanjaan mengurus. Kelulusan daripada Akauntan Negara Malaysia perlu diperolehi sebelum bayaran dijelaskan dan sekiranya ada sebarang keraguan ia perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) mendapati bayaran berjumlah RM295.40 juta telah dibuat pada tahun 2007 di peringkat Kementerian/Jabatan untuk menjelaskan emolumen dan bekalan/perkhidmatan yang diterima pada tahun-tahun yang lalu. Jumlah ini tidak termasuk bayaran yang dibuat di peringkat negeri kerana tiada rekod diselenggarakan di Ibu Pejabat Kementerian/Jabatan berkenaan untuk memantau jumlah bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) secara keseluruhannya. Bayaran bagi 11 Kementerian/Jabatan sahaja adalah berjumlah RM240.37 juta (81.4%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.15
**KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMBUAT BAYARAN DI BAWAH
ARAHAH PERBENDAHARAAN 58(a) PADA TAHUN 2007**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN TRANSAKSI	AMAUN (RM Juta)	CONTOH TUJUAN BAYARAN SECARA UMUM
Kementerian Pelajaran	12,316	37.84	
Kementerian Kesihatan	2,388	25.40	
Kementerian Pengangkutan	505	34.41	
Kementerian Pengajian Tinggi	812	16.03	
Kementerian Belia Dan Sukan	256	13.69	
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1,643	10.40	
Kementerian Penerangan	1,771	9.17	
Kementerian Kewangan	539	8.14	
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	2,159	7.59	
Kementerian Pertahanan	4,209	73.02	
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1,783	4.68	
Jumlah Kecil	28,381	240.37	
Kementerian/Jabatan Lain	11,659	55.03	
JUMLAH KESELURUHAN	40,040	295.40	<ul style="list-style-type: none"> - Tuntutan Perjalanan - Bayaran Balik Bil Utiliti, Jamuan Makan, Penginapan - Bayaran Penyenggaraan Bangunan, Kenderaan, Mesin Pejabat - Bayaran Emolumen, Elaun Lebih Masa, Pelarasan Anjakan Gaji - Bayaran Kemajuan - Bayaran Pembekalan Kenderaan

- i. Semakan Audit selanjutnya mendapati 12 Kementerian/Jabatan telah membuat bayaran berjumlah RM165.56 juta di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) pada tahun 2007 sungguhpun Kementerian/Jabatan berkenaan tidak mempunyai sebarang baki peruntukan pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan berkenaan diterima. Sebahagian daripada bayaran ini adalah melibatkan bekalan/perkhidmatan atau pelarasan emolumen bagi tahun 2006. Didapati Kementerian/Jabatan yang terlibat telah berbelanja RM2.16 bilion melebihi peruntukan mengurusnya bagi tahun 2006. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.16
BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) PADA TAHUN 2007
SUNGGUHPUN TIADA BAKI PERUNTUKAN TAHUN 2006

KEMENTERIAN/ JABATAN	BAYARAN AP58(a) TAHUN 2007		PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN TAHUN 2006 (RM Juta)
	JUMLAH (RM Juta)	BAYARAN UNTUK TEMPOH TAHUN	
Kementerian Pelajaran	37.84	TM	802.79
Kementerian Kesihatan	25.40	1997 - 2006	487.02
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	7.59	1995 - 2006	123.03
Kementerian Pertahanan	73.02	2005 - 2006	662.17
Kementerian Belia Dan Sukan	13.69	2002 - 2006	3.04
Kementerian Sumber Manusia	0.36	2003 - 2006	4.53
Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi	0.40	2005 - 2006	0.06
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	3.06	2002 - 2006	4.43
Jabatan Perkhidmatan Awam	2.85	TM	69.70
Badan Pencegah Rasuah	0.05	TM	0.38
Parlimen	1.24	2004 - 2006	1.18
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	0.06	2005 - 2006	0.83
JUMLAH	165.56		2,159.16


Nota : TM - Tiada Maklumat

- ii. Adalah didapati antara alasan yang diberi bagi kelewatan pembayaran tersebut ialah bil/tuntutan lewat diterima, peruntukan tahun di mana perolehan/perkhidmatan diterima tidak mencukupi dan kontrak lewat ditandatangani. Masalah kelewatan pembayaran ini perlu diatasi kerana ia menjasikan imej Kerajaan.

Pada pandangan Audit, memandangkan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) akan dikenakan kepada peruntukan tahun semasa, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bil-bil dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan supaya peruntukan tahun berkenaan tidak terjejas kerana ia boleh menyebabkan aktiviti yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan.

4.1.4.2. Perbelanjaan Pembangunan

- a. Sehingga akhir tahun 2007, jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (meliputi tempoh tahun 2006 hingga 2010) untuk membiayai 1,095 projek Kementerian/Jabatan ialah RM211.22 bilion berbanding dengan RM174.44 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Pecahan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) mengikut sektor adalah seperti di carta berikut :-



- b. Sejumlah RM45.60 bilion peruntukan pembangunan telah diluluskan pada tahun 2007. Daripada jumlah ini, RM40.56 bilion (88.9%) telah dibelanjakan oleh 29 Kementerian/Jabatan untuk membiayai 1,095 projek seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.17
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2007

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
Jabatan Perdana Menteri	83	4,040.29	3,991.15
Jabatan Perkhidmatan Awam	2	70.23	57.40
Perbadanan Malaysia	27	2,459.00	2,294.13
Kementerian Luar Negeri	5	195.50	65.78
Kementerian Perusahaan Perlادangan Dan Komoditi	24	230.28	178.42
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	135	1,800.00	1,748.48
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	41	2,500.00	2,340.79
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	105	1,347.80	1,332.83
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	24	622.45	515.18
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	5	13.68	7.69
Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	63	1,040.53	1,015.99
Kementerian Kerja Raya	73	5,062.76	5,023.64
Kementerian Pengangkutan	32	2,760.90	2,728.90
Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi	36	3,056.06	2,481.69

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	27	1,529.00	1,352.27
Kementerian Pelancongan	10	243.00	127.13
Kementerian Wilayah Persekutuan	9	556.01	416.08
Kementerian Pelajaran	36	3,010.60	2,846.93
Kementerian Kesihatan	25	1,628.74	1,471.02
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	36	1,665.50	1,628.12
Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	27	255.34	171.78
Kementerian Belia Dan Sukan	26	298.49	209.82
Kementerian Sumber Manusia	82	668.18	339.26
Kementerian Penerangan	41	138.22	116.62
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	32	114.12	61.31
Kementerian Pengajian Tinggi	30	3,595.00	2,520.79
Kementerian Pertahanan	12	4,763.24	4,082.37
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	11	302.85	234.59
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	36	1,627.90	1,204.26
JUMLAH	1,095	45,595.67	40,564.42

- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan pada tahun 2007 yang melibatkan 29 Kementerian/Jabatan mendapati peraturan kewangan yang berkaitan tidak dipatuhi sepenuhnya di mana perbelanjaan telah dibuat tanpa atau melebihi peruntukan, perbelanjaan melebihi harga projek/anggaran RMK-9 dan tiada harga projek/anggaran RMK-9 dinyatakan. Terdapat juga kes-kes di mana peruntukan/tambahan peruntukan yang diluluskan tidak dibelanjakan. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah kelemahan dari segi perancangan dan pemantauan terhadap peruntukan dan perbelanjaan. Kedudukan pengurusan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2007 dan hasil analisis terhadap perbelanjaan tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.18
KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2007**

PERKARA	BILANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN TERLIBAT	BILANGAN PROJEK TERLIBAT	JUMLAH (RM Juta)
TIDAK MENGIKUT PERATURAN			
Perbelanjaan Tanpa Peruntukan	4	8	33.71
Perbelanjaan Melebihi Peruntukan	13	29	450.04
Perbelanjaan RMK-9 Tanpa Harga Projek/Anggaran RMK-9	12	46	1,114.71
Perbelanjaan RMK-9 Melebihi Harga Projek/Anggaran RMK-9	17	63	972.17
ADA KELEMAHAN DARI SEGI PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN			
Peruntukan Tidak Dibelanjakan	17	40	464.77
Peruntukan Dibelanjakan Kurang Daripada 50%	25	118	2,304.42
Pindah Peruntukan Tidak Dibelanjakan	15	18	62.73
Anggaran Tahun 2007 Melebihi Harga Projek/Anggaran RMK-9	10	16	94.75

- i. Sejumlah RM33.71 juta telah dibelanjakan oleh 4 Kementerian bagi 8 projek walaupun tiada peruntukan diluluskan untuk tujuan tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.19
PERBELANJAAN TANPA PERUNTUKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK TERLIBAT	PERBELANJAAN (RM Juta)
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	2	0.89
Kementerian Kerja Raya	1	0.50
Kementerian Pelajaran	3	31.99
Kementerian Kesihatan	2	0.33
JUMLAH	8	33.71

- ii. Sebanyak 13 Kementerian/Jabatan telah berbelanja melebihi peruntukan berjumlah RM450.04 juta untuk membiayai 29 projek. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan pengurangan peruntukan berjumlah RM2.11 bilion bagi 20 projek yang dibiayai oleh 8 Kementerian/Jabatan. Sejumlah RM408.35 juta (90.7%) daripada RM450.04 juta perbelanjaan tersebut adalah melibatkan 2 Kementerian untuk membiayai 4 projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.20
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK TERLIBAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	JUMLAH LEBIH BELANJA (RM Juta)
Kementerian Pengajian Tinggi	2	117.00	202.10	85.10
Kementerian Pertahanan	2	1,223.78	1,547.03	323.25
Jumlah Kecil	4	1,340.78	1,749.13	408.35
11 Kementerian/Jabatan Lain	25	4,565.21	4,606.90	41.69
JUMLAH KESELURUHAN	29	5,905.99	6,356.03	450.04

- iii. Adalah didapati 17 Kementerian/Jabatan telah memohon peruntukan berjumlah RM464.77 juta untuk membiayai 40 projek tetapi tiada sebarang perbelanjaan dibuat. Kementerian/Jabatan dan bilangan projek yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.21
PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
Perbendaharaan Malaysia	2	72.48
Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi	2	136.80
Kementerian Wilayah Persekutuan	1	79.71
Kementerian Sumber Manusia	10	66.55
Jumlah Kecil	15	355.54
13 Kementerian/Jabatan Lain	25	109.23
JUMLAH KESELURUHAN	40	464.77

iv. Peruntukan yang diluluskan pada tahun 2007 bagi 118 projek yang dilaksanakan oleh 25 Kementerian/Jabatan dibelanjakan kurang daripada 50%. Perkara ini berlaku antara lainnya berpunca daripada kelewatan pelaksanaan projek, tiada kelulusan penyelarasan akhir harga kontrak atau perbelanjaan kurang daripada anggaran keperluan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.22
PERUNTUKAN DIBELANJA KURANG DARIPADA 50%**

PERBELANJAAN (%)	BILANGAN KEMENTERIAN/JABATAN TERLIBAT	BILANGAN PROJEK TERLIBAT	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
Kurang Daripada 10%	18	39	638.30
10% Hingga 20%	10	16	81.58
21% Hingga 30%	12	16	519.11
31% Hingga 40%	12	23	430.39
41% Hingga < 50%	12	24	635.04
JUMLAH	118		2,304.42

v. Sebanyak 15 Kementerian/Jabatan yang menerima pindah peruntukan berjumlah RM62.73 juta bagi 18 projek tidak membelanjakannya langsung. Perbelanjaan sebenar adalah kurang daripada peruntukan asal yang diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.23
PINDAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM Juta)	PINDAH PERUNTUKAN (RM Juta)	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
Perbadaharaan Malaysia	1	0.00	17.00	17.00	0.00
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	2	121.51	4.61	126.12	109.51
Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi	1	2.50	4.00	6.50	1.62
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	1	98.00	20.00	118.00	87.04
Kementerian Sumber Manusia	2	25.92	4.10	30.02	17.06
Kementerian Pembangunan Wanita Dan Masyarakat	1	3.00	2.18	5.18	2.99
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	2	422.88	9.14	432.02	333.89
Jumlah Kecil	10	673.81	61.03	734.84	552.11
8 Kementerian/Jabatan Lain	8	125.39	1.70	127.09	112.70
JUMLAH KESELURUHAN	18	799.20	62.73	861.93	664.81

vi. Sebanyak 12 Kementerian/Jabatan telah berbelanja sejumlah RM1.11 bilion sehingga akhir tahun 2007 bagi 46 projek di bawah RMK-9. Bagaimanapun kesemua projek tersebut tidak mempunyai anggaran harga projek dan anggaran RMK-9. Sejumlah RM1.02 bilion (91.9%) daripada RM1.11 bilion perbelanjaan tersebut adalah melibatkan 4 Kementerian/Jabatan untuk membiayai 11 projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.24
PERBELANJAAN PROJEK TANPA ANGGARAN
HARGA PROJEK DAN ANGGARAN RMK-9 SEHINGGA AKHIR TAHUN 2007

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	PERBELANJAAN SEBENAR RMK-9 HINGGA 31.12.2007 (RM Juta)
Jabatan Perdana Menteri	3	179.78
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	3	182.79
Kementerian Kesihatan	4	487.61
Kementerian Pengajian Tinggi	1	165.02
Jumlah Kecil	11	1,015.20
8 Kementerian/Jabatan Lain	35	99.51
JUMLAH KESELURUHAN	46	1,114.71

vii. Pekeling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 dan Surat Pekeling Am Bilangan 1 Tahun 2007 telah menerangkan kepada semua Kementerian/Jabatan bahawa perbelanjaan sesuatu projek tidak boleh melebihi anggaran harga projek atau siling projek kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi masing-masingnya. Bagaimanapun, perbelanjaan bagi 63 projek yang dilaksanakan oleh 17 Kementerian/Jabatan telah melebihi anggaran harga projek berkenaan di bawah RMK-9 dengan sejumlah RM972.17 juta. Manakala perbelanjaan bagi 13 projek yang dilaksanakan oleh 9 Kementerian/Jabatan pula telah dibelanja melebihi anggaran harga (siling) projek dengan sejumlah RM448.41 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.25
PERBELANJAAN MELEBIHI ANGGARAN HARGA PROJEK RMK-9 DAN/ATAU ANGGARAN HARGA PROJEK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2007

KEMENTERIAN/JABATAN	PERBELANJAAN SEHINGGA AKHIR TAHUN 2007				
	MELEBIHI ANGGARAN HARGA PROJEK RMK-9		MELEBIHI ANGGARAN HARGA (SILING) PROJEK		
	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM Juta)	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM Juta)	
Perbendaharaan Malaysia	2	261.00	2	261.00	
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	3	63.72	-	-	
Kementerian Kerja Raya	10	88.31	1	1.20	
Kementerian Pengangkutan	4	155.20	2	150.31	
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	2	156.36	-	-	
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	3	67.05	-	-	
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	8	86.62	-	-	
Jumlah Kecil	32	878.26	5	412.51	
Kementerian/Jabatan Lain	31	93.91	8	35.90	
JUMLAH KESELURUHAN	63	972.17	13	448.41	

viii. Sebanyak 16 projek di 10 Kementerian/Jabatan telah menyediakan anggaran tahun 2007 melebihi harga projek/anggaran RMK-9 berjumlah RM94.75 juta dan anggaran harga (siling) projek berjumlah RM12.29 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.26
ANGGARAN TAHUN 2007 MELEBIHI HARGA PROJEK/ANGGARAN RMK-9
DAN ANGGARAN HARGA (SILING) PROJEK

KEMENTERIAN/JABATAN	ANGGARAN TAHUN 2007			
	MELEBIHI HARGA PROJEK/ ANGGARAN RMK9		MELEBIHI ANGGARAN HARGA (SILING) PROJEK	
	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM Juta)	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM Juta)
Jabatan Perdana Menteri	2	3.69	2	3.69
Perbendaharaan Malaysia	1	1.00	1	1.00
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2	10.59	-	-
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1	59.76	-	-
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	1	2.60	1	2.60
Kementerian Kerja Raya	3	1.64	-	-
Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	1	0.50	-	-
Kementerian Penerangan	1	0.06	-	-
Kementerian Pengajian Tinggi	1	5.00	1	5.00
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	3	9.91	-	-
JUMLAH	16	94.75	5	12.29

Pada pandangan Audit, perbelanjaan pembangunan yang tidak mengikut peraturan seperti yang dinyatakan di atas boleh dielakkan sekiranya Agensi Pusat sentiasa memantau perbelanjaan projek supaya ia tidak melebihi anggaran harga RMK-9 dan siling projek yang diluluskan.

4.1.4.3. Bayaran Balik Pinjaman

Penggunaan dana Kerajaan yang lain ialah bayaran balik pinjaman dalam negeri dan luar negeri. Pada tahun 2007, Kerajaan telah membuat pelbagai bayaran balik pinjaman berjumlah RM43.56 bilion berbanding dengan bayaran balik bagi tahun 2006 yang berjumlah RM31.85 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.27
BAYARAN BALIK PINJAMAN DALAM DAN LUAR NEGERI
PADA TAHUN 2006 DAN 2007

JENIS PINJAMAN	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
DALAM NEGERI				
Bil Perbendaharaan	6,411.12	6,476.99	65.87	1.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	0.00	1,600.00	1,600.00	>100.0
Sekuriti Kerajaan Malaysia	18,350.00	26,680.89	8,330.89	45.4
Pinjaman Pasaran	2,884.39	0.00	(2,884.39)	100.0
Pinjaman Lain	3,200.00	4,000.00	800.00	25.0
Jumlah Bayaran Balik Pinjaman Dalam Negeri	30,845.51	38,757.88	7,912.37	25.7
LUAR NEGERI				
Pinjaman Pasaran/Projek	1,003.81	4,803.04	3,799.23	>100.0
Jumlah Bayaran Balik Pinjaman Luar Negeri	1,003.81	4,803.04	3,799.23	>100.0
JUMLAH KESELURUHAN	31,849.32	43,560.92	11,711.60	36.8

4.1.4.4. Bayaran Wang Amanah Dan Deposit

Selain daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta bayaran balik pinjaman, penggunaan dana yang besar adalah untuk bayaran wang amanah dan deposit. Pada tahun 2007, jumlah bayaran wang amanah dan deposit **termasuk amaun pelarasan bagi beberapa transaksi yang tidak melibatkan aliran wang tunai** ialah RM364.58 bilion berbanding dengan tahun 2006 yang berjumlah RM837.50 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.28
BAYARAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT
KEDUDUKAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007

BAYARAN	TAHUN		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kumpulanwang/Akaun Amanah	824,090.26	325,873.60	(498,216.66)	60.5
Kumpulanwang Pinjaman Perumahan	9,289.17	33,240.06	23,950.89	> 100.0
Deposit	4,119.94	5,464.63	1,344.69	32.6
JUMLAH	837,499.37	364,578.29	(472,921.08)	56.5

Pada pandangan Audit, Jabatan Akauntan Negara Malaysia perlu mengasingkan jumlah wang amanah dan deposit yang dibelanjakan pada tahun 2007 daripada amaun pelarasan yang dibuat bagi kedua-dua akaun ini yang tidak melibatkan aliran wang tunai untuk menunjukkan kedudukan perbelanjaan sebenar Kerajaan.

4.1.4.5. Bayaran Lain

Pada tahun 2007 sejumlah RM567.33 juta telah digunakan melalui Akaun Amanah PFI bagi membiayai 106 projek pembangunan PFI.

4.2. LANGKAH UNTUK MENAMBAH DANA

Bagi menambah hasil Kerajaan Persekutuan, antara langkah yang boleh diambil ialah Kementerian/Jabatan perlu mendapatkan balik tunggakan hasil dan tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri/Badan Berkanun/Pihak Bekuasa Tempatan/Koperasi/Syarikat/Agensi Lain perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

4.2.1. Tunggakan Hasil

4.2.1.1. Pada akhir tahun 2007, sebanyak 57 Kementerian/Jabatan mempunyai tunggakan hasil berjumlah RM14.08 bilion di mana RM9.48 bilion (67.3%) daripadanya telah tertunggak melebihi 3 tahun. Tunggakan hasil bagi 6 Kementerian/Jabatan sahaja adalah berjumlah RM13.90 bilion (98.7%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.29
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL PADA 31 DISEMBER 2007

KEMENTERIAN/JABATAN	TUNGGAKAN HASIL				
	KASAR	DIHAPUS KIRA	BERSIH	LEBIH 3 TAHUN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lembaga Hasil Dalam Negeri	12,984.37	356.89	12,627.48	8,516.81	67.4
Jabatan Perkhidmatan Awam	381.70	-	381.70	291.86	76.5
Kementerian Pelajaran	357.99	-	357.99	267.01	74.6
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	323.18	0.04	323.14	150.86	46.7
Kementerian Kesihatan	119.97	7.38	112.59	53.60	47.6
Kementerian Penerangan	102.00	-	102.00	92.06	90.2
Jumlah Kecil	14,269.21	364.31	13,904.90	9,372.20	67.4
51 Kementerian/Jabatan Lain	180.52	2.59	177.93	111.96	62.9
JUMLAH KESELURUHAN	14,449.73	366.90	14,082.83	9,484.16	67.3

4.2.1.2. Tuggakan hasil Kerajaan Persekutuan bertambah daripada RM12.06 bilion pada akhir tahun 2005 menjadi RM14.08 bilion (16.8%) pada akhir tahun 2007. Manakala jumlah hasil yang tertunggak melebihi 3 tahun juga bertambah daripada RM6.11 bilion pada akhir tahun 2005 menjadi RM9.48 bilion (55.2%) pada akhir tahun 2007. Kedudukan tuggakan hasil bersih dan yang melebihi 3 tahun pada akhir tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.30
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL PADA AKHIR TAHUN 2005 HINGGA 2007

TAHUN	TUNGGAKAN HASIL				
	BERSIH (RM Juta)	PERTAMBAHAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)	(%)	LEBIH 3 TAHUN (RM Juta)	PERTAMBAHAN (RM Juta) (%)
				(RM Juta)	
2005	12,059.98	2,626.81	27.8	6,106.71	1,574.24 34.7
2006	14,615.90	2,555.92	21.2	9,232.50	3,125.79 51.2
2007	14,082.83	(533.07)	3.6	9,484.16	251.66 2.7

4.2.1.3. Jumlah hasil yang tertunggak melebihi 3 tahun bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 telah meningkat setiap tahun. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan tersebut adalah kerana adanya usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian Kewangan untuk memastikan Kementerian/Jabatan mengemukakan laporan tuggakan hasil dengan tepat. Pada masa yang lalu, ada Kementerian/Jabatan tidak/kurang/salah melapor tuggakan hasil. Sebagai contoh, tuggakan hasil bagi 4 Kementerian/Jabatan seperti di **Jadual 4.31** telah meningkat dengan ketara (melebihi 100%) pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 kerana Kementerian/Jabatan tersebut telah melaporkan tuggakan hasil yang sebenar pada tahun 2007 termasuk melaporkan tuggakan bayaran balik pinjaman pelajaran, pinjaman perumahan, pinjaman Tabung Ekonomi Belia dan denda kerana pecah kontrak yang tidak dilaporkan sebelum ini. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.31
CONTOH PENINGKATAN TUNGGAKAN HASIL TAHUN 2007
BERBANDING DENGAN TAHUN 2006

KEMENTERIAN/JABATAN	TUNGGAKAN HASIL BERSIH				TUNGGAKAN HASIL MELEBIHI 3 TAHUN			
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	PERBEZAAN		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	PERBEZAAN	
			(RM Juta)	(%)			(RM Juta)	(%)
Jabatan Perkhidmatan Awam	2.71	381.70	378.99	>100.0	1.51	291.86	290.35	>100.0
Kementerian Pelajaran	28.37	357.99	329.62	>100.0	20.85	267.01	246.16	>100.0
Kementerian Belia Dan Sukan	0.12	14.36	14.24	>100.0	0.02	7.81	7.79	>100.0
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	4.42	9.82	5.40	>100.0	0.16	6.79	6.63	>100.0

4.2.1.4 Semakan Audit mendapati Polis Diraja Malaysia (PDRM) hanya melaporkan tunggakan hasil berjumlah RM0.47 juta pada akhir tahun 2007. Adalah didapati sehingga 15 Februari 2008, sejumlah 14.15 juta saman yang dikeluarkan oleh PDRM antara tempoh tahun 2000 hingga 2007 masih belum dijelaskan. Jumlah kompaun tawaran yang boleh dikenakan ialah RM2.35 bilion. Butirannya adalah seperti dijadual berikut :-

JADUAL 4.32
SAMAN POLIS BELUM DIJELASKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2000 HINGGA 2007
KEDUDUKAN PADA 15 FEBRUARI 2008

TAHUN	BILANGAN SAMAN	JUMLAH KOMPAUN TAWARAN POL 170A (RM Juta)	JUMLAH KOMPAUN TAWARAN POL 257A (RM Juta)	JUMLAH KOMPAUN TAWARAN (RM Juta)
2000	756,977	52.08	40.97	93.05
2001	383,701	75.31	64.36	139.67
2002	1,349,319	96.68	72.26	168.94
2003	1,552,430	110.04	87.59	197.63
2004	2,124,927	215.13	105.04	320.17
2005	2,407,872	259.67	101.86	361.53
2006	2,750,035	300.39	136.97	437.36
2007	2,829,703	432.49	201.85	634.34
JUMLAH	14,154,964	1,541.79	810.90	2,352.69

4.2.1.5. Adalah didapati PDRM masih tidak melaporkan jumlah kompaun tawaran sebagai tunggakan hasil pada akhir tahun 2007. Ini adalah disebabkan PDRM berpandangan bahawa saman tersebut sepatutnya tidak diambil kira sebagai Akaun Belum Terima. Tambahan pula, tidak ada arahan bertulis daripada Pegawai Pengawal Kementerian Dalam Negeri yang menghendaki PDRM melaporkan amaun saman tertunggak sebagai tunggakan hasil atau Akaun Belum Terima. Sikap orang kena saman yang tidak bertanggungjawab untuk membayar kompaun dan kesukaran mengesan orang kena saman merupakan faktor yang menyebabkan tunggakan saman yang tidak dijelaskan meningkat. Bagaimanapun, pihak PDRM telah mengambil beberapa tindakan dalam menangani isu tunggakan saman bagi menambah hasil Kerajaan seperti berikut :-

- a. Menjalankan Ops Warta dari semasa ke semasa bagi mengesan pesalah trafik yang tidak menjelaskan kompaun saman.
- b. Membuka banyak kaunter di pusat membeli-belah di bandar besar dan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk membolehkan orang kena saman menjelaskan kompaun saman.
- c. Menyediakan perkhidmatan *internet* supaya orang awam boleh menyemak dan membayar kompaun saman melalui *internet*.
- d. Menyenaraihitamkan orang kena saman yang tidak menjelaskan kompaun saman di Jabatan Pengangkutan Jalan supaya mereka tidak dapat memperbaharui lesen memandunya sehingga saman dijelaskan.

4.2.1.6. Secara umumnya, antara faktor yang menyebabkan tunggakan hasil tidak dapat dikutip adalah penghutang tidak dapat dikesan; tidak mampu membayar; telah bankrap atau meninggal dunia, syarikat tidak beroperasi/telah dibubarkan/tidak dapat dikesan/tidak mampu membayar; penghutang enggan membayar hutang atau majikan enggan bekerjasama; agensi tidak mengambil berat untuk membayar dengan harapan hutang dapat dihapus kira; tiada rekod yang sahih untuk menuntut hasil tertunggak dan tuntutan sivil tidak berhasil/ keputusan mahkamah tidak dapat dilaksanakan.

4.2.1.7. Hapus Kira Tunggakan Hasil

Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan hasil yang diluluskan hapus kira seperti yang dilaporkan di Laporan Akaun Belum Terima **pada akhir bulan Jun 2007** adalah berjumlah RM430.50 juta. Bagaimanapun, hapus kira tunggakan hasil yang diluluskan seperti yang dilaporkan di Laporan Akaun Belum Terima **pada akhir tahun 2007** adalah berjumlah RM366.89 juta yang mana adalah tidak realistik. Adalah didapati 3 Kementerian/Jabatan telah melaporkan hapus kira tunggakan hasil yang berbeza pada bulan Jun 2007 dan Disember 2007. Semakan Audit selanjutnya terhadap daftar permohonan hapus kira tunggakan hasil yang diterima pada tahun 2007 yang diselenggara oleh Perbendaharaan Malaysia mendapati permohonan hapus kira adalah berjumlah RM635.22 juta. Jumlah ini adalah terdiri daripada RM632.12 juta yang diluluskan bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri dan RM3.10 juta bagi 9 Kementerian/Jabatan lain. Terdapat juga perbezaan jumlah hapus kira tunggakan hasil yang diluluskan antara rekod Kementerian/Jabatan dengan Perbendaharaan Malaysia serta surat kelulusan hapus kira. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.33
PERBEZAAN HAPUS KIRA TUNGGAKAN HASIL ANTARA
LAPORAN AKAUN BELUM TERIMA, DAFTAR PERBENDAHARAAN MALAYSIA
DAN SURAT KELULUSAN HAPUS KIRA

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH HAPUS KIRA TUNGGAKAN HASIL YANG DILULUSKAN			
	LAPORAN AKAUN BELUM TERIMA		MENGIKUT DAFTAR* PERBENDAHARAAN MALAYSIA (PENGIRAAN AUDIT) (2007)	SURAT KELULUSAN HAPUS KIRA
	SEPERTI PADA 30.06.2007 (RM Juta)	SEPERTI PADA 31.12.2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Lembaga Hasil Dalam Negeri	430.33	356.89	632.12	652.04
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	0.11	0.04	TK	0.11
Kementerian Kesihatan	TK	7.38	TK	0.02
Kementerian Pertahanan	TK	0.15	TK	TK
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	TK	TK	0.06	0.06
Jabatan Perdana Menteri	TK	1.88	TK	TK
Jabatan Imigresen	TK	0.42	TK	TK
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	TK	TK	0.01	TK
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	TK	0.05	TK	TK
Kementerian Pengajian Tinggi	TK	0.05	0.05	TK
Kementerian Pengangkutan	0.06	TK	0.22	0.22
Kementerian Pelancongan	TK	0.03	TK	TK
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	TK	TK	2.64	2.65
Kementerian Pelajaran	TK	TK	0.03	2.51
Jabatan Perkhidmatan Awam	TK	TK	0.05	0.05
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	TK	TK	0.01	TK
Jabatan Peguam Negara	TK	TK	0.03	TK
JUMLAH	430.50	366.89	635.22	657.66

Nota : (*) Daftar Permohonan Tahun 2007 TK - Tiada Kes Hapus Kira Yang Diluluskan

4.2.1.8. Daftar Permohonan Dan Kelulusan Hapus Kira Yang Diselenggara Oleh Perbendaharaan Malaysia

Semakan Audit selanjutnya terhadap Daftar Permohonan Dan Kelulusan Hapus Kira yang diselenggara oleh Perbendaharaan Malaysia mendapati ia tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tepat. Antara contohnya ialah hapus kira tunggakan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia berjumlah RM7,793.58 tidak direkodkan dalam daftar tersebut. Selain itu, jumlah hapus kira tunggakan hasil Jabatan Perkhidmatan Awam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang dicatatkan adalah berbeza antara Daftar Permohonan tersebut dan surat kelulusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.34
PERBEZAAN HAPUS KIRA TUNGGAKAN HASIL
ANTARA DAFTAR DAN SURAT KELULUSAN

JABATAN	JUMLAH KELULUSAN HAPUS KIRA TUNGGAKAN HASIL MENGIKUT		
	DAFTAR PERBENDAHARAAN MALAYSIA (RM Juta)	SURAT KELULUSAN (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
Jabatan Perkhidmatan Awam	0.09	0.05	0.04
Lembaga Hasil Dalam Negeri	478.17	65.08	413.09

Pada pandangan Audit, daftar berhubung dengan permohonan dan kelulusan hapus kira tunggakan hasil tersebut perlu diselenggara dengan betul dan tepat. Sehubungan ini, pemantauan dan semakan oleh pegawai penyelia terhadap daftar tersebut perlu dilakukan dari semasa ke semasa.

4.2.1.9. Sebagai langkah untuk menambah dana Kerajaan Persekutuan, didapati Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 berhubung dengan tatacara menyelenggara dan melapor tunggakan hasil telah dikaji semula dan disesuaikan dengan keperluan semasa. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008 (Garis Panduan) telah dikeluarkan pada 29 Februari 2008 untuk menggantikan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986. Menurut Pekeliling tersebut, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan tatacara Akaun Belum Terima yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut :-


- a. Mempunyai sistem yang berkesan bagi tujuan mengemas kini rekod Akaun Belum Terima dengan tepat.
- b. Membolehkan penyemakan semula dan tindakan susulan terhadap amaun yang masih belum dijelaskan.
- c. Memudahkan penyediaan laporan ke atas jumlah Akaun Belum Terima yang sebenarnya.
- d. Tindakan hapus kira hutang lapuk perlu selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dari semasa ke semasa.

4.2.1.10. Pekelilling berkenaan juga menekankan bahawa pemantauan terhadap Laporan Akaun Belum Terima adalah dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Kawalan Dan Pemantauan, Perbendaharaan Malaysia. Manakala Bahagian Pengurusan Audit Dalam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia adalah dipertanggungjawabkan bagi memastikan sistem perakaunan Akaun Belum Terima Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan diuruskan selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dari semasa ke semasa.

4.2.2. Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak

4.2.2.1. Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan pinjaman dari sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman yang diperolehi ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Kerajaan/Bukan Kerajaan dan Agenzi Lain untuk pelbagai tujuan. Seperti dilaporkan pada tahun-tahun yang lalu, pinjaman ini tidak dibayar balik oleh pihak yang menerima pinjaman itu mengikut jadual. Tunggakan bayaran balik pinjaman mengikut kategori peminjam bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 4.6
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BAGI TEMPOH AKHIR TAHUN 2003 HINGGA 2007



4.2.2.2. Analisis Audit mendapati pada akhir tahun 2007, tunggakan bayaran balik pinjaman adalah berjumlah RM10.62 bilion. Jumlah ini telah meningkat sejumlah RM0.58 bilion (5.8%) berbanding dengan tahun 2006 yang berjumlah RM10.04 bilion. Kedudukan baki pinjaman yang belum selesai pada 31 Disember 2007 dan tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2006 dan 2007 mengikut kategori peminjam adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.35
PINJAMAN YANG BELUM SELESAI DAN
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN

PEMINJAM	PINJAMAN BELUM SELESAI PADA 31.12. 2007 (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA	
		31.12.2006 (RM Juta)	31.12.2007 (RM Juta)
Kerajaan Negeri	15,457.88	2,958.32	3,497.61
Perbadanan Kemajuan Negeri	167.75	111.79	139.74
Pihak Berkuasa Tempatan	526.85	463.46	477.61
Badan Berkanun	6,159.23	2,572.60	2,422.78
Koperasi	193.76	15.79	15.80
Syarikat	22,105.22	3,757.64	3,898.72
Pelbagai Agenzia	2,190.76	164.29	164.32
JUMLAH	46,801.45	10,043.89	10,616.58

Pada pandangan Audit, Perbendaharaan Malaysia yang bertanggungjawab menguruskan pinjaman ini perlu mengambil tindakan yang lebih tegas untuk mendapatkan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi membolehkan Kerajaan menggunakan wang tersebut untuk tujuan pengurusan dan pembangunan yang lain serta memastikan Kerajaan tidak menanggung kerugian.

4.2.2.3. Antara syarat yang terdapat dalam perjanjian pinjaman ialah jadual bayaran balik perlu disediakan selepas pinjaman terakhir dikeluarkan kepada peminjam atau selepas berakhirnya tempoh penangguhan (grace period), yang mana lebih awal. Sekiranya tidak ada apa-apa bantahan bertulis diterima oleh pemberi pinjaman daripada peminjam dalam tempoh 30 hari selepas jadual bayaran balik dikemukakan, maka jadual bayaran balik tersebut adalah dianggap dipersetujui oleh peminjam. Jadual ini akan menjadi sebahagian daripada perjanjian. Mengikut amalan, draf jadual bayaran balik disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia sebelum diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia.

4.2.2.4. Semakan Audit mendapati jadual bayaran balik bagi 55 pinjaman berjumlah RM2.51 bilion yang diluluskan masih belum disediakan walaupun pinjaman berjumlah RM2.28 bilion telah dikeluarkan dan tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman yang diluluskan telah tamat antara tahun 1994 hingga 2007. Empat daripada pinjaman tersebut untuk Johor, Kedah, Perak dan Pulau Pinang berjumlah RM74.32 juta yang telah diluluskan antara tahun 1996 hingga 1998 kini dalam proses hapus kira. Kelewatan menyediakan jadual bayaran balik menyebabkan pihak peminjam tidak membuat bayaran balik pinjaman mereka. Jadual berikut menunjukkan pinjaman-pinjaman yang tidak mempunyai jadual bayaran balik :-

JADUAL 4.36
PINJAMAN YANG TIDAK MEMPUNYAI JADUAL BAYARAN BALIK

PEMINJAM	BILANGAN PINJAMAN TERLIBAT	PINJAMAN		TEMPOH PENANGGUHAN TAMAT	TEMPOH TIADA JADUAL BAYARAN BALIK SEHINGGA 31.12.2007 (Tahun)
		DILULUSKAN (RM Juta)	DIKELUARKAN (RM Juta)		
Negeri					
Johor	3	25.20	25.20	2001 - 2005	2 - 6
Kedah	7	74.13	73.90	2001 - 2007	1 - 6
Kelantan	1	80.00	80.00	2006	1
Melaka	5	365.04	343.79	2005 - 2006	1 - 2
Negeri Sembilan	1	11.72	4.72	2006	1
Pahang	2	12.96	12.96	2004 - 2007	1 - 3
Perak	2	17.34	16.33	2001 - 2006	1 - 6
Perlis	4	21.63	18.48	2000 - 2006	1 - 7
Pulau Pinang	1	4.18	2.84	1999	8
Sabah	7	166.41	130.68	2005 - 2007	1 - 2
Selangor	1	25.00	24.90	1998	9
Terengganu	5	73.70	51.72	2005 - 2006	1 - 2
Jumlah Kecil	39	877.31	785.52	1998 - 2007	1 - 9
Badan Berkanun	2	34.80	34.80	2005 - 2007	1 - 3
Syarikat	11	1,326.17	1,211.64	1994 - 2007	1 - 13
Koperasi	1	1.31	1.31	2003	4
Pelbagai	2	271.50	246.00	2005 - 2006	1 - 2
Jumlah Kecil	16	1,633.78	1,493.75	1994 - 2007	1 - 13
JUMLAH KESELURUHAN	55	2,511.09	2,279.27	1994 - 2007	1 - 13

Pada pandangan Audit, Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia hendaklah mewujudkan satu mekanisme untuk memantau dan memastikan jadual bayaran balik dikeluarkan sebelum tamat tempoh penangguhan bayaran balik supaya agensi yang meminjam dapat membayar balik pinjaman pada masa yang tepat dan seterusnya mengurangkan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan. Tempoh penyediaan jadual bayaran balik juga perlu ditentukan supaya tempoh tersebut tidak mengambil masa yang terlalu lama.

4.2.2.5. Semakan Audit terhadap pinjaman oleh Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri, Badan Berkanun, Syarikat, Pihak Berkuasa Tempatan, Koperasi dan Pelbagai Agensi mendapati 926 (56.5%) daripada 1,638 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 6 bulan hingga 29 tahun. Peningkatan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM572.69 juta pada akhir tahun 2007 adalah melibatkan 3,254 ansuran bayaran balik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.37
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 31 DISEMBER 2007

PEMINJAM	PINJAMAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				BIL. ANSURAN* TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2007	TEMPOH* TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2007		
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2006 (RM Juta)	31.12.2007 (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)				
		BIL.	(%)							
Kerajaan Negeri	1,173	573	48.8	2,958.32	3,497.61	539.29	18.2	2,163	1 - 23 Tahun	
Perbadanan Kemajuan Negeri	3	3	100	111.79	139.74	27.95	25.0	15	4 Tahun	
Badan Berkanun	316	249	78.8	2,572.60	2,422.78	(149.82)	5.8	477	1 - 29 Tahun	
Syarikat	72	46	63.8	3,757.64	3,898.72	141.08	3.7	230	6 Bulan - 18 Tahun	
Pihak Berkuasa Tempatan	59	40	67.8	463.46	477.61	14.15	3.0	286	3 - 15 Tahun	
Koperasi	11	11	100	15.79	15.80	0.01	0.1	66	5 - 27 Tahun	
Pelbagai Agensi	4	4	100	164.29	164.32	0.03	0.02	17	3 - 7 Tahun	
JUMLAH	1,638	926	56.5	10,043.89	10,616.58	572.69	5.7	3,254	6 Bulan - 29 Tahun	

Nota : () Bilangan Ansuran Tertunggak Dan Tempoh Tertunggak Adalah Untuk Pinjaman Dalam Negeri Sahaja*

4.2.2.6. Semakan Audit selanjutnya terhadap tunggakan bayaran balik pinjaman oleh pihak-pihak berkenaan mendapati perkara berikut :-

a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri

- i. Adalah didapati kesemua Kerajaan Negeri tidak menjelaskan sebahagian bayaran balik pinjaman mengikut jadual. Pada tahun 2007, sebanyak 573 (48.8%) daripada 1,173 pinjaman yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 1 hingga 23 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM539.29 juta (18.2%) iaitu

daripada RM2.96 bilion pada akhir tahun 2006 menjadi RM3.50 bilion pada akhir tahun 2007. Peningkatan ini melibatkan pinjaman kesemua Kerajaan Negeri. Pada keseluruhannya, bayaran balik pinjaman pada tahun 2007 adalah berjumlah RM333.29 juta berbanding dengan RM3.70 bilion yang sepatutnya dibayar balik. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri adalah seperti dijadual berikut :-

JADUAL 4.38
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007

KERAJAAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2006 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2007		PELARASAN (RM Juta)	31.12.2007 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)			
Johor	174	137	78.7	655.88	48.42	20.73	4.94	688.51	1 - 10
Kedah	90	62	68.9	511.67	74.94	17.10	6.37	575.88	1 - 11
Kelantan	26	11	42.3	52.96	19.66	0.13	0.54	73.03	1 - 3
Melaka	111	34	30.6	41.49	51.71	26.84	3.33	69.69	1 - 7
Negeri Sembilan	97	71	73.2	246.07	89.87	2.87	-	333.07	1 - 11
Pahang	135	88	65.2	359.02	66.37	3.11	10.75	433.03	1 - 9
Perak	106	3	2.8	11.79	34.99	33.65	0.03	13.16	7 - 10
Perlis	35	23	65.7	36.99	14.31	1.63	(0.10)	49.57	1 - 7
Pulau Pinang	52	22	42.3	74.23	26.68	6.04	-	94.87	2 - 3
Sabah	55	3	5.4	35.13	63.96	101.48	69.17	66.78	1
Sarawak	151	6	4.0	29.75	96.53	86.49	2.20	41.99	1
Selangor	48	45	93.8	589.12	95.57	1.50	-	683.19	1 - 10
Terengganu	93	68	73.1	314.22	59.25	31.72	33.09	374.84	1 - 23
JUMLAH	1,173	573	48.8	2,958.32	742.26	333.29	130.32	3,497.61	1 - 23

Nota : ()Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja*

- ii. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada Kementerian Kewangan, sebahagian besar tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri akan dapat diselesaikan apabila isu pengambilalihan bekalan air diatasi.
- iii. Adalah diperhatikan 2 bidang tanah yang bernilai RM1.54 juta yang diambil alih daripada Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 1994 sebagai bayaran balik pinjaman (offset) masih belum ditukar hakmilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. **Pada pandangan Audit, pihak Perbendaharaan Malaysia perlu mengambil tindakan segera memandangkan hal ini telah berlarutan selama 13 tahun.**

b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri

Semakan Audit mendapati 3 Perbadanan Kemajuan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM139.74 juta dan tempoh ia tertunggak adalah selama 4 tahun. Tiada bayaran balik pinjaman dibuat oleh ketiga-tiga Perbadanan tersebut pada tahun 2007. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Perbadanan Kemajuan Negeri adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.39
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				
	BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2006 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2007		31.12.2007 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)		
Melaka	1	1	100	51.15	12.79	TBB	63.94	4
Negeri Sembilan	1	1	100	33.32	8.33	TBB	41.65	4
Perlis	1	1	100	27.32	6.83	TBB	34.15	4
JUMLAH	3	3	100	111.79	27.95	TBB	139.74	4

Nota : *TBB - Tiada Bayaran Balik* (*) Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

c. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun

- i. Semakan Audit mendapati sebanyak 249 (78.8%) daripada 316 pinjaman yang disalurkan kepada Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM2.42 bilion pada akhir tahun 2007 iaitu berkurangan sejumlah RM149.82 juta berbanding dengan tahun 2006. Tempoh tunggakan adalah antara 1 hingga 29 tahun. Pada keseluruhannya, bayaran balik pinjaman pada tahun 2007 adalah berjumlah RM296.08 juta berbanding dengan RM2.73 bilion yang sepatutnya dibayar balik.
- ii. Adalah didapati sejumlah RM2.09 bilion (86.3%) daripada keseluruhan jumlah tunggakan melibatkan pinjaman oleh Bank Pertanian Malaysia, Lembaga Letrik Sabah (dikenali sebagai Sabah Electricity Sdn Bhd. selepas diswastakan), Perbadanan Aset Keretapi dan Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA). Semakan Audit juga mendapati Perbadanan Aset Keretapi (dikenali sebagai Keretapi Tanah Melayu sebelum diperbadankan) mempunyai tunggakan yang tertinggi iaitu berjumlah RM1.10 bilion. Kedudukan tunggakan bayaran balik bagi Badan Berkanun adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.40
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BADAN BERKANUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007

BADAN BERKANUN	PINJAMAN			TUNGGAKAN					TEMPOH* (Tahun)	
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2006 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2007		PELARASAN (RM Juta)	31.12.2007 (RM Juta)		
		BIL.	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)				
Bank Pertanian Malaysia	42	26	61.9	513.30	18.90	TBB	0.44	532.64	1 - 29	
Dewan Bahasa Dan Pustaka	1	1	100.0	TT	0.58	TBB	TB	0.58	1	
Lembaga Air Perak	17	2	11.8	119.61	2.49	3.23	TB	118.87	-	
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	16	15	93.8	113.97	12.81	2.79	TB	123.99	1 - 10	
Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara	11	11	100.0	41.70	2.39	TBB	TB	44.09	1 - 9	
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah	10	4	40.0	39.26	8.45	8.64	TB	39.07	1 - 14	
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah	17	17	100.0	2.20	2.20	TBB	TB	4.40	1 - 2	
Lembaga Letrik Sabah	8	4	50.0	295.43	24.72	50.00	3.45	273.60	1 - 12	
Lembaga Pembangunan Langkawi	2	0	0	2.98	3.33	7.00	0.69	0	TT	
Perbadanan Aset Keretapi	9	7	77.8	1,160.75	(6.43)	34.58	(16.64)	1,103.10	4 - 5	
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang	16	0	0	0.27	4.51	4.78	0	0	TT	
Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA)	167	162	97.0	283.13	84.86	185.06	(0.49)	182.44	2 - 7	
JUMLAH	316	249	78.8	2,572.60	158.81	296.08	(12.55)	2,422.78	1 - 29	

Nota : TB - Tidak Berkenaan TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan
(*) Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

d. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat Kerajaan/Bukan Kerajaan

Pada tahun 2007, sebanyak 46 (63.8%) daripada 72 pinjaman yang disalurkan kepada syarikat Kerajaan/Bukan Kerajaan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 6 bulan hingga 18 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman bagi syarikat tersebut pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM3.90 bilion iaitu kenaikan sejumrah RM141.08 juta (3.7%) berbanding dengan RM3.76 bilion pada akhir tahun 2006. Adalah didapati hanya 6 daripada 15 syarikat yang mempunyai tunggakan menjelaskan anuiti dan tunggakan pada tahun 2007. Pada keseluruhannya sejumrah RM404.15 juta telah dibayar balik berbanding dengan RM4.36 bilion yang sepatutnya dibayar balik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.41
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007

SYARIKAT	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					TEMPOH* (Tahun)	
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2006 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2007		PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	31.12.2007 (RM Juta)		
		BIL.	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)				
SYARIKAT KERAJAAN										
Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Berhad	15	1	6.7	10.00	10.00	TBB	TB	20.00	1 Tahun	
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	8	5	62.5	92.18	28.53	**144.87	104.06	79.90	1 - 6 Tahun	
Equal Concept Sdn. Bhd.	1	1	100	105.35	TB	TBB	(105.35)	TT	-	
JKP Sdn. Bhd.	1	1	100	7.74	TB	1.00	TB	6.74	5 Tahun	

SYARIKAT	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2006 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2007		PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	31.12.2007 (RM Juta)	TEMPOH*
		BIL.	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)			
SYARIKAT KERAJAAN									
Keretapi Tanah Melayu Berhad	5	4	80.0	303.13	99.19	TBB	TB	402.32	6 Tahun
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	1	1	100	TT	38.00	TBB	TB	38.00	6 Bulan
Kedah Aquaculture Sdn.Bhd.	1	1	100	9.48	4.74	TBB	TB	14.22	2 Tahun
KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd.	1	1	100	3.50	TB	1.00	TB	2.50	1 Tahun
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	1	1	100	107.88	20.15	30.00	TB	98.03	5 Tahun
Malaysia Debt Ventures Berhad	2	1	50	10.87	219.09	225.11	TB	4.85	-
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	18	15	83.3	3,022.73	40.74	TBB	TB	3,063.47	7 - 18 Tahun
Telekom Malaysia Berhad	3	-	-	0.17	0.50	0.67	TB	TT	-
UDA Holdings Berhad	10	10	100	51.45	73.40	TBB	(51.45)	73.40	1 Tahun
SYARIKAT BUKAN KERAJAAN									
Airport Limo (M) Sdn. Bhd.	1	1	100	9.52	10.02	1.50	TB	18.04	-
Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON)	2	1	50	TT	49.79	TBB	TB	49.79	1 Tahun
SME Ordinance Sdn. Bhd.	1	1	100	19.73	2.47	TBB	TB	22.20	7 Tahun
Warisan Jengka Holdings (M) Sdn.Bhd.	1	1	100	3.91	1.35	TBB	TB	5.26	5 Tahun
JUMLAH	72	46	63.8	3,757.64	597.97	404.15	(52.74)	3,898.72	6 Bulan - 18 Tahun

Nota : TB - Tidak Berkennaan TBB - Tiada Bayaran Balik
(*) Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja TT - Tiada Tunggakan
(**) Pelarasan Faedah Pinjaman

e. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan

Pada akhir tahun 2007, pinjaman tertunggak oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah berjumlah RM477.61 juta berbanding dengan RM463.46 juta pada akhir tahun 2006. Adalah didapati hanya Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membuat bayaran berjumlah RM12.49 juta pada tahun 2007, manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Seremban tidak membuat bayaran langsung. Tempoh tunggakan bayaran balik bagi keempat-empat Pihak Berkuasa Tempatan adalah antara 3 hingga 15 tahun. Kesemua tunggakan tersebut adalah merupakan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi projek pembentungan yang diuruskan oleh PBT yang kemudiannya diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Butirannya adalah di jadual berikut :-

JADUAL 4.42 TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2006 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2007		PELARASAN (RM Juta)	31.12.2007 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)			
Majlis Perbandaran Seberang Perai	3	3	100	187.34	TB	TBB	TB	187.34	5 - 12
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	27	23	85.2	157.26	16.77	12.37	3.52	165.18	13 - 15
Majlis Perbandaran Seremban	2	2	100	90.65	6.23	TBB	TB	96.88	15
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	27	12	44.4	28.21	0.12	0.12	TB	28.21	3 - 14
JUMLAH	59	40	67.8	463.46	23.12	12.49	3.52	477.61	3 - 15

Nota : TB - Tidak Berkennaan TBB - Tiada Bayaran Balik (*) Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

f. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi

Adalah didapati Koperasi Belia Nasional Berhad, Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad dan Koperasi Pekebun Getah Pasir Puteh Berhad tidak membayar balik tunggakan pada tahun 2007 yang berjumlah RM15.80 juta. Ketiga-tiga koperasi tersebut mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara 5 hingga 27 tahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.43
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KOPERASI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007

KOPERASI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2006	ANUITI TAHUN 2007		31.12.2007	TEMPOH
		BIL.	(%)	(RM Juta)	SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)
Koperasi Belia Nasional Berhad	9	9	100	9.69	TB	TBB	9.69	21 - 27
Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad	1	1	100	6.06	TB	TBB	6.06	10
Koperasi Pekebun Getah Pasir Puteh Berhad	1	1	100	0.04	0.01	TBB	0.05	5
JUMLAH	11	11	100	15.79	0.01	TBB	15.80	5 - 27

Nota : TB - Tidak Berkenaan TBB - Tiada Bayaran Balik

g. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi

Semakan Audit mendapati 3 agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM164.32 juta pada akhir tahun 2007. Tunggakan bagi Jabatan Penerbangan Awam yang berjumlah RM154.14 juta adalah termasuk pinjaman luar negeri yang berjumlah RM1.67 juta dan pinjaman dalam negeri yang berjumlah RM152.47 juta manakala Persatuan Asrama Belia Malaysia dan Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi adalah merupakan pinjaman dalam negeri sahaja yang masing-masingnya berjumlah RM0.18 juta dan RM10.0 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati ketiga-tiga agensi tersebut tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.44
JADUAL TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PELBAGAI AGENSI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007

PELBAGAI AGENSI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2006 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2007		31.12.2007 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)		SEPATUTNYA (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)		
Jabatan Penerbangan Awam	2	2	100	154.14	38.11	38.11	154.14	3
Persatuan Asrama Belia Malaysia	1	1	100	0.15	0.03	TBB	0.18	5
Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi	1	1	100	10.00	TB	TBB	10.00	7
JUMLAH	4	4	100	164.29	38.14	38.11	164.32	3 - 7

Nota : TBB - Tiada Bayaran Balik TB - Tidak Berkenaan (*) Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja

4.2.3. Memantau Penggunaan Dan Pembayaran Balik Pinjaman Yang Dijamin

4.2.3.1. Pada akhir tahun 2007, Kerajaan Persekutuan telah memberi jaminan untuk pinjaman yang dibuat oleh 2 Badan Berkanun dan 16 syarikat milik Kerajaan dari pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negeri seperti yang dibenarkan oleh Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Kerajaan memberi jaminan kepada pihak berkenaan untuk membolehkan mereka melaksanakan beberapa projek besar yang boleh merangsang pembangunan ekonomi negara. Pada akhir tahun 2007, jumlah pinjaman yang melibatkan Badan Berkanun dan syarikat milik Kerajaan yang diberi jaminan oleh Kerajaan Persekutuan ialah RM62.54 bilion. Jumlah pinjaman yang diberi jaminan itu menunjukkan peningkatan RM3.23 bilion berbanding dengan tahun 2006 yang berjumlah RM59.31 bilion. Kedudukan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2007 dan 4 tahun sebelumnya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.45
KEDUDUKAN PINJAMAN YANG DIBERI JAMINAN OLEH
KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2003 HINGGA 2007**

TAHUN	PINJAMAN DALAM NEGERI (RM Juta)	PINJAMAN LUAR NEGERI (RM Juta)	JUMLAH PINJAMAN YANG DIJAMIN (RM Juta)	PENINGKATAN (RM Juta)
2003	41,707.62	10,968.59	52,676.21	2,154.26
2004	33,936.07	19,401.66	53,337.73	661.52
2005	38,101.82	17,579.03	55,680.85	2,343.12
2006	38,857.10	20,457.01	59,314.11	3,633.26
2007	44,700.10	17,848.43	62,548.53	3,234.42

4.2.3.2. Daripada jumlah pinjaman yang diberi jaminan pada akhir tahun 2007, sejumlah RM61.24 bilion (97.9%) adalah merupakan jaminan bagi pinjaman yang dibuat oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan 11 syarikat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.46
PINJAMAN BADAN BERKANUN DAN SYARIKAT YANG MENDAPAT JAMINAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2006 DAN 2007**

PEMINJAM	BAKI PINJAMAN YANG DIJAMIN PADA AKHIR TAHUN	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
BADAN BERKANUN		
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	5,700.00	7,500.00
SYARIKAT		
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	9,112.24	9,039.84
Khazanah Nasional Berhad	9,370.00	9,350.00
Kuala Lumpur International Airport Bhd.	8,829.47	8,750.21
Penerbangan Malaysia Berhad	8,889.38	8,258.54
Prasarana Negara Berhad	5,921.00	5,921.00
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	-	3,000.00
Tenaga Nasional Bhd.	2,691.62	3,237.20

PEMINJAM	BAKI PINJAMAN YANG DIJAMIN PADA AKHIR TAHUN	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Aircraft Business Malaysia Sdn. Bhd.	2,192.99	1,830.03
Silterra Malaysia Sdn. Bhd.	1,525.74	1,820.86
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,011.60	1,011.60
Sarawak Capital Resources Ltd.	1,757.63	1,523.02
Jumlah Kecil	57,001.67	61,242.30
Badan Berkanun Dan Syarikat Lain	2,312.44	1,306.23
JUMLAH KESELURUHAN	59,314.11	62,548.53

4.2.3.3. Semakan Audit mendapati 14 syarikat/agensi selain daripada mendapat jaminan juga mendapat sama ada pinjaman, pelaburan atau kedua-duanya daripada Kerajaan Persekutuan. Didapati 2 syarikat mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM552.64 juta. Kedudukan jaminan, pelaburan dan pinjaman dalam syarikat/agensi tersebut dan tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.47
KEDUDUKAN JAMINAN, PELABURAN DAN PINJAMAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN KEPADA SYARIKAT/AGENSI PADA AKHIR TAHUN 2007

PEMINJAM	BAKI PINJAMAN YANG DIJAMIN (RM Juta)	NILAI BUKU PELABURAN (RM Juta)	PINJAMAN	
			BAKI BELUM SELESAI (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK (RM Juta)
Bank Pertanian Malaysia	100.97	240.75	2,100.41	532.64
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,011.60	9.99	TB	TB
Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Berhad	487.08	TB	1,303.09	20.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	9,039.84	2,823.36	1,104.40	TB
Khazanah Nasional Berhad	9,350.00	5,607.91	TB	TB
Kuala Lumpur International Airport Bhd.	8,750.21	200.00	TB	TB
Penerangan Malaysia Berhad	8,258.54	RM1.00	TB	TB
Pemodalan Nasional Berhad	500.00	RM1.00	161.47	TB
Pemodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad	177.92	TB	213.03	TB
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	3,000.00	630.28	TB	TB
Prasarana Negara Berhad	5,921.00	3,825.55	TB	TB
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	35.69	TB	886.64	TB
Telekom Malaysia Berhad	4.56	TB	0.12	TB
Tenaga Nasional Berhad	3,237.20	TB	(157.04)	TB
JUMLAH	49,874.61	13,337.84	5,612.12	552.64

Nota : TB - Tidak Berkenaan

Pada pandangan Audit, Perbendaharaan Malaysia perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap prestasi syarikat yang mendapat jaminan daripada Kerajaan bagi memelihara kepentingan Kerajaan.

4.3. WANG TUNAI DALAM BANK

4.3.1. Deposit Dalam The Co-Operative Central Bank Limited (CCB)

Semakan Audit mendapati Jabatan Akauntan Negara Malaysia mempunyai deposit di dalam The Co-Operative Central Bank Limited (CCB) yang berbaki RM160.92 juta pada akhir tahun 2007. Bagaimanapun disebabkan oleh masalah kewangannya, bank ini telah diambilalih oleh Mayban Allied Berhad {dahulu dikenali sebagai PhileoAllied Bank (Malaysia) Berhad}. Berdasarkan surat yang dikemukakan oleh Bank Negara Malaysia kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Januari 2006, deposit ini hanya boleh dikembalikan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia sekiranya Mayban Allied Berhad diluluskan kredit cukai berjumlah RM200.0 juta oleh Kementerian Kewangan. Bagaimanapun setelah dibangkitkan oleh pihak Audit, CCB telah mengembalikan deposit ini pada 2 Jun 2008.

4.3.2. Penyata Penyesuaian Bank

Penyata Penyesuaian Bank adalah satu penyata yang disediakan oleh setiap Pejabat Perakaunan selepas akhir bulan untuk menerangkan perbezaan antara baki di penyata bank dan di buku tunai. Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Penyata Penyesuaian Bank Bulanan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh 2 minggu selepas akhir tiap-tiap satu bulan. Semakan Audit yang dijalankan di 36 Pejabat Perakaunan mendapati beberapa kelemahan dalam penyediaan Penyata Penyesuaian Bank seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.48
KELEMAHAN PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN BANK PADA TAHUN 2007**

PERKARA	BIL. PEJABAT PERAKAUNAN TERLIBAT	BIL. AKAUN BANK TERLIBAT
Penyata Penyesuaian Bank Lewat Dikemukakan	10	32
Baki Permulaan Di Dalam Penyata Bank Bulan Semasa Berbeza Dengan Baki Di PPB Bulan Sebelumnya	7	11
Baki Buku Tunai Berbaki Kredit	18	37
Baki Permulaan Lejar Bank (C420) Bulan Semasa Berbeza Dengan Baki Di PPB Bulan Sebelumnya	7	15
Baki Buku Tunai (Kiraan) Tidak Sama Dengan Baki Lejar Bank (C420) Seperti Di PPB Bulan Semasa	4	6
Baki Bank Di PPB Berbeza Dengan Baki Di Penyata Bank	10	16
Urusniaga Yang Tertinggal Di PPB	3	6
Urusniaga Yang Lama Tertunggak	9	20

Nota : PPB - Penyata Penyesuaian Bank

4.4. PELABURAN

4.4.1. Pelaburan Kumpulanwang Amanah Dan Pelaburan Am

Pelaburan Kerajaan terdiri daripada pelaburan kumpulanwang amanah dan pelaburan am. Pelaburan yang dibuat daripada kumpulanwang amanah adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuatkuasa. Manakala pelaburan am adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulanwang Disatukan selain daripada

kumpulanwang amanah. Nilai buku pelaburan ini telah berkurang sejumlah RM33.09 bilion (76.8%) menjadi RM9.98 bilion pada akhir tahun 2007 berbanding dengan akhir tahun 2006 yang berjumlah RM43.07 bilion. Pengurangan yang ketara ini adalah disebabkan oleh Kumpulanwang Amanah Pencen (KWAP) telah ditukar status menjadi badan berkanun dan dikenali sebagai Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) mulai bulan Mac 2007. Justeru itu, semua pelaburannya telah tidak diambilkira dalam Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2007. Pelaburan KWAP pada akhir tahun 2006 adalah berjumlah RM34.03 bilion. Butiran mengenai pelaburan Kerajaan pada akhir tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.49
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2006 DAN 2007**

PERHAL	NILAI BUKU PADA 31 DISEMBER		PENINGKATAN / (PENURUNAN)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PELABURAN KUMPULANWANG AMANAH				
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	2,534.13	3,056.74	522.61	20.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	6,003.69	364.58	(5,639.11)	93.9
Saham	11,379.09	0.78	(11,378.31)	100.0
Deposit Luar Negeri	132.86	132.49	(0.37)	0.3
Deposit Dalam Negeri	8,308.78	3,886.80	(4,421.98)	53.2
Pelbagai	12,298.73	0.00	(12,298.73)	100.0
Jumlah Kecil	40,657.28	7,441.39	(33,215.89)	81.7
PELABURAN AM				
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	226.29	403.64	177.35	78.4
Sekuriti Kerajaan Malaysia	42.57	36.97	(5.60)	13.2
Saham	2,080.30	2,080.30	0.00	0.0
Deposit Luar Negeri	66.63	16.09	(50.54)	75.9
Pelbagai	1.67	1.67	0.00	0.0
Jumlah Kecil	2,417.46	2,538.67	121.21	5.0
JUMLAH KESELURUHAN	43,074.74	9,980.06	(33,094.68)	76.8

4.4.1.1. Seperti mana yang dilaporkan pada tahun yang lalu, **hasil jualan saham Pos Malaysia Berhad berjumlah RM800.0 juta masih tidak diperakaunkan ke Kumpulanwang Hasil Disatukan setakat akhir tahun 2007**. Keuntungan daripada penjualan saham ini berjumlah RM280.71 juta juga tidak ditunjukkan dalam Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2001. Sebaliknya pada tahun 2006, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah membuat pelarasian yang menunjukkan Kerajaan mengalami kerugian daripada penjualan saham tersebut berjumlah RM39.29 juta.

4.4.1.2. Pada akhir tahun 2007, Crown Agent Investment Management Limited (CAIML) menguruskan sejumlah RM419.73 juta pelaburan am bagi pihak Kerajaan Malaysia. Didapati perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan CAIML yang menguruskan pelaburan am dalam sekuriti Kerajaan luar negeri dan deposit luar negeri masih belum ditandatangani sungguhpun CAIML telah mengemukakan dokumen perjanjian berkenaan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk ditandatangani pada akhir tahun 2006.

4.4.2. Pelaburan Dalam Badan Berkanun, Syarikat Dan Agensi

4.4.2.1. Selain daripada membuat pelaburan daripada Kumpulanwang Amanah, Kerajaan juga membuat pelaburan dalam badan berkanun, syarikat dan agensi antarabangsa daripada peruntukan mengurus dan pembangunan. Pelaburan ini dibuat melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan ditunjukkan di bawah Akaun Memorandum Pelaburan. Pada akhir tahun 2007, MKD memegang saham dengan nilai buku berjumlah RM24.41 bilion berbanding RM21.27 bilion pada akhir tahun 2006 iaitu meningkat sejumrah RM3.14 bilion (14.8%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.50
PEGANGAN SAHAM OLEH MKD
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2006 DAN 2007**

KATEGORI	BILANGAN SYARIKAT		NILAI BUKU SAHAM		PENINGKATAN	
	2006	2007	31.12.2006 (RM Juta)	31.12.2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Agensi Antarabangsa	1	1	38.57	38.57	-	-
Badan Berkanun	5	5	1,146.95	1,146.95	-	-
Syarikat	88	97	20,086.56	23,228.10	3,141.54	15.6
JUMLAH	94	103	21,272.08	24,413.62	3,141.54	14.8

4.4.2.2. Syarikat Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd. (PSDC) telah ditubuhkan pada tahun 1992 dan ia adalah merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Persekutuan. Pada bulan September 2006, Kementerian Kewangan telah membayar RM10.0 juta kepada PSDC untuk tujuan menambah modal berbayar syarikat ini. Bagaimanapun, peningkatan modal berbayar ini ditangguhkan oleh Lembaga Pengarahnya atas arahan Kementerian Kewangan sehingga struktur organisasinya disusun semula. Sehingga akhir tahun 2007, didapati bahawa modal berbayar syarikat ini masih belum ditambah dengan jumlah yang telah dibayar oleh Kementerian Kewangan kerana penyusunan semula syarikat masih belum selesai. **Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan hendaklah memastikan syarikat berkenaan mempercepatkan penstrukturran semula organisasi bagi membolehkannya menambah modal berbayar syarikat dengan peruntukan yang telah diberi.**

4.4.2.3. Kerajaan Persekutuan memegang 100% ekuiti dalam Syarikat Malaysia Batek And Handicraft Berhad dengan nilai buku RM0.30 juta. Semakan Audit mendapati syarikat tersebut telah pun diambil tindakan penggulungan sejak tahun 1990 iaitu selama 17 tahun. Bagaimanapun, ia masih ditunjukkan sebagai syarikat MKD dalam Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan.

4.5. PENGURUSAN KUMPULANWANG AMANAH KERAJAAN, AKAUN AMANAH AWAM DAN DEPOSIT

Kumpulanwang Amanah Kerajaan (Kumpulanwang Amanah) ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Sebahagian daripada Kumpulanwang ini merupakan Kumpulanwang Pusingan manakala yang lain adalah

bagi bayaran langsung. Kumpulanwang Amanah mendapat peruntukan kewangan daripada Kerajaan dan perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan sama ada oleh undang-undang yang mewujudkannya atau pun Surat Ikatan Amanah yang berkaitan. Akaun Amanah Awam (Akaun Amanah) pula diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Deposit merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Setakat 31 Disember 2007, sebanyak 326 Kumpulanwang Amanah berbaki RM21.28 bilion, 299 Akaun Amanah berbaki RM2.89 bilion dan 455 Akaun Deposit berbaki RM6.29 bilion diuruskan oleh pelbagai Kementerian/Jabatan. Semakan Audit mendapatkan perkara berikut :-

4.5.1. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001, Penyata Tahunan bagi sesuatu Akaun Amanah/Kumpulanwang Amanah perlu dikemukakan oleh Pegawai Pengawal kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit sebelum akhir bulan Mac tahun berikutnya. Adalah didapati 19 Penyata Tahunan 2007 lewat diserah oleh pelbagai Kementerian/Jabatan antara 7 hingga 25 hari manakala 5 Penyata Tahunan 2007 belum dikemukakan untuk pengauditan sehingga akhir bulan April 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.51
PENYATA TAHUNAN KUMPULANWANG AMANAH DAN AKAUN AMANAH
YANG LEWAT/BELUM DIKEMUKAKAN SETAKAT AKHIR BULAN APRIL 2008

JENIS AKAUN	BILANGAN PENYATA TAHUNAN 2007				BILANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN TERLIBAT
	LEWAT DITERIMA	BELUM DITERIMA	JUMLAH	BAKI PADA 31.12.2007 (RM Juta)	
Kumpulanwang Amanah	1	-	1	97.82	1
Akaun Amanah	18	5	23	683.71	11
JUMLAH	19	5	24	781.53	

4.5.2. Akaun *Conversion*

Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mewujudkan Akaun *Conversion* untuk tujuan memperakaunkan baki yang tidak dapat dipindahkan daripada sistem perakaunan lama (BAS dan CAS) kepada sistem perakaunan yang baru (GFMAS) kerana maklumat mengenainya masih tidak dapat dikenal pasti. Pada akhir tahun 2007, akaun ini berbaki RM1.10 juta di Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia manakala kedudukannya di Pejabat Perakaunan adalah seperti berikut :-

4.5.2.1. Sejumlah RM512.98 juta baki Akaun *Conversion*—GL BAS/CAS telah ditunjukkan di bawah Akaun Penyelesaian Jabatan Mengakaun Sendiri - Kementerian Pertahanan.

4.5.2.2. Sejumlah RM0.66 juta baki Akaun *Conversion* telah ditunjukkan di bawah penyata penyesuaian Akaun Panjar Wang Runcit kerana pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak mempunyai maklumat berhubung dengan transaksi yang berkaitan dengan amaun ini.

4.5.2.3. Kementerian Penerangan masih belum membuat pelarasan terhadap baki 3 Akaun *Conversion* berjumlah RM103.99 juta sebaliknya ia telah ditunjukkan dalam penyata penyesuaian amanah.

4.5.3. Akaun Kena Bayar (AKB) Tahun 2007

Akaun Kena Bayar merupakan jumlah yang terhutang kepada pembekal di mana barang dan perkhidmatan diperolehi oleh Kerajaan sehingga akhir tahun tetapi bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Semakan Audit mendapati baki AKB pada tahun 2007 adalah berjumlah RM11.58 bilion berbanding dengan baki pada tahun 2006 berjumlah RM10.09 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.52
AKAUN KENA BAYAR TAHUN 2007**

JENIS AKAUN KENA BAYAR	BAKI PADA 31.12.2006 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2007 (RM Juta)
Pembangunan	5,050.46	4,580.21
Mengurus	5,029.78	6,977.35
Pencen	(31.09)	19.86
Amanah	36.75	0.00
JUMLAH	10,085.90	11,577.42

4.5.3.1. Semakan Audit terhadap Laporan AKB Mengikut Pejabat Perakaunan (Laporan ZRGL045) mendapati 26 Kementerian/Jabatan telah membelanjakan RM4.27 bilion melalui AKB iaitu lebih 10% daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kementerian/Jabatan yang terlibat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.53
AKAUN KENA BAYAR LEBIH 10% DARIPADA PERBELANJAAN PADA TAHUN 2007**

KEMENTERIAN/JABATAN	PERBELANJAAN MENGURUS		PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	
	SEBENAR (RM Juta)	AKAUN KENA BAYAR (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	AKAUN KENA BAYAR (RM Juta)
Kementerian Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan	482.76	54.85	11.4	171.78
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	371.09	43.46	11.7	7.69
Kementerian Kewangan	-	-	-	2,294.13
Kementerian Penerangan	-	-	-	116.62
Jabatan Perkhidmatan Awam	-	-	-	57.40
Kementerian Kesihatan	-	-	-	1,471.01
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	-	-	-	2,340.79
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	-	-	-	1,204.26
Kementerian Belia Dan Sukan	-	-	-	209.82
Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi	235.10	83.43	35.5	-
Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	1.39	0.27	19.4	-

KEMENTERIAN/JABATAN	PERBELANJAAN MENGURUS			PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		
	SEBENAR (RM Juta)	AKAUN KENA BAYAR		SEBENAR (RM Juta)	AKAUN KENA BAYAR	
		(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	16.48	2.90	17.6	-	-	-
Badan Pencegah Rasuah	136.25	21.38	15.7	-	-	-
Suruhanjaya Pilihanraya	55.79	8.54	15.3	-	-	-
Kementerian/Jabatan Lain	4,135.64	466.26	11.3	16,405.76	1,894.79	11.5
JUMLAH	5,434.50	681.09	12.5	24,279.26	3,584.88	14.8

4.5.3.2. Berdasarkan kepada maklum balas yang diperolehi daripada Kementerian/Jabatan, secara umumnya, antara faktor yang menyebabkan AKB melebihi 10% daripada perbelanjaan mengurus atau pembangunan ialah :-

- a. Pembekal/kontraktor/syarikat lewat mengemukakan bil/notis/invois/Pesanan Tempatan.
- b. Pembekal/kontraktor mengumpul bil/invois dan hanya menghantar bil/invois untuk proses pembayaran pada akhir tahun.
- c. Permohonan pembayaran interim bagi projek pembangunan lewat dikemukakan.
- d. Pelbagai tuntutan dari Jabatan/Agensi di bawah Kementerian lewat dikemukakan. Ini melambatkan proses pembayaran.
- e. Pertanyaan dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia terhadap baucar bayaran (kadang kala berulang) melewatkannya proses pembayaran.
- f. Bayaran utiliti bagi bulan Disember hanya dapat diproses dalam bulan Januari di bawah AKB.
- g. Arahan/kelulusan pembelian aset/harta modal hanya dikeluarkan dalam bulan November/Disember.
- h. Tiada perancangan dalam membelanjakan peruntukan Kementerian/Jabatan.
- i. Kurang pemantauan oleh Pegawai Pengawal.
- j. Kurang kefahaman pembekal mengenai prosedur kewangan Kerajaan.

Pada pandangan Audit, Kementerian/Jabatan boleh meminimumkan perbelanjaan yang diperakaunkan di bawah Akaun Kena Bayar dengan memastikan pembekal/kontraktor mengemukakan bil/invois/tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan serta mengelakkan perolehan dibuat pada akhir tahun.

4.5.4. Perbelanjaan Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

4.5.4.1. Mengikut Arahan Perbendaharaan 59, pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barang atau perkhidmatan kepada

Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai Kerajaan atau sebaliknya. Kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah diperolehi dan pembayaran ditanggungkan kepada akaun Kumpulanwang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu hasil siasatan. Pegawai Pengawal berkenaan dikehendaki mengemukakan laporan siasatan lengkap tidak lewat daripada 60 hari daripada tarikh pendahuluan diri diluluskan dengan menghuraikan sebab berlakunya perolehan yang melanggar peraturan kewangan. Setakat akhir tahun 2007, baki pendahuluan untuk perbelanjaan di bawah Arahan Perbendaharaan 59 adalah berjumlah RM28.41 juta yang melibatkan 14 Kementerian/Jabatan. Sejumlah RM26.46 juta (93.1%) daripada RM28.41 juta perbelanjaan tersebut adalah melibatkan 6 Kementerian/Jabatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.54
PERBELANJAAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 59
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007**

KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI PADA 31.12.2007 (RM Juta)	PERATUSAN BERBANDING DENGAN BAKI PADA 31.12.2007 (%)	PENDAHULUAN UNTUK TEMPOH TAHUN
Kementerian Pertahanan	13.21	46.5	2004 - 2007
Polis Diraja Malaysia	5.14	18.1	1989 - 2005
Jabatan Pendaftaran Negara	3.16	11.1	1992
Kementerian Pelajaran	2.07	7.3	2005 - 2007
Kementerian Pengangkutan	1.71	6.0	2001
Kementerian Kewangan	1.17	4.1	TM
Jumlah Kecil	26.46	93.1	
8 Kementerian/Jabatan Lain	1.95	6.9	2001 - 2007
JUMLAH KESELURUHAN	28.41		

Nota : TM - Tiada Maklumat

4.5.4.2. Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan oleh Perbendaharaan Malaysia mendapati pada tahun 2007, sebanyak 24 permohonan berjumlah RM8.64 juta telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia bagi perbelanjaan di bawah Arahan Perbendaharaan 59 untuk 10 Kementerian/Jabatan. Setakat bulan April 2008, terdapat 21 laporan siasatan lengkap bagi perbelanjaan pendahuluan diri yang diluluskan pada tahun 2006 dan 2007 masih belum dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan berkenaan kepada Perbendaharaan Malaysia. Ini adalah bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 59 yang menetapkan laporan tersebut perlu dikemukakan tidak lewat daripada 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.55
PERBELANJAAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 59
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007

PERBELANJAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN 59 TAHUN 2007				LAPORAN SIASATAN TIDAK DIKEMUKAKAN UNTUK PERMOHONAN DILULUSKAN PADA TAHUN	
KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PERMOHONAN DILULUSKAN	JUMLAH (RM Juta)	TUJUAN PEMBAYARAN	2006 (Bilangan)	2007 (Bilangan)
Perpustakaan Negara	1	0.09	Kerja Tambahan Perpustakaan Negara	TB	1
Jabatan Perdana Menteri	2	0.06	Bayaran Bil Dan Kerja Penyenggaraan Sistem Pendawaian Elektrik Bangunan	1	2
Kementerian Pelajaran	7	1.96	Kerja Pembinaan Pagar, Pengubah Sistem Pencegahan Kebakaran, Penyenggaraan Dan Bayaran Perolehan	-	3
Kementerian Pengajian Tinggi	1	0.41	Perabot Terbina Dalam	TB	-
Kementerian Kesihatan	1	0.08	Bekalan Makanan Ke Hospital	-	-
Kementerian Pertahanan	4	5.70	Kerja Penyenggaraan Dan Bekalan	2	4
Kementerian Penerangan	1	0.12	Gerak Kerja Pilihanraya DUN	-	-
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	1	0.04	Kerja Penyenggaraan	-	1
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	1	0.14	Bayaran Kepada Kontraktor	-	1
Jabatan Imigresen	5	0.04	Bayaran Bil Tertunggak	-	5
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	-	-	-	1	-
JUMLAH	24	8.64	-	4	17

Nota : TB - Tidak Berkennaan DUN - Dewan Undangan Negeri

Pada pandangan Audit, Perbendaharaan Malaysia perlu memastikan Kementerian/Jabatan mematuhi Arahan Perbendaharaan 59 dengan mengemukakan laporan siasatan dalam tempoh yang ditetapkan supaya tindakan menyelaraskan baki pendahuluan dapat diambil terhadap kes yang teratur. Pemantauan berterusan hendaklah dilakukan oleh Pegawai Pengawal agar dapat mengelak dari berlakunya perbelanjaan di bawah Arahan Perbendaharaan 59.

4.5.5. Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan

Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan diwujudkan bagi menampung buat sementara urusan yang dikehendaki ditentukan atau diterima oleh Pegawai Pengawal sebelum peruntukan muktamad diterima. Mengikut Arahan Perbendaharaan 153, semua urusan yang termasuk di bawah akaun ini perlu diselesaikan dengan secepat mungkin. Bagaimanapun, didapati 7 butiran daripada akaun ini yang berlarutan masih belum diselesaikan setakat akhir tahun 2007. Butirannya adalah seperti berikut :-

JADUAL 4.56
AKAUN PENYELESAIAN UTAMA PERBENDAHARAAN YANG BELUM DISELESAIKAN
PADA AKHIR TAHUN 2006 DAN 2007

BUTIRAN AKAUN	KOD	BAKI PADA 31.12.2006 (DEBIT)/KREDIT (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2007 (DEBIT)/KREDIT (RM Juta)
		(RM Juta)	(RM Juta)
Jualan Pelaburan	851008	(447.92)	(321.00)
Akaun Pembatalan Sistem Pembayaran Pencen Melalui Bank	851095	10.48	9.47
Akaun Sementara Menanti Kelulusan Hapus Kira	851092	(2.52)	(1.32)
Pembatalan Cek	875521	318.20	349.75
Pembatalan Cek Luar Negeri	851094	0.34	0.31
Pencen ATM Skim B Luput	851097	1.54	1.93
Potongan Pelbagai	885699	(61.42)	(61.41)

4.5.6. Akaun Amanah Pelaksanaan Projek Di Bawah Rancangan Malaysia Kesembilan Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)

4.5.6.1. Pada tahun 2006, Akaun Amanah Pelaksanaan Projek di Bawah RMK-9 menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (Akaun Amanah PFI) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi membiayai projek PFI. Sumber utama dana Akaun Amanah PFI adalah dari Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Syarikat ini memperolehi sumber kewangannya daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Setakat 31 Disember 2007, sumber dana Akaun Amanah ini adalah berjumlah RM1.03 bilion. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM20.0 bilion kepada 21 Kementerian/Jabatan untuk membiayai program dan projek PFI di bawah RMK-9 yang meliputi tempoh tahun 2006 hingga 2010. Sejumlah RM1,026.57 juta peruntukan perbelanjaan daripada Akaun Amanah PFI telah diluluskan pada tahun 2007 di mana RM557.33 juta (54.3%) daripadanya telah dibelanjakan iaitu 2.8% daripada anggaran RMK-9 yang berjumlah RM20.0 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.57
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2007

TAHUN	ANGGARAN TAHUNAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN	
			TAHUNAN	RMK-9
2006	TM	4.83	TM	-
2007	1,026.57	557.33	54.3 %	2.8 %
	JUMLAH	562.16	-	2.8 %

Nota : TM - Tiada Maklumat

4.5.6.2. Analisis Audit terhadap perbelanjaan projek PFI tahun 2007 mendapati perkara berikut :-

a. Sebanyak 7 Kementerian/Jabatan telah berbelanja melebihi peruntukan berjumlah RM137.77 juta untuk membiayai 12 projek. Antara sebab berlakunya perkara tersebut adalah kerana peruntukan/anggaran perbelanjaan merupakan anggaran kasar dan pembayaran (progress payment) yang dilakukan adalah berdasarkan laporan kemajuan sebenar kerja. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.58
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN DI BAWAH PFI
KEDUDUKAN PADA TAHUN 2007**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIH BELANJA (RM Juta)
Jabatan Perdana Menteri	1	13.60	13.80	0.20
Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	1	0.72	1.26	0.54
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1	10.00	95.00	85.00
Kementerian Pelajaran	5	14.07	34.97	20.90
Kementerian Pertahanan	2	5.58	8.91	3.33
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	1	2.92	10.73	7.81
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	1	80.00	99.99	19.99
JUMLAH	12	126.89	264.66	137.77

b. Sejumlah RM71.42 juta telah dibelanjakan oleh 4 Kementerian/Jabatan bagi 40 projek walaupun tiada peruntukan diluluskan untuk projek tersebut pada tahun 2007. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.59
PERBELANJAAN TANPA PERUNTUKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK TERLIBAT	PERBELANJAAN (RM Juta)
Jabatan Perdana Menteri	2	7.63
Kementerian Pelajaran	33	52.46
Kementerian Pertahanan	1	0.01
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	4	11.32
JUMLAH	40	71.42

4.5.7. Deposit Di Bawah Jabatan Insolvensi Malaysia

Jabatan Insolvensi Malaysia mempunyai 5 akaun deposit berbaki RM967.13 juta pada akhir tahun 2007 berbanding dengan akhir tahun 2006 yang berjumlah RM878.33 juta. Semakan Audit mendapati secara umumnya, akaun tersebut mempunyai baki deposit antara tempoh tahun 1941 hingga 2007. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.60
AKAUN DEPOSIT DI BAWAH JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2007

NAMA AKAUN DEPOSIT	BAKI DEPOSIT PADA 31.12.2006 (RM Juta)	BAKI DEPOSIT PADA 31.12.2007 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
Deposit Penggulungan Syarikat	31.93	86.86	1983 – 2007
Deposit Harta Penggulungan Syarikat	148.96	131.77	1978 – 2007
Deposit Kebankrapan	133.41	138.12	1966 – 2007
Deposit Harta Kebankrapan	558.24	604.49	1941 – 2007
Deposit Penggulungan Pertubuhan Dan Kesatuan Sekerja	5.79	5.89	1985 – 2007
JUMLAH	878.33	967.13	1941 – 2007

Pada pandangan Audit, pihak Jabatan Insolvensi Malaysia hendaklah mengenal pasti kedudukan sebenar baki deposit tersebut dan mengambil tindakan segera untuk menyelaraskan akaun berkenaan sekiranya kes penggulungan/kebankrapan telah diselesaikan memandangkan terdapat deposit yang dipegang oleh Jabatan sejak tahun 1941 iaitu selama 67 tahun. Perkara ini telahpun dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2006.

4.5.8. Deposit Pelarasaran Pembatalan Bayaran *Electronic Fund Transfer (EFT)*

Deposit pelarasaran pembatalan bayaran EFT adalah akaun sementara yang diwujudkan untuk memperakaunkan bayaran EFT yang dibatalkan. Pada akhir tahun 2007, sebanyak 14 Kementerian/Jabatan telah membatalkan bayaran EFT berjumlah RM165.01 juta berbanding dengan RM225.83 juta pada tahun 2006. Kedudukan akaun deposit ini bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 4.7**. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara faktor yang menyebabkan bayaran EFT dibatalkan adalah nombor akaun tidak betul; akaun tidak aktif; nama bank salah; akaun telah ditutup; kesilapan teknik oleh pihak bank dan nama penerima salah.

CARTA 4.7
PEMBATALAN BAYARAN EFT
BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2007



Adalah didapati pembatalan bayaran EFT bagi 3 Kementerian/Jabatan sahaja adalah berjumlah RM150.35 juta (91.1%) daripada jumlah pembatalan bayaran EFT pada tahun 2007 yang berjumlah RM165.01 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.61
PEMBATALAN BAYARAN EFT TAHUN 2007**

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH PEMBATALAN BAYARAN EFT (RM Juta)	BERBANDING DENGAN JUMLAH PEMBATALAN BAYARAN EFT (%)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia	113.89	69.0
Kementerian Pelajaran	26.34	16.0
Jabatan Perkhidmatan Awam	10.12	6.1
Jumlah Kecil	150.35	91.1
11 Kementerian/Jabatan Lain	14.66	8.9
JUMLAH KESELURUHAN	165.01	100.0

Nota : EFT - Electronic Fund Transfer

Pada pandangan Audit, Kementerian/Jabatan perlu mengambil tindakan segera untuk membuat pelarasan terhadap pembayaran melalui EFT yang telah dibatalkan bagi memastikan akaun ini tidak mempunyai baki pada akhir tahun.

4.5.9. Deposit Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan

Akaun Deposit Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan yang belum diberikan kod amanah atau belum ditentukan kegunaannya. Pada akhir tahun 2007, deposit terimaan tersebut berbaki RM328.96 juta melibatkan 17 Kementerian/Jabatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.62
DEPOSIT TERIMAAN YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN MENGIKUT KEMENTERIAN/JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2007**

KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI PADA 31.12.2007 (RM Juta)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia	270.66
Kementerian Pelajaran	27.12
Kementerian Pertahanan	13.25
Jumlah Kecil	311.03
14 Kementerian/Jabatan Lain	17.93
JUMLAH KESELURUHAN	328.96

Semakan Audit selanjutnya mendapati antara butiran yang ditunjukkan di bawah Deposit Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan adalah pelarasan bayaran dan terimaan; pelarasan baki bersih Akaun Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan tahun 2006 yang belum dilaraskan ke kod Jabatan sebenar; pungutan yang tidak sempat diakaunkan dalam akaun Pusat Tanggungjawab sebelum akhir tahun 2007, baki terimaan untuk penyenggaraan sekolah atau bayaran *credit advice* yang diterima pada tahun 2007. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada penggunaan

akaun deposit ini untuk pelarasannya tersebut adalah selaras dengan tujuan ia diwujudkan kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan. Contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.63

CONTOH TERIMAAN YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN SETAKAT AKHIR TAHUN 2007

KEMENTERIAN/JABATAN	PELARASAN	
	JUMLAH (RM Juta)	BUTIRAN
Jabatan Akauntan Negara Malaysia	382.98	Pelarasan Terimaan Untuk Akaun Penyelesaian SPA
	(146.27)	Pelarasan Bayaran Untuk Akaun Penyelesaian SPA
	(23.14)	Pelarasan Baki Bersih Akaun Terimaan Yang Belum Diperuntukkan Belum Dilaraskan Ke Kod Jabatan/Hasil Sebenar Bagi Tahun 2006
Kementerian Pelajaran	4.65	Kutipan Yang Dibankkan Pada Tahun 2007 Belum Diambil Kira Dalam Akaun PTJ Atau Pembayaran Yang Tidak Dapat Dikenal Pasti
	16.59	Baki Sumbangan Yang Diterima Dari Kementerian Kewangan Untuk Penyenggaraan Sekolah
Kementerian Pertahanan	16.88	Bayaran <i>Credit Advice</i> Seperti Pulang Balik Gaji, Tiket Kapal Terbang Dan Sebagainya

Nota : SPA - Seksyen Perakaunan Amanah PTJ - Pusat Tanggungjawab

4.5.10. Kumpulanwang Pinjaman Perumahan

Sehingga akhir tahun 2007, Kumpulanwang Pinjaman Perumahan adalah berbaki RM3.00 bilion berbanding dengan baki pada akhir tahun 2006 yang berjumlah RM1.71 bilion. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

4.5.10.1. Pinjaman Perumahan Perseorangan Yang Belum Selesai

- a. Sehingga akhir tahun 2007, sebanyak 811,784 pinjaman perumahan telah dikeluarkan. Baki pinjaman perumahan yang belum selesai adalah berjumlah RM34.75 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 270,612 pinjaman dengan baki RM14.47 bilion telah dijual kepada Cagamas MBS Berhad melalui pensekuritian. Dengan itu, pada akhir tahun 2007, Bahagian Pinjaman Perumahan mempunyai 541,172 peminjam dengan baki pinjaman belum selesai berjumlah RM20.28 bilion. Kedudukan baki pinjaman perumahan belum selesai bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.64
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN PERUMAHAN BELUM SELESAI
BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2007

PADA AKHIR TAHUN	PINJAMAN PERUMAHAN		PENINGKATAN / (PENURUNAN) BAKI PINJAMAN BELUM SELESAI		
	BILANGAN PEMINJAM	BAKI PINJAMAN BELUM SELESAI (RM Juta)	BILANGAN PEMINJAM (%)	(RM Juta)	(%)
2003	634,837	24,754.45	TB	TB	TB
2004	703,555	25,930.30	10.8	1,175.85	4.8
2005	596,709	22,776.23	15.2	(3,154.07)	12.2
2006	626,197	25,647.05	4.9	2,870.82	12.6
2007	541,172	20,282.03	13.6	(5,365.02)	20.9

Nota : *TB - Tidak Berkenaan*

Seperti mana yang telah dilaporkan pada tahun-tahun yang lalu, baki pada akhir tahun 2007 adalah diragui kerana sebahagian besar pinjaman yang diberi antara tahun 1971 hingga 1979 masih mempunyai akaun berbaki debit/kredit sungguhpun tempoh pinjaman telah melebihi 25 tahun (tempoh maksima dibenarkan). Antara sebab perkara ini masih berlaku adalah kerana sebilangan peminjam sungguhpun telah lama menjelaskan hutang, namun Bahagian Pinjaman Perumahan masih belum mengemas kini lejar pinjaman peminjam berkenaan manakala sebilangan peminjam yang mengambil pinjaman kedua atau pinjaman ubahsuai rumah, fail pinjaman mereka yang lama terus digunakan. **Pada pandangan Audit, Bahagian Pinjaman Perumahan perlu mempertingkatkan usahanya untuk mengemaskini akaun peminjam dan mengadakan satu mekanisme yang boleh mengenal pasti hutang lama dan baru sekiranya fail lama mahu terus digunakan agar baki pinjaman belum selesai dapat ditentukan dengan tepat dan betul.**

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati 22,486 peminjam masih mempunyai pinjaman baki kredit berjumlah RM59.73 juta pada akhir tahun 2007. Akaun peminjam berbaki kredit antaranya disebabkan kes kematian di mana bayaran pampasan telah diterima dari syarikat insurans tetapi bayaran kemajuan belum dibayar kepada pemaju atau kelewatan waris mengemukakan dokumen surat tadbir harta pusaka. Adalah didapati akaun pinjaman berbaki kredit pada akhir tahun 2007 telah bertambah berbanding dengan kedudukan tahun 2006. Kedudukan pinjaman berbaki kredit pada akhir tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.65
PINJAMAN PERUMAHAN BERBAKI KREDIT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2003 HINGGA 2007**

SEHINGGA TAHUN	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN BERBAKI KREDIT (RM Juta)
2003	29,332	47.28
2004	31,011	31.88
2005	26,342	21.60
2006	20,426	52.12
2007	22,486	59.73

4.5.10.2. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perumahan

- a. Jumlah bayaran balik pinjaman perumahan yang tertunggak sehingga akhir tahun 2007 ialah RM483.60 juta yang melibatkan 53,587 peminjam. **Tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat sejumlah RM23.37 juta (5.1%) berbanding dengan tahun 2006.** Bagaimanapun, bilangan peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman telah menurun seramai 12,605 orang (19.0%). Jumlah tunggakan dan bilangan peminjam mengikut status perkhidmatan pada akhir tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.66
AKAUN PINJAMAN PERUMAHAN TERTUNGGAK
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2006 DAN 2007

STATUS PERKHIDMATAN	BILANGAN PEMINJAM		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PERUMAHAN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2006	2007	BILANGAN PEMINJAM	(%)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Masih Berkhidmat	24,486	22,437	(2,049)	8.4	69.19	82.58	13.39	19.4
Bersara Wajib	24,753	15,885	(8,868)	35.8	87.90	83.45	(4.45)	5.1
Bersara Pilihan Sendiri	2,238	1,997	(241)	10.8	28.02	28.50	0.48	1.7
Persaraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	282	255	(27)	9.6	2.02	2.11	0.09	4.5
Penswastaan	456	309	(147)	32.2	1.21	1.26	0.05	4.1
Tamat Perkhidmatan	9,497	8,567	(930)	9.8	113.12	126.44	13.32	11.8
Meletak Jawatan	1,492	1,430	(62)	4.2	88.70	90.63	1.93	2.2
Tidak Hadir Bertugas	258	273	15	5.8	6.01	6.93	0.92	15.4
Dibuang Kerja	1,080	1,058	(22)	2.0	35.53	37.83	2.30	6.5
Digantung Kerja	54	52	(2)	3.7	1.05	1.18	0.13	12.4
Kes Bankrap	53	48	(5)	9.4	1.87	2.50	0.63	33.7
Meninggal Dunia	291	311	20	6.9	7.38	8.23	0.85	11.5
Perkhidmatan Lain	1,252	965	(287)	22.9	18.23	11.96	(6.27)	34.4
JUMLAH	66,192	53,587	(12,605)	19.0	460.23	483.60	23.37	5.1

- b. Semakan Audit mendapati bagi 1,430 peminjam yang telah meletak jawatan, terdapat kes di mana tindakan guaman mengambil masa lebih dari 20 tahun dan kes itu masih belum diselesaikan sehingga akhir tahun 2007. Jumlah amaun yang tertunggak sehingga akhir tahun 2007 adalah RM90.63 juta berbanding dengan RM88.70 juta pada akhir tahun 2006.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada akhir tahun 2007, sebanyak 1,360 peminjam mungkir yang mempunyai baki hutang berjumlah RM96.57 juta telah dikenakan tindakan undang-undang oleh Mahkamah/Pejabat Tanah Negeri/Daerah atas arahan Bahagian Pinjaman Perumahan. Kedudukan peminjam mungkir yang dikenakan tindakan undang-undang bagi tempoh tahun 2002 hingga 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.67
PEMINJAM MUNGKIR YANG DIKENAKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG
BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2007

PADA AKHIR TAHUN	BILANGAN PEMINJAM MUNGKIR	BAKI HUTANG (RM Juta)	STATUS	PEMINJAM MUNGKIR BAGI TEMPOH TAHUN 2002 - 2007	
				BILANGAN	BAKI HUTANG (RM Juta)
2002	638	46.51	Tamat Perkhidmatan	3,659	197.86
			Bersara Pilihan	524	30.96
			Bersara Wajib	686	41.35
			Meletak Jawatan	1,225	153.46
			Tidak Hadir Bekerja	187	13.44
			Dibuang Kerja	995	71.98
			Meninggal Dunia	228	6.66
			Bankrup	44	2.85
			Masih Berkhidmat	7	0.55
			Digantung Kerja	32	2.41
			Persaraan KWSP	21	0.98
			Penswastaan	27	0.98
			Pelbagai	283	15.50
JUMLAH	7,918	538.98	JUMLAH	7,918	538.98

d. Adalah didapati sekiranya peminjam berkenaan masih gagal membuat sebarang bayaran balik tunggakan pinjaman selepas dikenakan tindakan undang-undang, rumah/harta tersebut akan dilelong oleh Mahkamah/Pejabat Tanah Negeri/Daerah dengan harga pasaran dinilai oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) sebagai nilai asas lelongan. Didapati rumah/harta yang berjaya dan tidak berjaya untuk dilelong oleh Mahkamah/Pejabat Tanah Negeri/Daerah bagi tempoh tahun 2002 hingga 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.68
KEDUDUKAN LELONGAN RUMAH/HARTA PEMINJAM
BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2007

TAHUN	RUMAH/HARTA				
	UNTUK DILELONG	BERJAYA DILELONG		TIDAK BERJAYA DILELONG	
		(Bilangan)	(%)	(Bilangan)	(%)
LELONGAN OLEH MAHKAMAH					
2002	93	12	12.9	81	87.1
2003	86	13	15.1	73	84.9
2004	108	19	17.6	89	82.4
2005	170	30	17.6	140	82.4
2006	92	15	16.3	77	83.7
2007	125	10	8.0	115	92.0
Jumlah Kecil	674	99	14.7	575	85.3
LELONGAN OLEH PEJABAT TANAH					
2002	75	30	40.0	45	60.0
2003	107	54	50.5	53	49.5
2004	136	33	24.3	103	75.7
2005	123	25	20.3	98	79.7
2006	175	30	17.1	145	82.9
2007	276	48	17.4	228	82.6
Jumlah Kecil	892	220	24.7	672	75.3
JUMLAH KESELURUHAN	1,566	319	20.4	1,247	79.6

Adalah didapati 1,247 rumah/harta yang tidak berjaya dilelong bagi tempoh tahun 2002 hingga 2007 masih dalam tindakan lelongan. Bagi 47 rumah/harta lain yang sepatutnya dilelong pada tahun 2005 dan 2007 pula, peminjam berkenaan sedang berusaha untuk menjual rumah atau mendapat pembiayaan semula atau diambilalih oleh pasangan masing-masing.

e. Semakan Audit selanjutnya mendapati ada kes di mana amaun pinjaman individu yang tertunggak adalah terlalu besar sehingga RM0.55 juta atau tempoh tunggakan terlalu lama sehingga 26 tahun. Contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.69
CONTOH PEMINJAM YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK PINJAMAN YANG BESAR ATAU TEMPOH TUNGGAKAN YANG LAMA

PEMINJAM	NO. FAIL PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)	AMAUN TERTUNGGAK (RM)	TEMPOH TERTUNGGAK (Bulan)	BAKI PINJAMAN * PADA 31.12.2007 (RM)
Ruth Sarojini Thayaparan	12199/1981/03	141,943	377,508.14	269	1,156,296.59
Ahmad Azhar Marican B. Md Rouse	14673/1981/03	139,200	389,936.75	276	1,175,040.44
Lim Yoke Juan	11007/1982/01	137,779	383,176.94	263	1,050,127.12
Tengku Mohd Ariff B. Tengku Mohd Maasum	6827/1983/02	214,088	411,553.34	315	1,784,396.77
Kamaruddin B. Ahmad	1635/1984/03	187,319	554,471.01	273	1,144,645.30

Nota : (*) Berdasarkan Laporan SISKA

Pada pandangan Audit, Bahagian Pinjaman Perumahan perlu memantau secara rapi tunggakan bayaran balik pinjaman bagi memastikan pinjaman dijelaskan mengikut jadual yang ditetapkan dan mengambil tindakan segera terhadap peminjam yang ingkar. Bahagian ini juga perlu memastikan rekod-rekod pinjaman diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini supaya ia menggambarkan kedudukan sebenar.

4.5.10.3. Pensekuritian Pinjaman Perumahan

Pada tahun 2007, sebanyak 3 terbitan bon yang melibatkan pensekuritian akaun pinjaman perumahan dengan harga jualan berjumlah RM8.62 bilion telah dilaksanakan oleh Cagamas MBS Berhad. Sejumlah RM7.01 bilion telah dibayar kepada Kerajaan dengan diskaun diberi berjumlah RM1.61 bilion. Sehingga akhir tahun 2007, Bahagian Pinjaman Perumahan telah menandatangani 6 kontrak pensekuritian pinjaman perumahan yang melibatkan penjualan 270,612 pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan kepada Cagamas MBS Berhad dengan harga keseluruhan berjumlah RM16.30 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM12.61 bilion telah dibayar kepada Kerajaan dan bakinya berjumlah RM3.69 bilion diberi sebagai diskaun oleh Kerajaan kepada Cagamas MBS Berhad. Perbendaharaan Malaysia memaklumkan bahawa diskaun pensekuritian akan dihapus kira dalam tempoh antara 10 hingga 20 tahun melalui bajet mengurus tahunan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.70
KONTRAK PENSEKURITIAN PINJAMAN PERUMAHAN
DAN TEMPOH PELUPUSAN DISKAUN PENSEKURITIAN

BILANGAN FAIL PEMINJAM		JENIS PINJAMAN	NO. KONTRAK	HARGA JUALAN (RM Juta)	NILAI TERIMAAN (RM Juta)	DISKAUN (RM Juta)	TEMPOH HAPUS KIRA (Tahun)
Pool 1	68,396	Pensioner	C/300/20102004/001	1,935.74	1,530.69	405.05	10
Pool 2	37,264	Islamic	I/300/08082005/001	2,844.49	2,034.34	810.15	15
Pool 3	36,992	Conventional	C/300/12122005/002	2,898.73	2,035.58	863.15	20
Jumlah Kecil				7,678.96	5,600.61	2,078.35	

BILANGAN FAIL PEMINJAM		JENIS PINJAMAN	NO. KONTRAK	HARGA JUALAN (RM Juta)	NILAI TERIMAAN (RM Juta)	DISKAUN (RM Juta)	TEMPOH HAPUS KIRA (Tahun)
Pool 4	26,061	<i>Islamic</i>	I/300/29052007/001	2,538.18	2,094.71	443.47	20
Pool 5	63,461	<i>Conventional</i>	C/300/22082007/002	3,015.96	2,387.45	628.51	20
Pool 6	38,438	DPP 2007-1	300/C/HL/2007/001	3,064.73	2,529.46	535.27	20
Jumlah Kecil	127,960			8,618.87	7,011.62	1,607.25	
JUMLAH	270,612			16,297.83	12,612.23	3,685.60	

Nota : DPP - Direct Purchase Program

4.5.10.4. Tunggakan Bayaran Subsidi 5%

Pada tahun 2007, Bahagian Pinjaman Perumahan telah menerima sejumlah RM5.68 juta hasil subsidi 5% ke atas baki pinjaman pegawai dan kakitangan dari 50 syarikat yang diletakkan di bawah Program Penswastaan di mana syarikat berkenaan perlu menampung faedah 5% daripada 9% yang ditanggung oleh kakitangan syarikat berkenaan. Sehingga bulan Januari 2008, sebanyak 24 syarikat mempunyai tunggakan bayaran subsidi berjumlah RM13.02 juta seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.71
BAYARAN SUBSIDI 5% TERTUNGGAK
KEDUDUKAN PADA 31 JANUARI 2008**

KOD PUSAT	NAMA AGENSI	AMAUN TUNGGAKAN (RM Juta)
8000-0053	Keretapi Tanah Melayu Berhad	11.14
9002-1402	Bank Simpanan Nasional	1.00
8000-0013	Air Kelantan Sdn. Bhd.	0.38
8000-0065	Puspakom Sdn. Bhd.	0.11
8000-0059	Pos Malaysia Berhad	0.09
8000-0048	Faber Medi-Serve Sdn. Bhd.	0.07
8000-0060	Radicare (M) Sdn. Bhd.	0.06
5007-0600	Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Bhd.	0.06
	16 Agensi Lain	0.11
JUMLAH		13.02

Pada pandangan Audit, Bahagian Pinjaman Perumahan hendaklah meningkatkan usahanya untuk menuntut tunggakan bayaran subsidi daripada syarikat-syarikat yang terlibat.

4.5.10.5. Projek Scanning, Archival, Retrieval And Storage Fail-Fail Bahagian Pinjaman Perumahan

Pada pertengahan tahun 2005, Bahagian Pinjaman Perumahan perlu menyelenggarakan lebih kurang 800,000 fail peminjam. Bagi mengatasi kesulitan dalam sistem penyimpanan fail, Bahagian Pinjaman Perumahan telah mencadangkan agar Projek Scanning, Archival, Retrieval And Storage Fail-fail Bahagian Pinjaman Perumahan dijalankan supaya kakitangannya tidak perlu

merujuk kepada dokumen fizikal semasa melaksanakan sesuatu tugas. Kementerian Kewangan telah melantik Syarikat VPI International Sdn. Bhd. atau dahulunya dikenali sebagai Virtual Print International Sdn. Bhd. secara rundingan terus untuk melaksanakan projek tersebut bagi tempoh bulan April 2006 hingga April 2007 dengan nilai kontrak berjumlah RM18.35 juta. Tempoh kontrak kemudiannya dilanjutkan hingga bulan April 2008. Bagaimanapun setakat bulan April 2008, hanya 35 juta daripada 80 juta imej dokumen dapat dimuat naik oleh syarikat berkenaan dan nilai kerja ini adalah RM9.13 juta. Butiran ringkas mengenai projek ini adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.72
BUTIRAN PROJEK SCANNING, ARCHIVAL, RETRIEVAL AND STORAGE
FAIL-FAIL BAHAGIAN PINJAMAN PERUMAHAN**

BUTIRAN KONTRAK		
Surat Setuju Terima	Tarikh Dikeluarkan	27.12.2005
	Tarikh Ditandatangani Oleh Kontraktor	29.12.2005
Dokumen Perjanjian Asal	Tarikh Ditandatangani	21.08.2006
	Tempoh Kuat Kuasa	06.04.2006 - 05.04.2007
	Nilai Kontrak	RM18,350,000.00
Bon Pelaksanaan	Tarikh Dikeluarkan	13.01.2006
	Tempoh Kuat Kuasa	12.01.2006 - 11.01.2007
	Nilai (5% dari Anggaran Kos Projek)	RM917,500.00
Pelanjutan Tempoh Projek	Tarikh Permohonan Oleh Kontraktor	17.04.2007
	Tarikh Kelulusan Oleh Kementerian Kewangan	25.04.2007
	Tempoh Pelanjutan Kontrak Diluluskan	06.04.2007 - 05.04.2008
Dokumen Perjanjian Tambahan	Tarikh Perjanjian Dibuat	26.12.2007
	Tarikh Perjanjian Ditandatangani Oleh Kerajaan	14.02.2008
Pelaksanaan Sebenar Projek (Sehingga 5 April 2008)	Pendahuluan Kepada Kontraktor	RM917,500.00
	Penyediaan <i>Document Management System</i> (DMS)	RM2,000,000.00
	Imej Dimuat Naik 35,643,464 @ RM0.20 per imej (Selepas Ditolak Pendahuluan RM917,500.00)	RM6,211,192.80
	Jumlah	RM9,128,692.80
Pembayaran (Sehingga 30 April 2008)	Pendahuluan Kepada Kontraktor	RM917,500.00
	Penyediaan <i>Document Management System</i> (DMS)	RM1,200,000.00
	Imej Dimuat Naik (Selepas Ditolak Pendahuluan RM917,500.00)	RM2,886,574.20
	Jumlah	RM5,004,074.20
BAKI KOS PROJEK YANG BELUM DIJELASKAN		RM4,124,618.60

Semakan Audit seterusnya mendapati Bahagian Pinjaman Perumahan hanya dapat menjelaskan bayaran berjumlah RM5 juta kepada kontraktor berkenaan disebabkan tidak ada peruntukan khusus disediakan untuk projek ini. Selain itu, pihak Audit juga mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini seperti kelewatan menandatangani perjanjian kontrak, bon pelaksanaan yang dikemukakan oleh kontraktor tidak meliputi keseluruhan tempoh projek, bayaran gantirugi tidak dituntut daripada kontraktor serta pemantauan pelaksanaan projek tidak dibuat secara berterusan.

4.6. PERKEMBANGAN TERKINI DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BERKAITAN SISTEM PERAKAUNAN

Mulai tahun 2002, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menyediakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Kerajaan untuk digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri semasa menyediakan Penyata Akaun Awam. Setakat ini, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengeluarkan 10 Piawaian Perakaunan Sektor Awam Kerajaan seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 4.73
KEDUDUKAN PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM KERAJAAN
SETAKAT AKHIR TAHUN 2007**

PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM KERAJAAN		
NOMBOR	TAJUK	DIKELUARKAN PADA
1	Dasar Perakaunan Kerajaan	November 2002
2	Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan	Mei 2004
3	Akaun Hasil Disatukan	Mei 2004
4	Akaun Amanah Disatukan	Disember 2004
5	Akaun Pinjaman Disatukan	Disember 2004
6	Pelaburan	Disember 2004
7	Wangtunai	Disember 2005
8	Penyata Akaun Memorandum	Disember 2005
9	Pertukaran Mata Wang Asing	Jun 2007
10	Geran Kerajaan	Jun 2007

PENGURUSAN KEWANGAN DI KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN

5. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

5.1.2. Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Persekutuan dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen.

5.1.3. Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

5.1.4. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti**. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Kementerian/Jabatan yang lain.

5.1.5. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Secara umumnya, sesuatu Kementerian/Jabatan Persekutuan akan diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti berikut :-

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 - 100	Cemerlang (Sangat Baik)	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada :-

- 5.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 5.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori.
- 5.2.3. Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 5.2.4. Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

5.3.1. Pengauditan telah dijalankan di semua 28 Kementerian dan 31 daripada 110 Jabatan Persekutuan. Bagi tahun 2007, hanya 31 Jabatan Persekutuan diaudit disebabkan oleh kekangan kakitangan.

5.3.2. Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor.

5.3.3. Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tempoh bulan September 2006 hingga bulan Ogos 2007 di peringkat Ibu Pejabat Kementerian/Jabatan Persekutuan. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2007 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan secara menyeluruh pada tahun 2007.

5.4. PENEMUAN AUDIT

5.4.1. Pelaksanaan sistem penarafan bagi 28 Kementerian dan 31 Jabatan Persekutuan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 jenis kawalan seperti berikut :-

5.4.1.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut :-

a. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-

- i. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti mana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

b. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur diwujudkan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-

- i. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii. Pemeriksaan mengejut (seperti mana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

c. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan "Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan" melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanannya jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut :-

- i. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- ii. Selaras dengan Arahan Perdana Menteri No. 1 Tahun 2004, Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk memastikan keputusan Majlis Tindakan Negara dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara

dilaksanakan. JTPK juga adalah bertanggungjawab menangani isu/masalah mengenai dasar dan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan di bawah Dasar Wawasan Negara. Sehubungan ini, Ketua Setiausaha Kementerian adalah bertanggungjawab melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh pengerusi serta membincangkan perkara-perkara yang telah ditetapkan.

- iii. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk membantu Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

d. Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

e. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Kementerian/Jabatan juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

5.4.1.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut :-

a. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/Jabatan dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 14 Tahun 1994 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Dan Pengesanan Prestasi Perbelanjaan Tahunan Kerajaan Persekutuan) dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2007 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Tahun 2008-2009). Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Perbendaharaan Malaysia.

b. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

c. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negara Malaysia atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia terlebih dahulu.

d. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II; impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

e. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Perbendaharaan Malaysia. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

5.4.1.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut :-

a. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

b. Penerimaan Wang

Setiap Kementerian/Jabatan perlu memastikan pegawaiannya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

c. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

d. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

e. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Laporan Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

5.4.1.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut :-

a. Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

b. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Kementerian/Jabatan Persekutuan membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Kementerian/Jabatan Persekutuan telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak, kontrak pusat dan e-Perolehan.

c. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

5.4.1.5. Pengurusan Kumpulanwang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

a. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulanwang Amanah/Akaun Amanah di Kementerian/Jabatan Persekutuan dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

b. Pengurusan Kumpulanwang Pinjaman

Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu menguruskan kumpulanwang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut :-

- i. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.

- iv. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

c. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163.

5.4.1.6. Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor

Aset dan inventori yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan Persekutuan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut :-

a. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

b. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperolehi. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disah dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disedia, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

c. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

d. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi :-

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Malaysia di mana berkenaan.
- iii. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

- vi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

e. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-

- i. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pemberian perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

f. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-

- i. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset

disedia dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.


g. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan :-


- i. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal juga perlu dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

5.4.2. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapat prestasi pengurusan kewangan di **satu Kementerian dan 5 Jabatan adalah pada tahap cemerlang; 22 Kementerian dan 20 Jabatan pada tahap baik manakala 5 Kementerian dan 6 Jabatan pada tahap memuaskan.** Tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian adalah seperti di **Carta 5.1** manakala bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 5.2.**

CARTA 5.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BAGI TAHUN 2007



CARTA 5.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN
BAGI TAHUN 2007



5.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di Ibu Pejabat Kementerian dan Jabatan adalah baik. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut :-

5.5.1. Di peringkat Kementerian dan Jabatan, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, didapati JPKA tidak berupaya untuk membincangkan isu-isu tersebut secara mendalam kerana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh Jawatankuasa ini. Bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan satu Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Pengarah hendaklah dipertanggungjawabkan untuk memastikan tindakan-tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada JPKA.

5.5.2. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi "Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan" yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.

5.5.3. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan patut mengarahkan Unit Audit Dalamnya menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di pejabat berkenaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan.

5.5.4. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Unit Audit Dalamnya mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.

5.5.5. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.

5.5.6. Tindakan surc妖 dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Surc妖 juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA

6. PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA

6.1. LATAR BELAKANG

Kementerian Luar Negeri (Kementerian) telah diwujudkan di bawah Ordinan Keistimewaan Diplomat Dan Konsulat 1957. Kementerian bertanggungjawab untuk memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang iaitu politik dan keselamatan; perdagangan dan pelaburan; kebudayaan dan sosial; pelancongan; pendidikan serta sains dan teknologi. Untuk tujuan ini, Kementerian telah menubuhkan 105 pejabat perwakilan di 83 negara. Semua pejabat tersebut diketuai sama ada oleh Duta atau Pesuruhjaya Tinggi atau Konsulat Jeneral. Jumlah perbelanjaan mengurus bagi semua pejabat perwakilan di luar negara untuk tahun 2007 ialah RM300.75 juta.

6.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

6.2.1. Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan pejabat-pejabat perwakilan adalah mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

6.2.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007 di 20 pejabat perwakilan seperti berikut :-

- i. Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Pretoria, Afrika Selatan
- ii. Kedutaan Besar Malaysia, Kuwait
- iii. Konsulat Jeneral Malaysia, Jeddah, Arab Saudi
- iv. Kedutaan Besar Malaysia, Riyadh, Arab Saudi
- v. Kedutaan Besar Malaysia, Abu Dhabi, Emeryah Arab Bersatu
- vi. Kedutaan Besar Malaysia, Kaherah, Mesir
- vii. Kedutaan Besar Malaysia, Amman, Jordan
- viii. Kedutaan Besar Malaysia, Rabat, Maghribi
- ix. Kedutaan Besar Malaysia, Buenos Aires, Argentina
- x. Kedutaan Besar Malaysia, Santiago, Chile
- xi. Konsulat Jeneral Malaysia, Vancouver, Canada
- xii. Kedutaan Besar Malaysia, Mexico City, Mexico
- xiii. Konsulat Jeneral Malaysia, New York, Amerika Syarikat
- xiv. Perutusan Tetap Malaysia Ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), New York

- xv. Kedutaan Besar Malaysia, Washington, Amerika Syarikat
- xvi. Konsulat Jeneral Malaysia, Los Angeles, Amerika Syarikat
- xvii. Kedutaan Besar Malaysia, Tokyo, Jepun
- xviii. Konsulat Jeneral Malaysia, Hong Kong
- xix. Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Canberra, Australia
- xx. Konsulat Jeneral Malaysia, Perth, Australia.

6.2.3. Semakan yang dijalankan memberi tumpuan terhadap 7 aspek pengurusan kewangan iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Deposit/Pendahuluan; Pengurusan Aset dan Inventori; Wang Di Tangan dan Pengurusan Panjar.

6.2.4. Temu bual telah dilakukan dengan pegawai-pegawai di pejabat-pejabat yang dilawati. Lawatan ke pejabat perwakilan tersebut bermula daripada bulan Julai hingga Disember 2007. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap aset pejabat-pejabat berkenaan termasuk bangunan-bangunan yang dimiliki serta disewa oleh Kerajaan.

6.3. PENEMUAN AUDIT

6.3.1. Kawalan Pengurusan

6.3.1.1. Peranan pengurusan adalah penting bagi memastikan wujudnya struktur yang berkesan dalam menguruskan kewangan sesuatu pejabat. Bagi tujuan tersebut, beberapa perkara penting yang perlu diberi tumpuan adalah seperti berikut :-

- a. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 menghendaki setiap Pegawai Pengawal menyediakan **Surat Penurunan Kuasa** yang menyatakan dengan jelas had-had kuasa serta tugas-tugas pegawai yang menjalankan fungsi kewangan. Surat Penurunan Kuasa itu perlulah jelas, lengkap dan terkini.
- b. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 menetapkan keperluan untuk setiap pejabat Kerajaan menyediakan **Manual Prosedur Kerja** yang menjadi dokumen rujukan di peringkat jabatan/pejabat. Dokumen ini perlulah lengkap, kemas kini dan sentiasa dikaji semula secara berterusan.
- c. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 juga menetapkan keperluan untuk setiap pejabat Kerajaan menyediakan **Fail Meja** yang menjadi dokumen rujukan bagi peringkat individu/jawatan. Dokumen ini perlulah lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan.

- d. Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan bahawa tiap-tiap pegawai yang menjaga sesuatu pejabat hendaklah mengadakan **pemeriksaan mengejut** secara berkala ke atas tiap-tiap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk wang dalam jagaan seorang pegawai dalam jabatannya, yang diamanahkan dengan penyimpanan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Sehubungan ini, pemeriksaan mengejut hendaklah dilakukan tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan dan hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dalam buku yang disimpan bagi maksud itu.
- e. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 menetapkan **Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)** ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun di agensi-agensi Kerajaan. Antara lainnya pejabat berkenaan hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; berbincang perkara yang ditetapkan dan Laporan Suku Tahun disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada pihak berkuasa dalam tempoh yang ditetapkan.
- f. Arahan Perbendaharaan 306 telah menetapkan bahawa semua teguran Audit perlu dijawab dalam masa 30 hari dari tarikh ianya diterima. Adalah menjadi tanggungjawab pengurusan untuk memastikan teguran tersebut dijawab dan diambil tindakan pembetulan sewajarnya.

6.3.1.2. Semakan Audit di 20 pejabat perwakilan mendapati **pematuhan terhadap kawalan pengurusan yang lain seperti penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja, pelaksanaan fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun, penurunan kuasa serta pemeriksaan mengejut adalah kurang memuaskan**. Kedudukan pematuhan terhadap kawalan pengurusan di pejabat perwakilan yang disemak adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.1
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP ELEMEN KAWALAN PENGURUSAN

PEJABAT PERWAKILAN	PEMATUHAN ELEMEN KAWALAN PENGURUSAN						
	1	2	3	4	5	6	7
1. Pretoria, Afrika Selatan	X	X	✓	X	✓	✓	X
2. Kuwait	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
3. Jeddah, Arab Saudi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
4. Riyadh, Arab Saudi	✓	X	X	✓	✓	✓	X
5. Abu Dhabi, Emeryah Arab Bersatu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6. Kaherah, Mesir	X	X	X	X	✓	✓	X
7. Amman, Jordan	✓	✓	X	X	✓	✓	✓
8. Rabat, Maghribi	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
9. Buenos Aires, Argentina	X	X	✓	✓	X	X	X
10. Santiago, Chile	X	X	X	X	✓	✓	✓
11. Vancouver, Canada	✓	X	✓	✓	✓	✓	X
12. Mexico City, Mexico	✓	X	✓	X	✓	✓	X

PEJABAT PERWAKILAN	PEMATUHAN ELEMEN KAWALAN PENGURUSAN						
	1	2	3	4	5	6	7
13. New York, Amerika Syarikat	X	X	X	✓	✓	✓	X
14. Perutusan Tetap Malaysia Ke PBB, New York	X	✓	X	✓	✓	✓	X
15. Washington, Amerika Syarikat	✓	✓	X	X	✓	✓	X
16. Los Angeles, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
17. Tokyo, Jepun	✓	X	X	✓	✓	✓	✓
18. Hong Kong	X	X	X	X	✓	✓	✓
19. Canberra, Australia	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
20. Perth, Australia	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
PERATUS PEMATUHAN	55%	35%	55%	60%	95%	95%	50%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

Nota : Elemen Kawalan Pengurusan

1. Manual Prosedur Kerja disediakan lengkap dan kemas kini
2. Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini
3. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah melaksanakan fungsi seperti ditetapkan
4. Penurunan kuasa dibuat dengan teratur
5. Teguran Jabatan Audit Negara dijawab dan tindakan susulan diambil
6. Teguran Unit Audit Dalam dijawab dan tindakan susulan diambil
7. Pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan mengikut ketetapan

Pada pandangan Audit, Kementerian patut memastikan wujudnya mekanisme pemantauan yang teratur di peringkat pengurusan untuk memastikan pengurusan kewangan pejabat perwakilan adalah berkesan.

6.3.2. Kawalan Terimaan

6.3.2.1. Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama berhubung dengan kawalan terimaan iaitu penyelenggaraan Daftar Borang Hasil, borang hasil, Buku Tunai dan Daftar Mel serta kemasukan pungutan ke bank. Secara umumnya, **prestasi kawalan terimaan bagi 20 pejabat perwakilan yang dilawati adalah memuaskan bagi aspek penyelenggaraan Daftar Mel dan kemasukan pungutan ke bank. Penyelenggaraan Daftar Borang Hasil, borang hasil dan Buku Tunai pula perlu ditambahbaikkan.** Kedudukan pematuhan terhadap setiap aspek berhubung dengan kawalan terimaan adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 6.2
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP ELEMEN KAWALAN TERIMAAN**

PEJABAT PERWAKILAN	PEMATUHAN ELEMEN KAWALAN TERIMAAN				
	1	2	3	4	5
1. Pretoria, Afrika Selatan	X	✓	✓	✓	X
2. Kuwait	X	X	X	X	✓
3. Jeddah, Arab Saudi	✓	X	X	X	✓
4. Riyadh, Arab Saudi	X	X	X	X	✓
5. Abu Dhabi, Emiriyah Arab Bersatu	X	X	✓	✓	✓
6. Kaherah, Mesir	X	X	X	X	✓
7. Amman, Jordan	✓	✓	X	✓	X

PEJABAT PERWAKILAN	PEMATUHAN ELEMEN KAWALAN TERIMAAN				
	1	2	3	4	5
8. Rabat, Maghribi	✓	✓	✓	✓	✓
9. Buenos Aires, Argentina	✓	✓	✓	✓	✓
10. Santiago, Chile	X	X	✓	✓	✓
11. Vancouver, Canada	X	X	X	✓	X
12. Mexico City, Mexico	X	✓	✓	✓	X
13. New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	X	X
14. Perutusan Tetap Malaysia Ke PBB, New York	X	✓	X	✓	X
15. Washington, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓
16. Los Angeles, Amerika Syarikat	✓	X	✓	✓	✓
17. Tokyo, Jepun	✓	✓	✓	✓	✓
18. Hong Kong	✓	X	✓	✓	✓
19. Canberra, Australia	X	✓	✓	✓	✓
20. Perth, Australia	✓	✓	✓	✓	✓
PERATUS PEMATUHAN	50%	55%	65%	75%	70%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

Nota : Elemen Kawalan Terimaan

1. Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67) diselenggara dengan teratur
2. Borang hasil (resit/lesen/permit) yang dikeluarkan untuk diguna disimpan dengan selamat dan diselenggara dengan teratur
3. Buku Tunai diselenggarakan dengan lengkap, disemak dan diserah untuk pengauditan dalam tempoh ditetapkan
4. Semua kutipan dibankkan dengan segera dan tepat serta keselamatan dijaga
5. Daftar Mel diselenggara dengan lengkap dan disemak

6.3.2.2. Adalah diperhatikan juga di pejabat perwakilan Kaherah, Mesir, urusan penerimaan wang tidak dibuat di kaunter yang dikhaskan, sebaliknya ia diuruskan di bilik seorang kakitangan ambilan tempatan. Malahan cermin kaunter tersebut telah digunakan untuk menampal notis pelbagai maklumat kepada pelanggan pejabat. Gambar berikut menunjukkan laci tempat menyimpan wang terimaan harian dan kaunter terimaan yang dimaksudkan :-

GAMBAR 6.1



Pejabat Perwakilan Kaherah, Mesir
- Urusan Terimaan Wang Dibuat Di Meja
Kakitangan Ambilan Tempatan

GAMBAR 6.2



Pejabat Perwakilan Kaherah, Mesir
- Kaunter Terimaan Yang Ditampal Dengan Notis

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan kakitangan terlibat memahami sepenuhnya peraturan berkaitan kawalan terimaan khususnya dari aspek penyelenggaraan Daftar Borang Hasil, borang hasil dan Buku Tunai.

6.3.3. Kawalan Perbelanjaan

6.3.3.1. Sebagai pemegang waran, Ketua Perwakilan menurunkan kuasanya kepada Ketua Canseri untuk mentadbir dan mengurus hal ehwal kewangan dan pentadbiran pejabat perwakilan. Bagi tahun 2007, peruntukan mengurus bagi 20 pejabat perwakilan yang dilawati adalah berjumlah RM73.01 juta manakala perbelanjaannya pula berjumlah RM72.15 juta. **Adalah diperhatikan 4 daripada pejabat perwakilan berkenaan telah berbelanja melebihi daripada peruntukan yang diagihkan oleh Kementerian Luar Negeri.** Maklumat peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi setiap pejabat tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 6.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS
PEJABAT PERWAKILAN BAGI TAHUN 2007**

PEJABAT PERWAKILAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	% PERBELANJAAN
1. Pretoria, Afrika Selatan	1.49	1.49	100.0
2. Kuwait	2.00	2.09	104.5
3. Jeddah, Arab Saudi	2.04	2.00	98.0
4. Riyadh, Arab Saudi	1.86	1.79	96.2
5. Abu Dhabi, Emeryah Arab Bersatu	2.67	2.68	100.4
6. Kaherah, Mesir	1.90	1.60	84.2
7. Amman, Jordan	3.11	3.09	99.4
8. Rabat, Maghribi	1.77	1.81	102.3
9. Buenos Aires, Argentina	2.02	2.01	99.5
10. Santiago, Chile	3.64	3.59	98.6
11. Vancouver, Canada	1.85	1.84	99.5
12. Mexico City, Mexico	2.87	2.82	98.3
13. New York, Amerika Syarikat	3.15	2.92	92.7
14. Perutusan Tetap Malaysia Ke PBB, New York	10.25	10.19	99.4
15. Washington, Amerika Syarikat	6.40	6.38	99.7
16. Los Angeles, Amerika Syarikat	3.93	3.94	100.3
17. Tokyo, Jepun	11.89	11.82	99.4
18. Hong Kong	2.74	2.68	97.8
19. Canberra, Australia	4.94	4.93	99.8
20. Perth, Australia	2.49	2.48	99.6
JUMLAH	73.01	72.15	98.8

6.3.3.2. Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan bagi menguruskan pejabat perwakilan telah dilulus dan dilakukan mengikut maksud yang ditentukan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan Buku Vot, rekod kontrak, penyelenggaraan Daftar Bil, pematuhan terhadap prosedur bayaran dan penyediaan laporan perbelanjaan. Secara umumnya, **prestasi kawalan perbelanjaan bagi 20 pejabat perwakilan yang dilawati hanya pada tahap memuaskan. Sebahagian besar pejabat masih tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berhubung dengan penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil.** Kedudukan pematuhan terhadap setiap aspek berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.4
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP ELEMEN KAWALAN PERBELANJAAN

PEJABAT PERWAKILAN	PEMATUHAN ELEMEN KAWALAN PERBELANJAAN				
	1	2	3	4	5
1. Pretoria, Afrika Selatan	✓	✓	X	✓	✓
2. Kuwait	X	✓	X	✓	✓
3. Jeddah, Arab Saudi	X	✓	X	✓	✓
4. Riyadh, Arab Saudi	X	✓	X	X	✓
5. Abu Dhabi, Emeryah Arab Bersatu	X	✓	✓	✓	✓
6. Kaherah, Mesir	X	✓	X	X	✓
7. Amman, Jordan	X	✓	✓	X	✓
8. Rabat, Maghribi	X	✓	X	X	✓
9. Buenos Aires, Argentina	✓	✓	X	✓	✓
10. Santiago, Chile	X	✓	X	✓	✓
11. Vancouver, Canada	X	✓	X	✓	✓
12. Mexico City, Mexico	X	✓	X	✓	✓
13. New York, Amerika Syarikat	✓	X	X	✓	✓
14. Perutusan Tetap Malaysia Ke PBB, New York	✓	X	✓	✓	✓
15. Washington, Amerika Syarikat	✓	X	X	✓	✓
16. Los Angeles, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓
17. Tokyo, Jepun	✓	✓	X	✓	✓
18. Hong Kong	X	✓	✓	✓	✓
19. Canberra, Australia	X	✓	✓	✓	✓
20. Perth, Australia	✓	X	✓	✓	✓
PERATUS PEMATUHAN	40%	80%	35%	80%	100%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

Nota : Elemen Kawalan Perbelanjaan

1. Buku Vot diselenggarakan dengan lengkap dan teratur serta kemas kini
2. Rekod bayaran dan terimaan mengenai kontrak dicatat dalam salinan kontrak/daftar kontrak untuk kawalan
3. Daftar Bil diselenggara dengan lengkap, kemas kini dan disemak sewajarnya
4. Bayaran dibuat dengan betul, tepat, selaras dengan undang-undang dan peraturan serta direkodkan sempurna
5. Laporan Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan dikemukakan ke Ibu Pejabat dalam tempoh ditetapkan

Pada pandangan Audit, memandangkan perbelanjaan yang melebihi peruntukan adalah di luar peraturan, Kementerian disyorkan memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini bagi memastikan ia tidak berulang lagi di masa hadapan. Selain itu, Kementerian perlu memastikan bahawa urusan penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil di pejabat perwakilan adalah teratur dengan memastikan semua pegawai terlibat diberi latihan secukupnya sebelum bertugas di luar negara.

6.3.4. Pengurusan Deposit Dan Pendahuluan Diri/Pelbagai

Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan deposit dan pendahuluan diri/pelbagai untuk menentukan sama ada deposit/pendahuluan tersebut diuruskan mengikut maksud yang ditetapkan, diperakaunkan dengan betul dan kemas kini serta bayaran balik dikutip sewajarnya. Secara umumnya, **prestasi pengurusan**

wang deposit/pendahuluan ini adalah baik di mana sebahagian besar pejabat telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, 3 pejabat perwakilan iaitu Pejabat Duta Malaysia Chile, Konsulat Jeneral Malaysia Vancouver dan Duta Besar Malaysia Mexico perlu menambahbaikkan pengurusan deposit/pendahuluan mereka. Hasil semakan Audit bagi setiap aspek berhubung dengan pengurusan deposit dan pendahuluan diri/pelbagai adalah seperti di jadual berikut :-

**JADUAL 6.5
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP ELEMEN
PENGURUSAN DEPOSIT DAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI**

PEJABAT PERWAKILAN	PEMATUHAN ELEMEN KAWALAN PERBELANJAAN		
	1	2	3
1. Pretoria, Afrika Selatan	✓	✓	✓
2. Kuwait	✓	✓	✓
3. Jeddah, Arab Saudi	✓	✓	✓
4. Riyadh, Arab Saudi	✓	✓	✓
5. Abu Dhabi, Emeryah Arab Bersatu	✓	✓	✓
6. Kaherah, Mesir	✓	✓	✓
7. Amman, Jordan	✓	✓	✓
8. Rabat, Maghribi	✓	✓	✓
9. Buenos Aires, Argentina	✓	✓	✓
10. Santiago, Chile	X	X	X
11. Vancouver, Canada	✓	X	X
12. Mexico City, Mexico	✓	X	X
13. New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
14. Perutusan Tetap Malaysia Ke PBB, New York	✓	✓	✓
15. Washington, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
16. Los Angeles, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
17. Tokyo, Jepun	✓	✓	✓
18. Hong Kong	✓	✓	✓
19. Canberra, Australia	✓	✓	✓
20. Perth, Australia	✓	✓	✓
PERATUS PEMATUHAN	95%	85%	85%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

Nota : Elemen Pengurusan Deposit Dan Pendahuluan Diri/Pelbagai

1. Rekod subsidiari diselenggara bagi Deposit/Pendahuluan Diri/Pelbagai
2. Rekod tersebut diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
3. Bayaran balik deposit/pendahuluan diri/pelbagai dikutip sewajarnya

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya pengurusan deposit dan pendahuluan adalah memadai. Bagaimanapun bagi tujuan penyeragaman, Kementerian patut mengeluarkan tatacara pengurusan deposit/pendahuluan yang lebih sistematik untuk diguna pakai oleh semua pejabat perwakilan.

6.3.5. Pengurusan Aset Dan Inventori

6.3.5.1. Bagi memastikan aset dan inventori yang diperoleh bagi kegunaan pejabat direkodkan, diguna dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran, semakan Audit telah dijalankan terhadap 8 aspek

utama berhubung dengan pengurusan aset dan inventori iaitu pelantikan pegawai aset dan pegawai penerima aset; penyelenggaraan Daftar Aset; pelabelan aset; penyimpanan/penyenggaraan aset; pemeriksaan aset, penyelenggaraan Buku Log kenderaan dan pelupusan aset. **Melainkan peraturan penyimpanan dan penggunaan aset, didapati pematuhan terhadap lain-lain peraturan pengurusan aset dan inventori adalah tidak memuaskan di kalangan pejabat-pejabat perwakilan yang dilawati.** Kedudukan pematuhan terhadap setiap aspek berhubung dengan pengurusan aset dan inventori adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.6
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP ELEMEN PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

PEJABAT PERWAKILAN	PEMATUHAN ELEMEN PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI							
	1	2	3	4	5	6	7	8
1. Pretoria, Afrika Selatan	X	X	✓	X	X	✓	X	X
2. Kuwait	✓	X	✓	✓	✓	X	X	✓
3. Jeddah, Arab Saudi	✓	X	X	✓	✓	X	X	✓
4. Riyadh, Arab Saudi	X	X	X	X	✓	X	✓	✓
5. Abu Dhabi , Emeryah Arab Bersatu	✓	X	X	✓	✓	X	X	X
6. Kaherah, Mesir	X	X	X	X	✓	X	X	X
7. Amman, Jordan	✓	X	X	X	✓	✓	X	X
8. Rabat, Maghribi	✓	✓	✓	X	✓	X	X	X
9. Buenos Aires, Argentina	✓	X	✓	X	✓	X	X	X
10. Santiago, Chile	X	X	✓	X	✓	X	X	X
11. Vancouver, Canada	✓	X	✓	X	✓	X	X	X
12. Mexico City, Mexico	X	X	X	X	✓	X	X	X
13. New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	X	✓	X	X	✓
14. Perutusan Tetap Malaysia Ke PBB, New York	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X
15. Washington, Amerika Syarikat	X	X	✓	✓	✓	X	X	✓
16. Los Angeles, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
17. Tokyo, Jepun	✓	X	X	✓	✓	X	✓	X
18. Hong Kong	X	X	X	X	✓	✓	X	✓
19. Canberra, Australia	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
20. Perth, Australia	X	X	X	X	✓	X	X	✓
PERATUS PEMATUHAN	55%	20%	50%	40%	95%	25%	20%	45%

Nota : ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

Nota : Elemen Pengurusan Aset Dan Inventori

1. Pegawai Aset dilantik dengan menentukan tugas dan tanggungjawab beliau sewajarnya
2. Pegawai Penerima Aset dilantik dengan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan
3. Aset didaftar sewajarnya dalam format yang betul
4. Aset dilabelkan sewajarnya
5. Aset disimpan dan diguna dengan teratur
6. Aset diperiksa dan stok diverifikasi mengikut kekerapan yang ditetapkan
7. Buku Log Kenderaan diselenggara dengan teratur
8. Pelupusan aset dilaksanakan dengan sempurna

6.3.5.2. Beberapa contoh kedudukan penjagaan dan pelupusan aset adalah seperti berikut :-

- a. **Pejabat Perwakilan Washington, Amerika Syarikat** - Pemeriksaan fizikal telah dibuat terhadap rumah rasmi YT Duta Besar di Washington untuk memastikan rumah tersebut disenggarakan dengan baik. Hasil semakan Audit mendapati rumah tersebut serta persekitarannya telah disenggarakan dengan baik (**Gambar 6.3**).
- b. **Pejabat Perwakilan Kaherah, Mesir** - Peralatan elektronik, motosikal dan penyaman udara yang rosak dan tidak boleh digunakan lagi masih belum dilupuskan (**Gambar 6.4**). Pihak Audit dimaklumkan bahawa permohonan untuk melupuskan penyaman udara telah dikemukakan kepada Kementerian Luar Negeri tetapi sehingga kini pejabat kedutaan belum menerima sebarang jawapan. Namun, surat permohonan tersebut tidak dikemukakan semasa pengauditan.
- c. **Pejabat Perwakilan Buenos Aires, Argentina** - Tindakan untuk memohon pelupusan terhadap aset-aset yang telah rosak dan tidak boleh digunakan lagi belum dibuat dan ini menyebabkan sebahagian ruangan terpaksa digunakan untuk menempatkan aset-aset tersebut (**Gambar 6.5**).
- d. **Pejabat Perwakilan Amman, Jordan** - Tiga kenderaan serta beberapa peralatan komputer masih belum diambil tindakan pelupusan (**Gambar 6.6**).

CONTOH ASET YANG DIJAGA DENGAN BAIK DAN ASET YANG BELUM DILUPUSKAN

GAMBAR 6.3



*Pejabat Perwakilan Washington,
Amerika Syarikat
- Perkarangan Rumah Rasmi YT Duta Besar
Yang Disenggarakan Dengan Baik*

GAMBAR 6.4



*Pejabat Perwakilan Kaherah, Mesir
- Motosikal Dan Penyaman Udara Yang Rosak
Dan Tidak Boleh Digunakan Lagi Masih Belum
Dilupuskan*

GAMBAR 6.5



*Pejabat Perwakilan Buenos Aires, Argentina
- Aset Yang Belum Diambil Tindakan Pelupusan*

GAMBAR 6.6



*Pejabat Perwakilan Amman, Jordan
- Komputer Dan Peralatannya Yang Masih
Belum Diambil Tindakan Pelupusan*

Pada pandangan Audit, Kementerian patut memastikan setiap pejabat perwakilan melantik seorang pegawai aset bagi memastikan pengurusan aset yang cekap dan teratur. Pegawai ini serta lain-lain pegawai yang terlibat dengan pengurusan aset perlu diberi latihan dan pendedahan yang secukupnya.

6.3.6. Pengesahan Wang Tunai Di Tangan

Pemeriksaan Audit terhadap wang tunai yang dipegang oleh pegawai di pejabat perwakilan yang dilawati mendapat pada umumnya **kesemua pejabat perwakilan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Jumlah wang tunai yang dipegang juga adalah bersamaan dengan rekod yang berkaitan.**

6.3.7. Pengurusan Panjar

Semua urus niaga terimaan dan bayaran di pejabat-pejabat perwakilan di luar negara dibuat melalui Akaun Panjar 3/12. Dokumen-dokumen yang berkaitan dikemukakan oleh pejabat perwakilan kepada Kementerian pada setiap awal bulan untuk tujuan rekutan, semakan dan diperakaunkan ke vot berkenaan. Semakan Audit yang dijalankan terhadap pengurusan panjar meliputi perakaunan ke dalam buku tunai panjar, penyediaan penyata penyesuaian panjar bulanan, penyediaan penyata penyesuaian bank dan kawalan terhadap buku cek mendapat **kesemua pejabat perwakilan yang dilawati telah menguruskan panjar mengikut peraturan yang telah ditetapkan.**

6.4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan di pejabat perwakilan adalah baik kecuali terdapat beberapa kelemahan dalam kawalan pengurusan, penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil serta pengurusan aset di beberapa pejabat perwakilan. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan kewangan di pejabat-pejabat perwakilan, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

- a. Kementerian patut memastikan wujudnya mekanisme pemantauan yang teratur di peringkat pengurusan untuk memastikan pengurusan kewangan pejabat perwakilan adalah berkesan seperti penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang lengkap, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di setiap pejabat perwakilan melaksanakan fungsi seperti mana yang ditetapkan serta memastikan pemeriksaan berkala dibuat terhadap kerja-kerja pegawai bawahan.
- b. Kementerian juga perlu memastikan bahawa urusan penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil adalah teratur di pejabat perwakilan dengan menetapkan semua pegawai terlibat diberi latihan secukupnya sebelum bertugas di luar negara.

- c. Sungguhpun pengurusan deposit dan pendahuluan adalah memadai, namun untuk tujuan penyeragaman, Kementerian patut mengeluarkan tatacara pengurusan deposit/pendahuluan yang lebih sistematik untuk diguna pakai oleh semua pejabat perwakilan.
- d. Kementerian patut memastikan setiap pejabat perwakilan melantik seorang pegawai aset bagi memastikan pengurusan aset yang cekap dan teratur. Pegawai ini serta lain-lain pegawai yang terlibat dengan pengurusan aset perlu diberi latihan dan pendedahan yang secukupnya.

PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

7.1. LATAR BELAKANG

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan audit mengejut di 51 Jabatan/Pejabat Persekutuan iaitu 15 Pejabat Imigresen, 23 Institut Perguruan, 10 Pejabat Pelajaran Daerah, satu Pejabat Kastam, satu Pejabat Pengangkutan Jalan dan Ibu Pejabat Polis Daerah.

7.2. PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pemeriksaan audit mengejut yang dijalankan mendapati perkara-perkara berikut :-

7.2.1 Arahan Perbendaharaan 73 menetapkan daftar dan senarai rekod pungutan mestilah dicatatkan oleh pegawai yang lain dari juruwang kecuali mendapat kebenaran khusus dari Akauntan Negara/Akauntan Negeri. Pengauditan mendapati pegawai yang sama menulis resit dan merekod pungutan dalam Buku Tunai tanpa kelulusan Akauntan Negara/Akauntan Negeri di 4 Pejabat (2 Pejabat Pelajaran Daerah dan 2 Pejabat Imigresen).

7.2.2. Arahan Perbendaharaan 73 juga menetapkan supaya pungutan hendaklah dibankkan dengan segera pada hari berkerja yang sama apabila kutipan wang tunai melebihi RM500 atau jumlah kutipan wang tunai dan cek melebihi RM2,000. Sekiranya kutipan lewat diterima, tugas memasukkan kutipan ke bank hendaklah dibuat pada hari berkerja yang berikutnya. Semakan Audit mendapati tugas ini telah dipatuhi di semua pejabat yang dilawati kecuali 2 Institut Perguruan lewat memasukkan pungutan berjumlah RM11,786 antara 5 hingga 12 hari.

7.2.3. Perekodan 16 resit bernilai RM14,133 ke dalam Buku Tunai yang sepatutnya dilakukan pada hari yang sama telah lewat direkodkan bagi 6 Pejabat (1 Pejabat Pelajaran Daerah, 4 Institut Perguruan dan 1 Pejabat Kastam).

7.2.4. Baki wang tunai di tangan berbeza sebanyak RM545 dengan baki yang ditunjukkan di dalam rekod di 2 Pejabat Imigresen.

7.2.5. Arahan Perbendaharaan 309 (a) dan (b) menghendaki pemeriksaan mengejut dilakukan oleh Ketua Jabatan terhadap peti besi, peti wang tunai, setem atau barang berharga yang lain sekurang-kurangnya 2 kali setahun dan daftar mengenainya hendaklah diselenggarakan. Semakan Audit mendapati pemeriksaan

mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan di 8 Pejabat (6 Institut Perguruan, 1 Pejabat Kastam dan 1 Ibu Pejabat Polis Daerah).

7.2.6. Arahan Perbendaharaan 113(b)(i) dan (ii) menghendaki supaya pemegang panjar mendapatkan baucar yang disokong dengan resit untuk semua bayaran daripada panjar manakala bagi tujuan rekutan, baucar bayaran serta dokumen sokongan perlu dihantar ke Jabatan Akauntan Negara. Secara umumnya, pengurusan Panjar Wang Runcit adalah baik kecuali 2 Pejabat Pelajaran Daerah tidak menyediakan penyesuaian bulanan manakala di 4 Pejabat (2 Pejabat Pelajaran Daerah dan 2 Pejabat Imigresen), bil tidak direkod dalam Buku Panjar Wang Runcit.

7.2.7. Penggunaan mesin franking dan setem merupakan harta awam bukan tunai tetapi tergolong dalam kategori item yang menarik. Penyelenggaraan Daftar Setem perlu bagi merekod pembelian dan penggunaan setem. Semakan Audit mendapati :-

- Rekod penyesuaian penggunaan mesin franking/setem tidak dibuat bagi 7 Pejabat (4 Pejabat Pelajaran Daerah, 2 Institut Perguruan dan 1 Pejabat Imigresen).
- Daftar penggunaan mesin franking/setem tidak direkod di 6 Pejabat (5 Institut Perguruan dan 1 Pejabat Imigresen).
- Jumlah baki fizikal dan rekod berbeza sebanyak RM565 di 3 Pejabat (2 Institut Perguruan dan 1 Pejabat Imigresen).

7.2.8. Arahan Perbendaharaan 126 menetapkan wang tunai, cek, buku kaunterfoil hasil, dokumen dan barang berharga yang diterima oleh pejabat awam dimasukkan ke dalam peti besi manakala salinan pendua kunci hendaklah disimpan di Pejabat Perbendaharaan. Semakan Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

- Peti besi digunakan untuk simpanan pelbagai barang seperti pistol, resit, geran kereta dan kunci di 6 Pejabat (1 Pejabat Pelajaran Daerah, 3 Institut Perguruan dan 2 Pejabat Imigresen).
- Wang lain selain wang awam berjumlah RM2,150 disimpan dalam peti besi di 2 Pejabat Pelajaran Daerah.
- Peti besi sedia ada tidak digunakan di 2 Pejabat (1 Pejabat Pelajaran Daerah dan 1 Institut Perguruan).
- Salinan kunci pendua tidak disimpan di Pejabat Perbendaharaan di 2 Pejabat Institut Perguruan.
- Salinan kunci pendua hilang/tidak dapat dikesan di 2 pejabat (Institut Perguruan dan Pejabat Imigresen).

7.3. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara-perkara yang telah diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

BAHAGIAN III

PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PELBAGAI AKTIVITI KE ARAH MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM

BAHAGIAN III

PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PELBAGAI AKTIVITI KE ARAH MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM

Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Program Anak Angkat dan juga menjalankan penilaian khas terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi bagi memenuhi permintaan daripada Kementerian Kewangan. Sepanjang tahun 2007, penglibatan Jabatan Audit Negara dalam perkara ini adalah seperti berikut :-

8. PROGRAM ANAK ANGKAT

8.1.1. Pendahuluan

8.1.1.1. Program Anak Angkat yang mula diperkenalkan pada tahun 2003 adalah merupakan satu daripada langkah yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan awam. Melalui program ini, beberapa pejabat yang dikenal pasti menghadapi masalah pengurusan kewangan telah dipilih dan diberi bimbingan serta nasihat oleh Jabatan Audit Negara. Ini bertujuan membantu mereka memperbaiki kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod kewangan. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah meneruskan pelaksanaan Program Anak Angkat ini di pejabat di bawah Kementerian seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.1
PEJABAT YANG DIPILIH SEBAGAI ANAK ANGKAT

PEJABAT	KEMENTERIAN
Mahkamah Sesyen Temerloh, Pahang	Jabatan Perdana Menteri
Unit Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian Persekutuan, Sarawak	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
Institut Penyelidikan Haiwan, Perak	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
Institut Pertanian Air Hitam, Kluang, Johor	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam, Selangor	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
Jabatan Perikanan Negeri Kedah	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Sabah	Kementerian Kesihatan
Jabatan Imigresen Malaysia, Cawangan Negeri Perak	Kementerian Dalam Negeri
Pusat Serenti Tampin, Melaka	Kementerian Dalam Negeri
Sekolah Menengah Kebangsaan Beluran, Sabah	Kementerian Pelajaran Malaysia
Pejabat Pembangunan Komoditi Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan	Kementerian Perusahaan Peladangan Dan Komoditi
Jabatan Bekalan Air, Wilayah Persekutuan Labuan	Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi

8.1.1.2. Pendekatan kerja melibatkan penilaian secara menyeluruh pengurusan pejabat Anak Angkat untuk mengenal pasti punca kelemahan yang dibangkitkan. Bagi tujuan ini, semakan telah dibuat terhadap rekod dan dokumen serta fail

yang berkaitan dengan pengurusan pejabat, kutipan hasil, perbelanjaan, pengurusan kumpulanwang amanah/akaun amanah/deposit serta pengurusan aset dan stor. Selain itu, pegawai/kakitangan di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan turut diberi latihan secara teori dan praktikal. Tahap pencapaian dalam penambahbaikan pengurusan kewangan juga dipantau dari semasa ke semasa. Sehubungan ini, lawatan ke pejabat Anak Angkat dibuat secara berkala bagi tempoh satu tahun.

8.1.2. Tahap Pencapaian

Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan terhadap pejabat yang telah dipilih sebagai Anak Angkat telah bertambah baik serta menunjukkan perubahan yang positif setelah mendapat bimbingan daripada Jabatan Audit Negara. Berikut diberikan tahap pencapaian pejabat yang telah dijadikan Anak Angkat :-

8.1.2.1. Mahkamah Sesyen Temerloh, Pahang

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Fail Meja Tidak Diselenggara Dengan Kemaskini.	/	
Daftar Mel Tidak Disemak Silang Dengan Buku Tunai Setiap Hari.	/	
Pusingan Kerja Kakitangan Tidak Dibuat Dalam Tempoh Yang Lama.	/	
Kakitangan Tidak Dihantar Berkursus Dalam Tempoh Yang Lama.		/
KAWALAN TERIMAAN		
Daftar Borang Hasil (Kew.67) Tidak Diselenggara Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Buku Resit Yang Belum Digunakan Tidak Disemak Untuk Memperakui Nombor Siri Di Setiap Buku Resit.	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Arahan Pekeliling Perbendahaan Bilangan 5/2007 Belum Dilaksanakan.		/

8.1.2.2. Unit Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian Persekutuan, Sarawak

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Carta Organisasi Tidak Dikemaskinikan.	/	
Surat Penurunan Kuasa Tidak Disediakan Bagi Pegawai Yang Mengambil Alih Tugas Daripada Pegawai Yang Telah Bertukar	/	
Manual Prosedur Kerja Tidak Disediakan.		/
Senarai Tugas Kakitangan Tidak Ditandatangani Oleh Ketua Jabatan/Pegawai Penyelia.	/	
Tugas-tugas Kewangan Dilaksanakan Oleh Seorang Pegawai Sahaja Tanpa Surat Kelulusan Daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.		/

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Laporan Audit Dan Laporan Pengurusan Aset Dan Stor Tidak Dibincang Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun	/	
Daftar Menghadiri Kursus Tidak Diselenggara.	/	
Laporan Suku Tahun Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Tidak Disediakan Mengikut Format Yang Ditetapkan.	/	
Pemeriksaan Mengejut Tidak Dilaksanakan Mengikut Kekerapan Yang Ditetapkan Iaitu Setiap 6 Bulan Sekali.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Tiada Bukti Semakan Dilaksanakan Seminggu Sekali Oleh Pemungut Atau Wakilnya Terhadap Borang Hasil Yang Dikeluarkan.	/	
Surat Kuasa Untuk Memasukkan Duit Ke Bank Bagi Pegawai Yang Telah Berpindah Tidak Dibatalkan Dan Surat Kuasa Untuk Memasukkan Duit Bagi Pegawai Yang Mengambil Alih Tugas Tersebut Tidak Disediakan.	/	
Pegawai Penyelia Tidak Menurunkan Tandatangan Ringkas Di Buku Tunai Sebagai Bukti Penyemakan Telah Dibuat.	/	
Wang Tunai Lewat Dimasukkan Ke Dalam Bank Iaitu Sebulan Sekali.	/	
Penyata Penyesuaian Hasil Lewat Disediakan.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Buku Vot Perbelanjaan Tidak Disediakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Yang Disediakan Bagi Bulan Jun 2007 Adalah Tidak Tepat.	/	
Bil-bil Lewat Dijelaskan Iaitu Melebihi 14 Hari Selepas Tarikh Bil Diterima.	/	
Beberapa Pesanan Tempatan Dikeluarkan Selepas Sesuatu Pembelian/Perkhidmatan Dibuat.	/	
Pesanan Tempatan Yang Dikeluarkan Tidak Diisi Dengan Maklumat Yang Lengkap.	/	
Pesanan Tempatan Yang Dibatalkan Tidak Dikepikan Bersama Semua Salinannya Bagi Membuktikan Ianya Telah Dibatalkan.	/	
Permohonan Pembayaran Di Bawah AP. 58(a) Daripada Pengarah Jabatan Pertanian Persekutuan Bagi 5 Bil Yang Diterima Dalam Bulan Disember 2006 Dan Januari 2007 Hanya Dibuat Pada Bulan Julai 2007.	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Pendaftaran Harta Modal Dan Inventori Masih Menggunakan Borang Lama Iaitu KEW.312 dan KEW. 313 Walaupun Pekeliling Perpendaharaan Bilangan 5/2007 Telah Berkaukuasa Pada 2 Mac 2007.	/	
Buku Daftar Pergerakan Harta Modal/Inventori KEW. PA-6 Masih Belum Diselenggarakan Bagi Menggantikan Borang Lama (KEW.312 Dan KEW.314).	/	
Daftar Stok Bekalan Pejabat KEW. 300-J3 Dan KEW. 300J4 Masih Belum Diselenggarakan Bagi Menggantikan Daftar Lama - KEW.314.		/
Beberapa Aset Yang Diperolehi Tidak Mempunyai Tanda Hak Milik Kerajaan Dan Nombor Siri Pendaftaran.	/	
Penggunaan Bekalan Pejabat Tidak Dikawal Dengan Sewajarnya.	/	
Baki Yang Direkod Di Daftar Berbeza Dengan Baki Fizikal.	/	
Pelupusan Bagi Harta Modal/Inventori Yang Rosak Tidak Dilaksanakan.		/
Pegawai Kenderaan Tidak Dilantik Secara Bertulis.	/	
Ringkasan Penggunaan Bahan Api Tidak Disediakan.	/	
Buku Log Kenderaan Tidak Disemak Oleh Pegawai Kenderaan.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Nama Dan Tandatangan Pegawai Yang Memberi Kuasa Menggunakan Kenderaan Tidak Dicatat Di Dalam Buku Log.	/	
Semakan Tidak Dibuat Bagi Bil Yang Diterima Dari Pembekal Dengan Catatan Di Dalam Buku Log.	/	
Butiran Kos Penyenggaraan Kenderaan Tidak Dicatat Di Daftar Harta Modal.	/	

8.1.2.3. Institut Penyelidikan Haiwan, Perak

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Carta Organisasi Pejabat Tidak Kemas Kini.	/	
Manual Prosedur Kerja Tidak Disediakan.	/	
Fail Meja Tidak Dikemas Kini.	/	
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Tidak Dijalankan.	/	
Daftar Mel Tidak Diselenggarakan Dengan Lengkap.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Daftar Mel Tidak Diperiksa Setiap Hari Dengan Buku Tunai Oleh Pegawai Penyelia.	/	
Tunggakan Sewaan Kantin Berjumlah RM800 Tidak Diambilkira Di Dalam Laporan Tunggakan Hasil.	/	
Penyata Penyesuaian Hasil Tidak Dikemukakan Ke Pejabat Pembayar Dalam Tempoh 14 Hari.	/	
Sijil Pengesahan Flimsi Dan Penyata Penyesuaian Hasil Tidak Disediakan Mengikut Jadual.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Baucar Bayaran Tidak Difailkan Dengan Teratur.	/	
Borang JANM01 (ID Pengguna) Tidak Difailkan Sebagai Rujukan Pejabat.	/	
Semua Dokumen Sokongan Baucar Bayaran Tidak Dicopkan 'TELAH BAYAR'	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Kad Harta Modal Untuk Kenderaan Tidak Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Pemeriksaan Terhadap Harta Modal Tidak Dilaksanakan.		
Daftar Stok Bekalan Pejabat (Kew. 314) Tidak Kemas Kini.	/	
Buku Log Untuk Kenderaan Tidak Diselenggarakan Dengan Kemas Kini.	/	
Buku Log Untuk 9 Mesin Rumput Dan Sebuah Traktor Tidak Diselenggarakan.	/	
Daftar Penggunaan Kad 'Touch & Go' Tidak Kemas Kini.	/	
Verifikasi Stor Tidak Dijalankan.	/	
Surat Pelantikan Pegawai Kenderaan Tidak Disediakan.	/	
Daftar Pergerakan Kad Inden Minyak Tidak Diselenggarakan.	/	
Tiga Kenderaan Telah Didafarkan Atas Nama Jabatan Dan Bukan Jawatan.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Hasil Jualan Lelongan Kereta Kerajaan Sejumlah RM15,379 Belum Diserah Oleh Syarikat Yang Dilantik Kepada Jabatan.	/	
Tindakan Pelupusan Tidak Diambil Terhadap 24 Tayar Kenderaan Yang Telah Usang.	/	
PENGURUSAN KUMPULANWANG AMANAH/AKAUN AMANAH/DEPOSIT		
Daftar Pinjaman Komputer, Kenderaan Dan Perumahan Tidak Diselenggara.	/	

8.1.2.4. Institut Pertanian Air Hitam, Kluang, Johor

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Carta Organisasi Tidak Disediakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Manual Prosedur Kerja Tidak Disediakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.		/
Fail Meja Yang Disediakan Tidak Kemas Kini.		/
Kakitangan Tidak Dihantar Berkursus Untuk Meningkatkan Kemahiran.	/	
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Tidak Diadakan Mengikut Kekerapan Yang Ditetapkan.	/	
Sebab-sebab Tidak Hadir Ke Pejabat Mengikut Waktu Yang Ditetapkan Tidak Dinyatakan Di Dalam Kad Perakam Waktu.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Resit Tidak Diserahkan Kepada Pembayar Semasa Pembayaran Dibuat.	/	
Penyimpanan Wang Ke Bank Tidak Mengikut Waktu Yang Ditetapkan.	/	
Surat Kuasa Tidak Dikeluarkan Bagi Pegawai Kumpulan Sokongan Yang Mengutip Hasil.		/
Surat Penurunan Kuasa Dari Pegawai Pengawal Kepada Ketua PTJ Belum Diperolehi.		/
Buku Tunai Tidak Disemak Setelah Wang Dimasukkan Ke Bank.	/	
Pemeriksaan Mengejut Yang Dilaksanakan Tidak Mengikut Maksud Arahan Perbendaharaan.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Surat Kuasa Berasingan Yang Menunjukkan Had Amaun Yang Boleh Ditandatangi Tidak Dikeluarkan Kepada Pegawai Berkaitan.	/	
Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Tidak Disediakan Kerana Masalah Teknikal.	/	
PENGURUSAN KUMPULANWANG AMANAH/AKAUN AMANAH/DEPOSIT		
Akaun Subsidiari Yang Mencatatkan Setiap Butiran Pendeposit Tidak Diselenggarakan.	/	
Resit Bayaran Deposit Belum Diserahkan Kepada Pendeposit Dan Wang Berkenaan Belum Dibankkan.		/
Lebih Daripada Sebuah Buku Tunai Diselenggarakan.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Akaun Subsidiari Tidak Disesuaikan Dengan Akaun Kawalan Dan Senarai Baki Deposit Pada Akhir Tahun Tidak Disedia Dan Dihantar Ke Pejabat Pembayar Dan Jabatan Audit Negara.	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Daftar Harta Modal/Inventori Tidak Diselenggara Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.		/
Tanda Hak Milik Kerajaan Dan Nombor Pendaftaran Kekal Tidak Dibuat Pada Aset.		/
Tiada Pegawai Di Peringkat Jabatan Yang Dilantik Untuk Menjalankan Pemeriksaan Terhadap Harta Modal.		/

8.1.2.5. Taman Pertanian Malaysia (TPM), Shah Alam, Selangor

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN TERIMAAN		
Penyeliaan, Penyenggaraan Elektrik, Penyenggaraan Kerosakan Serta Pemantauan Perkhidmaan Syarikat Yang Dilantik Tidak Diuruskan Oleh Jurutera Elektrik Yang Layak.	/	
Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (KEW.67) Tidak Diselenggara Dengan Teratur.	/	
Buku Resit Tidak Diperakuan Semasa Menerimanya Daripada Pembekal.	/	
10 Resit Yang Ditulis Dan Ditandatangani Tidak Diserahkan Kepada Pembayar.	/	
Kutipan Wang Lewat Dibankkan.	/	
Buku Tunai Yang Diselenggara Tidak Kemas Kini.	/	
Buku Tunai Tidak Disemak Oleh Pegawai Penyelia.	/	
Wang Terimaan Yang Dibankkan Tidak Direkod Dalam Buku Tunai.	/	
Akaun Tunai Bulanan Tidak Diserahkan Kepada Jabatan Akauntan Negara Dalam Tempoh Yang Ditetapkan.	/	
Tiada Perjanjian Sewa Dibuat Antara TPM Dengan Penyewa Bagi 11 Gerai Yang Disewakan.	/	
Tunggakan Bayaran Sewa Daripada Penyewa Gerai Belum Dikutip Oleh TPM.	/	
Penyata Akaun Belum Terima Yang Diselenggarakan Tidak Lengkap.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Perbelanjaan Berulang Telah Dikenakan Dibawah Peruntukan Pembangunan Dan Bukan Peruntukan Mengurus.	/	
Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Tidak Dikemukakan Ke Pejabat Ketua Akauntan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.	/	
Bil Bayaran Pukal Tidak Disemak Dengan Laporan Terperinci Pembayaran Pukal Daripada Pejabat Pembayar.	/	
Perbelanjaan Penyenggaraan Kenderaan Telah Diperuntukkan Di Bawah Peruntukan Pembangunan Dan Bukan Peruntukan Mengurus.	/	
Baucar Bayaran Yang Disimpan Tidak Dikepilkhan Dengan Senarai Semak Dan Tidak Dicop Dengan JANM09.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Notis Pergerakan Dokumen eSPKB Yang Disimpan Bersama Baucar Tidak Ditandatangani Oleh Pegawai Yang Bertanggungjawab.	/	
Bil/Elaun Lebih Masa/Tuntutan Perjalanan Berjumlah RM11,944.87 Belum Dibayar Melebih 30 Hari.	/	
Terdapat Pegawai Yang Menuntut Elaun Lebih Masa Tanpa Mempunyai Surat Arahan Kerja Lebih Masa.	/	
Daftar Sebut Harga Tidak Diselenggara Dengan Lengkap.	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Kad Harta Modal Tidak Lengkap Dan Tidak Kemas Kini.	/	
Tindakan Pelupusan Tidak Diambil Terhadap Kenderaan Yang Tidak Boleh Digunakan Lagi.		/

8.1.2.6. Jabatan Perikanan Negeri Kedah

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Fail Meja Tidak Disediakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Kakitangan Di Bahagian Kewangan Tidak Dihantar Berkursus.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Daftar Borang Hasil (Kew.67) Tidak Diselenggara Dengan Lengkap.	/	
Tiada Bukti Semakan Dilaksanakan Seminggu Sekali Oleh Pemungut Atau Wakilnya Terhadap Borang Hasil Yang Dikeluarkan.	/	
Daftar Mel Tidak Diselenggara Dengan Lengkap Dan Tidak Kemas Kini.	/	
Semakan Harian Terhadap Buku Tunai Tidak Dijalankan.	/	
Slip Bank Tidak Disemak Sebelum Dan Selepas Wang Dibankkan.	/	
Pemeriksaan Mengejut Tidak Dijalankan.	/	
Borang Hasil Tidak Diperiksa Sebelum Digunakan.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Bil-bil Yang Diterima Tidak Dicop Tarikh.	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Kad Harta Modal Dan Inventori Tidak Diselenggara Dengan Lengkap Dan Tidak Kemas Kini.	/	
Daftar Kawalan Kad Harta Modal Dan Inventori Tidak Diselenggara Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Nombor Siri Pendaftaran Tidak Dicatat Di Aset.	/	
Penyenggaraan Kenderaan Tidak Direkod Di Kad Harta Modal.	/	
Pemeriksaan Terhadap Aset Dan Inventori Tidak Dijalankan.	/	
Butiran Perjalanan Tidak Direkod Dalam Buku Log Kenderaan.	/	
Buku Log Tidak Diperiksa Oleh Pegawai Yang Bertanggungjawab.	/	
Daftar Penggunaan Kad Inden Bahan Api Tidak Diselenggarakan.	/	

8.1.2.7. Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Sabah

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Carta Organisasi Tidak Disediakan Dengan Lengkap Dan Tidak Kemas Kini.	/	
Fail Meja Tidak Disediakan Bagi Semua Kakitangan.		/
Senarai Tugas Tidak Disediakan Bagi Semua Kakitangan.		/
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Tidak Diadakan Mengikut Kekerapan Yang Ditetapkan.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Surat Kuasa Bagi Pegawai Mengutip Hasil Tidak Dinyatakan Secara Spesifik.		/
Daftar Borang Hasil Tidak Diselenggara Dengan Kemas Kini.		/
Pengesahan Tidak Dibuat Terhadap Borang Hasil.		/
Borang Hasil (Resit Berkomputer) Tidak Disimpan Di Dalam Kabinet.	/	
Pemeriksaan Tidak Dijalankan Terhadap Buku Tunai Berkomputer.		/
Pemeriksaan Mengejut Tidak Dijalankan Sekurang-kurangnya 6 Bulan Sekali.		/
Wang Yang Diterima Melalui Mel Tidak Didaftar Terus Ke Daftar Mel.	/	
Kaunter Kutipan Hasil Tidak Mempunyai Ciri-ciri Keselamatan.		/
Peti Besi Tidak Mempunyai Ciri-ciri Keselamatan Kerana Kecil Dan Mudah Diangkat.	/	
Kelulusan Bertulis Daripada Jabatan Akauntan Negara Untuk Mengeluarkan Resit Melalui Mesin/Komputer Tidak Diserah Kepada Audit Untuk Semakan.		/
Buku Log Untuk Mengawal Penggunaan Mesin Beresit Tidak Diselenggarakan.	/	
Tuntutan Tidak Dibuat Terhadap Bil Air Yang Melibatkan Kakitangan Hospital Yang Tinggal Di Kuarters.		/
Pengasingan Tugas Bagi Kakitangan Yang Membuat Kutipan Hasil Dan Menyelenggara Rekod Hasil Tidak Dilaksanakan.	/	
Pemeriksaan Terhadap Stok Resit Yang Dipegang Oleh Juruwang Tidak Dijalankan.		/
KAWALAN PERBELANJAAN		
Semakan Tidak Dijalankan Terhadap Data-data Yang Direkodkan Dalam Daftar Kawalan Harian.	/	
Buku Daftar Kaunterfoil Tidak Diselenggara Dengan Kemas Kini.		/
Salinan Peniga Pesanan Kerajaan Tidak Disusun Mengikut Susunan Nombor Siri.		/
Daftar Bil Yang Dijana Melalui Sistem eSPKB Tidak Dicetak.		/
Pembayaran Tidak Dibuat Dalam Tempoh 14 Hari Dari Tarikh Bil Diterima		/
Baucar Bayaran eSPKB Tidak Diselenggara Mengikut Tatacara Panduan Pengguna PTJ eSPKB.		/
Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Yang Dicetak Melalui Sistem eSPKB Tidak Disemak.		/
Kunci Peti Tawaran Sebut Harga Tidak Dipegang Oleh 2 Orang Pegawai Berlainan.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Sebut Harga Yang Dipanggil Adalah Kurang Daripada 5 Pembekal.		/
Buku Rekod Perkhidmatan Tidak Kemas Kini.		/
Semakan Tidak Dijalankan Terhadap Borang Perubahan Gaji Kew.320 Bagi Memastikan Ketepatan Maklumat Yang Diproses.		/
Tindakan Segera Tidak Diambil Bagi Kakitangan Yang Bertukar Ke Pejabat Lain.		/
Buku Rekod Penting Seperti Memangku Dan Menanggung Kerja Tidak Diselenggara.	/	
Bayaran Pelbagai Elaun Seperti Elaun Penempatan Wilayah, Imbuhan Tetap Perumahan, Elaun Pakar Dan Elaun Pemangkuuan Tidak Teratur.		/
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Rekod Pengurusan Kuarters Tidak Kemas Kini.		/
Penyelenggaraan Kad Baru Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 Belum Dilaksanakan.	/	
Pemeriksaan Setahun Sekali Tidak Dijalankan Terhadap Aset Dan Inventori.		/
Tanda Hak Milik Kerajaan Tidak Dibuat Terhadap Komputer Yang Telah Dibeli.		/
Daftar Stok Bekalan Pejabat Tidak Kemas Kini.		/
Penyenggaraan Yang Telah Dijalankan Terhadap Kenderaan Tidak Direkodkan.	/	
Buku Log Kenderaan Tidak Diselenggarakan.		/
Daftar Pergerakan Kad Petrol Tidak Diselenggara Dengan Teratur Dan Tidak Kemas Kini.	/	
PENGURUSAN KUMPULANWANG AMANAH/AKAUN AMANAH/DEPOSIT		
Rekod Daftar Pinjaman Tidak Teratur.	/	

8.1.2.8. Jabatan Imigresen Malaysia, Cawangan Negeri Perak

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Fail Meja Yang Disediakan Tidak Lengkap.	/	
Surat-surat Teguran Jabatan Audit Negara Tidak Dijawab.	/	
Senarai Tugas Kakitangan Tidak Ditandatangani Oleh Ketua Jabatan.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Pemeriksaan Mengejut Tidak Dijalankan Secara Menyeluruh.	/	
Catatan Dalam Daftar Borang Hasil Yang Dikawal Tidak Teratur.	/	
Daftar Penggunaan Borang Hasil Tidak Seragam.	/	
Penyata Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.68) Tidak Diselenggarakan.	/	
Laporan Tunggakan Hasil/Akaun Belum Terima Tidak Disediakan.	/	
Akaun Tunai Bulanan Lewat Dikemukakan Ke Pejabat Pembayar.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PERBELANJAAN		
Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Lewat Disediakan.	/	
Laporan Perbelanjaan Bulanan Tidak Disah/Ditandatangani Oleh Pegawai Pengawal.	/	
Daftar Kontrak Tidak Diselenggarakan.	/	
Spesifikasi Kawalan Keselamatan Di Dalam Kontrak Tidak Dinyatakan Dengan Jelas.		/
Rekutan Panjar Wang Runcit Lewat Dilaksanakan	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Catatan Rujukan Buku Stok Tidak Dinyatakan Pada Setiap Terimaan/Keluaran Barang Stor.	/	
Verifikasi Stok Tidak Dijalankan.	/	
Pemeriksaan Terhadap Kad Harta Modal Tidak Dijalankan.		/
Pegawai Kenderaan Tidak Dilantik Secara Bertulis.	/	
Pemeriksaan Terhadap Buku Log Tidak Dilaksanakan.	/	
Kenderaan Jabatan Didafarkan Atas Nama Kementerian Dan Jabatan Dan Bukan Atas Nama Jawatan.	/	
Penggunaan Bahan Api Tidak Direkod Dalam Buku Log.	/	
PENGURUSAN KUMPULANWANG AMANAH/AKAUN AMANAH/DEPOSIT		
Akaun Kawalan/Lejar Individu Deposit Tidak Diselenggarakan.	/	
Deposit Kurang Dari RM500 Tidak Dikembalikan Kepada Pendeposit Walaupun Syaratnya Telah Mencukupi.	/	
Daftar Pinjaman Kenderaan, Komputer Dan Perumahan Tidak Diselenggarakan.	/	

8.1.2.9. Pusat Serenti Tampin (PST), Melaka

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Manual Prosedur Kerja Tidak Disediakan.	/	
Terdapat Pegawai Yang Tidak Mempunyai Fail Meja.	/	
Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) Tidak Ditubuhkan.	/	
Surat Perwakilan Kuasa Tidak Dikeluarkan Bagi Pegawai Yang Baru Mengambil Alih Tugas.	/	
Surat Perwakilan Kuasa Bagi Tugas-tugas Tertentu Belum Disediakan.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Semakan Terhadap Nombor Siri Bagi 9 Buah Buku Resit Yang Diterima Pada 20 Disember 2005 Tidak Dijalankan.	/	
Buku Tunai Tidak Dicatat Dengan Lengkap Dan Tidak Kemas Kini.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Kawalan Keselamatan Bagi Penyimpanan Wang Tunai Tidak Memuaskan.	/	
Pemeriksaan Mengejut Tidak Dilaksanakan.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Beberapa Bil Dan Invois Yang Diterima Untuk Bayaran Tidak Dicop Tarikh Terima Dan Tiada Cop Pengesahan Jabatan.	/	
Buku Vot Tidak Disemak Dan Tiada Tanda Tangan Ringkas Setelah Bayaran Dibuat.	/	
Dokumen Sokongan Bagi Baucar Bayaran Tidak Dicop "Telah Dibayar".	/	
Ulasan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga Tidak Dipamerkan Di Papan Kenyataan.	/	
Perkhidmatan Bagi Bekalan Makanan Mentah, Basah Dan Kering Tidak Memuaskan.	/	
Harga Telur Ayam Yang Dibekalkan Oleh Kontraktor Tidak Mengikut Harga Kontrak.	/	
Kelulusan Kementerian Kewangan Tidak Diperolehi Bagi Perkhidmatan Dan Bekalan Kepada PST Yang Diperolehi Melalui Kontrak Pusat.	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Maklumat Dalam Kad Harta Modal Tidak Lengkap.	/	
Buku Log Kenderaan Tidak Diselenggarakan Dengan Teratur.	/	
Pemeriksaan Terhadap Buku Log Tidak Dilaksanakan Oleh Pegawai Penyelia.	/	
Alat Kelengkapan Kenderaan Yang Tercatat Dalam Kad Harta Modal Tidak Disimpan.	/	
Sistem Pembelian Minyak Secara Pukal Untuk Kegunaan Motorsikal Adalah Tidak Praktikal.	/	
Beberapa Aset Yang Diperolehi Tidak Mempunyai Tanda Hak Milik Kerajaan Dan Nombor Siri Pendaftaran.	/	
Tarikh Pemeriksaan Alat Pemadam Api Telah Luput.	/	
Daftar Pergerakan Harta Modal Tidak Diselenggarakan.	/	
Pemeriksaan Terhadap Harta Modal Tidak Dijalankan.		/
Pelupusan Dan Hapus Kira Bagi Barang-barang Rosak Tidak Dijalankan.		/
PENGURUSAN KUMPULANWANG AMANAH/AKAUN AMANAH/DEPOSIT		
Bayaran Pembebasan Penghuni Menggunakan Peruntukan Daripada Panjar Wang Khas Dan Tidak Menggunakan Akaun Amanah Yang Sepatuunya.	/	
Bayaran Kepada Bank Tidak Disemak Dengan Penyata Pemungut Setelah Wang Dibankkan.	/	
Tiada Bukti Semakan Dilaksanakan Seminggu Sekali Oleh Pemungut Atau Wakilnya Terhadap Borang Hasil Yang Dikeluarkan.	/	

8.1.2.10. Sekolah Menengah Kebangsaan Beluran, Sabah

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Carta Organisasi Yang Disediakan Tidak Lengkap.	/	
Penurunan Kuasa Secara Bertulis Tidak Dibuat Bagi Pegawai Yang Terlibat Dengan Pesanan Tempatan Dan Borang Perubahan Gaji (Kew.8).	/	
Manual Prosedur Kerja Tidak Disediakan.	/	
Fail Meja Yang Disediakan Tidak Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Tidak Ditubuhkan.	/	
13 Orang Pegawai Di Bahagian Kewangan Tidak Pernah Menghadiri Kursus.		/
Senarai Tugas Yang Disediakan Tidak Lengkap		/
KAWALAN TERIMAAN		
Pemeriksaan Tidak Dijalankan Terhadap Buku Vot Dan Daftar Bil Oleh Pegawai Bertanggungjawab.	/	
Resit Kewangan (Kew.38) Yang Belum Dan Sedang Digunakan Tidak Ditandatangani Dan Disahkan Ketepatan Nombor Sirinya.	/	
Pemeriksaan Mengejut Tidak Dijalankan.	/	
Surat Kebenaran Untuk Menerima Wang Tidak Disediakan Bagi Pegawai Berkaitan.	/	
Rekod-rekod Kewangan Tidak Diperiksa Oleh Pengetua Sekolah.	/	
Daftar Penyata Pemungut Tidak Diselenggarakan.	/	
Penyata Penyesuaian Hasil Tidak Disediakan.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Catatan Dalam Buku Vot Tidak Ditandatangan Ringkas Semasa Memperakui Baucar Bayaran.	/	
Penyata Penyesuaian Buku Vot Tidak Disediakan.	/	
Salinan Peniga Pesanan Kerajaan Tidak Disediakan Dengan Lengkap	/	
Daftar Bil Yang Disediakan Tidak Lengkap Dan Tidak Disemak.	/	
Terdapat Bil-bil Tidak Direkod Ke Dalam Daftar Bil.	/	
Pembelian 4 Unit Penghawa Dingin Berjumlah RM8,634 Di Luar Kontrak Pusat Tanpa Surat Kelulusan Daripada Kementerian Pelajaran		/
Sistem Bayaran Pukal Bagi Tahun 2004 Hingga 2005 Tidak Diselenggarakan Dengan Teratur Dan Kemas Kini.	/	
Pegawai Kad Perakam Waktu Tidak Dilantik.	/	
Laporan Mingguan, Bulanan Kad Perakam Waktu Tidak Disediakan.	/	
Sebab Kegagalan Hadir Ke Pejabat Pada Masa Yang Ditetapkan Tidak Dinyatakan Di Kad Perakam Waktu.	/	
Daftar Cuti Tidak Diselenggarakan.	/	
Surat Penurunan Kuasa Bagi Menandatangani Borang Penyata Perubahan Pendapatan (Kew. 8) Dan Borang Perubahan Gaji (SG20) Tidak Disediakan.	/	
Lembaran Gaji Bulan Januari 2006 Hingga Mac 2006 Tidak Disemak.		/
Penyata Penyesuaian Vot Gaji Tidak Disediakan.	/	

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
Buku Vot Gaji Tidak Ditandatangan Ringkas Semasa Memperakui Baucar Bayaran Gaji.	/	
Fail Surat Akaun Keluar Dan Masuk Rumah Tidak Kemas Kini	/	
Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga Tidak Dilantik.	/	
Peti Tawaran Sebut Harga Tidak Disediakan.	/	
Buku Daftar Sebut Harga Tidak Diselenggara.	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Kad Harta Modal Yang Disediakan Tidak Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Aset Tidak Dilabel Dengan Hak Milik Kerajaan.	/	

8.1.2.11. Pejabat Pembangunan Komoditi Sendayan, Seremban

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Manual Prosedur Kerja Tidak Disediakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Fail Meja Tidak Disediakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.	/	
Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Tidak Melaksanakan Fungsinya Sebagaimana Yang Ditetapkan.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Buku Tunai Tidak Diselenggarakan Dengan Lengkap.	/	
Daftar Mel Tidak Diselenggarakan Dengan Lengkap.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Buku Vot Tidak Diselenggarakan Dengan Lengkap Dan Teratur.	/	
Rekod Pembayaran Dan Penerimaan Mengenai Kontrak Tidak Dicatat Dalam Salinan Kontrak/Daftar Kontrak.	/	
Penyata Penyesuaian Bulanan Tidak Disedia Dan Dikemukakan Ke Pejabat Pembayar Dalam Tempoh Yang Ditetapkan.		/
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Daftar Harta Modal/Inventori Tidak Diselenggarakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.		/
Daftar Pergerakan Harta Modal Tidak Diselenggarakan Dengan Lengkap Dan Teratur.		/

8.1.2.12. Jabatan Bekalan Air, Wilayah Persekutuan Labuan

KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI SEBELUM PROGRAM ANAK ANGKAT	KEMAJUAN YANG DICAPAI SELEPAS PROGRAM ANAK ANGKAT	
	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	TINDAKAN SEDANG DIAMBIL
KAWALAN PENGURUSAN		
Pegawai Pengawal Belum Menurunkan Kuasa Secara Bertulis Kepada Pegawai Yang Menandatangani Baucar Bayaran, Pesanan Tempatan Dan Penyata Perubahan Gaji (Kew. 8).	/	
Manual Prosedur Kerja Tidak Disediakan.	/	
Status Capaian eSPKB Masih Aktif Untuk Pengguna Kad Pintar Yang Berpindah.	/	
Baucar Bayaran Tidak Dicop JANM09 Dan 'Nombor Dan Tarikh Cek/EFT' Dan Dokumen Sokongan Tidak Dicop 'Telah Dibayar'.	/	
Laporan Buku Vot BV381 Tidak Dikemas Kini Dalam Disket Setiap Pagi.	/	
KAWALAN TERIMAAN		
Borang Hasil Yang Dikeluarkan Daripada Stok Tidak Disemak Setiap Minggu Oleh Pemungut Atau Wakilnya.	/	
Daftar Mel Yang Diselenggara Tidak Lengkap.	/	
Daftar Mel Tidak Diperiksa Setiap Hari Dengan Buku Tunai.	/	
Pemeriksaan Mengejut Yang Dijalankan Tidak Direkod Di Dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.	/	
KAWALAN PERBELANJAAN		
Daftar Bayaran Berjadual (Borang JANM 12) Tidak Diselenggarakan.	/	
Fail Pekeliling Tidak Disediakan.	/	
Gaji Pegawai Yang Telah Bertukar Masih Dibayar.	/	
PENGURUSAN ASET DAN STOR		
Pendaftaran Harta Modal Dan Inventori Masih Menggunakan Borang Lama Iaitu KEW.312 dan KEW.313 Walaupun Pekeliling Perpendaharaan Bilangan 5/2007 Telah Berkukuasa Pada 2 Mac 2007.	/	
Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori Tidak Diselenggarakan.	/	
Pemeriksaan Terhadap Harta Modal Dan Inventori Tidak Dijalankan Sekurang-kurangnya Sekali Setahun.	/	
Penyenggaraan Bagi Kenderaan Tidak Direkodkan Di Dalam Buku Log Kenderaan.	/	
Verifikasi Stok Tidak Dilaksanakan Di Stor Alat Tulis Di Stor Jalan Kolam Dan Stor JKR.	/	
Pemeriksaan Terhadap 120 Butir Barang Dan Alat Ganti (Pipes And Fittings) Yang Tidak Boleh Digunakan Belum Dilaksanakan Untuk Tindakan Pelupusan.		/

8.1.3 Kelemahan Yang Belum Diambil Tindakan

Kelemahan-kelemahan berikut belum diambil tindakan pembaikan oleh pejabat yang berkenaan :-

KELEMAHAN YANG BELUM DIAMBIL TINDAKAN PEMBAIKAN	PEJABAT YANG BERKAITAN
Deposit Yang Masih Diperlukan Telah Diwartakan Tanpa Meneliti Keperluannya.	Jabatan Imigresen Malaysia, Cawangan Negeri Perak
Verifikasi Stok Resit/Permit/Borang Hasil Tidak Dijalankan.	
Salinan Insurans Perlindungan Bagi Pinjaman Kenderaan Tidak Difailkan.	
Tiada Bukti Carta Organisasi Diluluskan Oleh Ketua Jabatan.	
Senarai Tugas Bagi 3 Orang Pegawai Tidak Ditandatangani Oleh Pegawai Atasan.	
Keahlian Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Hanya Terdiri Daripada Pegawai Kewangan Dan Pentadbiran Sahaja.	
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Tidak Diadakan Mengikut Kekerapan Yang Ditetapkan.	
30 Daripada 57 Kekosongan Jawatan Belum Diisi.	
9 Fail Meja Pegawai Tidak Disediakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini.	
Daftar Bil Tidak Diperiksa Oleh Pegawai Yang Bertanggungjawab.	Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam, Selangor
Daftar Induk Aset Dan Inventori Tidak Diselenggarakan.	
Pemeriksaan Fizikal Terhadap Harta Modal Tidak Dijalankan.	
Daftar Bekalan Pejabat Tidak Dikemas Kini.	
Verifikasi Stok Tidak Dijalankan Di Stor JPM.	
Tindakan Pelupusan Belum Diambil Terhadap 9 Barang Yang Telah Usang.	
Buku Log Kenderaan Tidak Diperiksa Oleh Pegawai Pengangkutan.	
Penggunaan Kad 'Touch & Go' Tidak Dikawal Dengan Sempurna.	

8.1.4. Rumusan Dan Syor Audit

Berdasarkan kepada kemajuan pengurusan kewangan yang ditunjukkan oleh pejabat yang menyertai Program Anak Angkat, dapatlah dirumuskan bahawa kelemahan pengurusan kewangan boleh diperbaiki sekiranya penyeliaan yang rapi diberikan kepada pegawai bawahan, panduan kerja yang jelas disediakan, latihan serta motivasi yang mencukupi dan berterusan diberi kepada pegawai/kakitangan untuk menjalankan tugas dengan penuh komitmen.

9. PENG AUDITAN TERHADAP BANGUNAN YANG MENEMPATKAN PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DAN KEMUDAHAN AWAM DI PUTRAJAYA DAN KUALA LUMPUR

9.1. Jemaah Menteri semasa mesyuaratnya pada 9 Mei 2007 meminta Ketua Audit Negara mengetuai pasukan Audit menjalankan *total inspections* ke atas semua bangunan Kerajaan di Putrajaya dan Kuala Lumpur yang bertujuan untuk menentukan dan mengenal pasti punca kerosakan sama ada disebabkan oleh kelemahan reka bentuk, pembinaan atau penyenggaraan; mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap kerosakan/*defects* pada bangunan dan mengenal pasti sama ada bangunan Kerajaan disenggarakan secara terancang bagi memastikan ia selamat digunakan dan mengelak kos pembaikan yang tinggi.

9.2. Jabatan Audit Negara dengan bantuan KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd. telah menjalankan pengauditan terhadap bangunan yang menempatkan pejabat Kerajaan dan kemudahan awam di Putrajaya dan Kuala Lumpur yang terdiri daripada 59 bangunan di Putrajaya di bawah pembangunan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.; 31 bangunan di Putrajaya di bawah pembangunan Perbadanan Putrajaya; 65 bangunan milik Kerajaan di Kuala Lumpur dan 120 ruang pejabat yang disewa di 48 bangunan di Kuala Lumpur.

9.3. Pengauditan tersebut mendapati pada umumnya tahap penyenggaraan bangunan perlu diperingkatkan manakala beberapa bangunan pula perlu tindakan pembaikan dengan segera. Sehubungan ini, Jabatan Kerja Raya telah diminta supaya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bangunan-bangunan Kerajaan disenggarakan secara berjadual dan membaiki bangunan-bangunan yang telah rosak bagi menjamin ia sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

10. PENGESAHAN AUDIT TERHADAP TUNTUTAN KOS PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PUTRAJAYA OLEH PUTRAJAYA HOLDINGS SDN. BHD.

Pada 1 Oktober 2007, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meminta Jabatan Audit Negara mengesahkan ketepatan tuntutan pembangunan infrastruktur oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PJH) yang berjumlah RM2.40 bilion. Jumlah ini merangkumi 3 kategori tuntutan iaitu kos projek siap, kos projek masih dalam pembinaan dan anggaran kos projek akan datang. Bagaimanapun, Jabatan Audit Negara hanya dapat mengesahkan perbelanjaan berjumlah RM1.50 bilion sahaja. Tuntutan yang lain tidak dapat disahkan kerana projek masih dalam pembinaan manakala bagi beberapa projek yang telah disiapkan pula, pengesahan tidak dapat dibuat kerana Akaun Muktamad belum dipersetujui oleh PJH dan kontraktor/Akaun Muktamad masih belum disediakan/dokumen tuntutan tidak lengkap/dokumen sokongan tidak dikemukakan untuk pengauditan.

11. PENILAIAN KHAS TERHADAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Atas permintaan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah untuk tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tempoh bulan Januari 2007 hingga Mei 2008, penilaian telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan 103 pegawai JUSA. Penglibatan Jabatan Audit Negara membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbangkan kepada pengukuhan pengurusan Kerajaan memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan baik.

BAHAGIAN IV

PERKARA AM

BAHAGIAN IV

PERKARA AM

12. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM SERTA AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2006

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Parlimen. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2006 telah dibentangkan di Parlimen pada 1 September 2007 iaitu pada hari yang sama dengan pembentangan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2008.

13. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

13.1. Sepanjang tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah bermesyuarat sebanyak 13 kali. Selain daripada membincangkan topik yang berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah membincangkan perkara yang berkaitan dengan isu semasa. Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk membangkitkan apa sahaja topik di samping isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara berdasarkan kepada Seksyen 77 (d) Perintah Tetap Dewan Rakyat yang menyatakan :-

Seksyen 77(d) - "...such other matters as the Committee may think fit, or which may be referred to the Committee by the House."

13.2. Mulai tahun 2001, topik yang dibincangkan oleh Jawatankuasa adalah mengikut tema tertentu. Semasa membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan yang berkenaan telah diminta hadir untuk menjelaskan isu yang dibangkitkan dan juga melaporkan kedudukan masa kininya. Bagi membantu Jawatankuasa membincangkan perkara lain yang tidak disentuh dalam Laporan Ketua Audit Negara, Kementerian/Jabatan yang terlibat diminta memberikan taklimat. Topik yang telah dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya bagi tahun 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.1
PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI
29 Januari 2007	Projek Pembangunan Jalan Luar Bandar Di Sabah	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah dan Jabatan Kerja Raya Sabah
	Pembinaan Pengkalan TLDM, Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah	Kementerian Pertahanan
30 Januari 2007	Lawatan Tapak Projek Pembangunan Jalan Luar Bandar Di Sabah	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
	Lawatan Tapak Pembinaan Pengkalan TLDM, Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah	Kementerian Pertahanan
26 Februari 2007	Pelaburan Kerajaan Dalam Syarikat-syarikat Swasta : Pemantauan Strategik Dan Politik	Kementerian Kewangan
11 Mei 2007	Status Masa Kini Projek Middle Ring Road 2 (MRR2)	Kementerian Kerja Raya
	Susulan Mengenai Tuntutan Pampasan Oleh Syarikat Gerbang Perdana Yang Melibatkan Projek Jambatan Tambak Johor	
	Status masa kini Projek Bangunan MATRADE	
2 Ogos 2007	Susulan Terhadap Keputusan Mesyuarat Yang Lalu	Lembaga Hasil Dalam Negeri
	Pengurusan Cukai Pendapatan – Individu Dan Korporat	
3 September 2007	Susulan Terhadap Keputusan Mesyuarat Yang Lalu	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
	Peranan Dan Tanggungjawab Kastam Dalam Menjana Ekonomi Dan Kemakmuran Negara	
6 September 2007	Susulan Terhadap Keputusan Mesyuarat Yang Lalu	Kementerian Pengangkutan Malaysia
	Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang	
25 September 2007	Susulan Terhadap Keputusan Mesyuarat Yang Lalu	Kementerian Pengangkutan Malaysia Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Suruhanjaya Sekuriti
	Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang	
26 September 2007	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006	Jabatan Audit Negara
4 Oktober 2007	Susulan Terhadap Keputusan Mesyuarat Yang Lalu	Kementerian Belia Dan Sukan
	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Tahun 2006 – Pengurusan Perolehan Peralatan Di Institut Kemahiran Belia Negara	
29 Oktober 2007	Susulan Terhadap Keputusan Mesyuarat Yang Lalu	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Tahun 2006 – Pengurusan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan	
20 November 2007	Susulan Terhadap Keputusan Mesyuarat Yang Lalu	Jabatan Peguam Negara
	Penjelasan Berhubung Pembelian Tanah Untuk Pembangunan Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ)	
	Susulan Terhadap Keputusan Mesyuarat Yang Lalu	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Jabatan Imigresen Malaysia
	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan Tahun 2006 – Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Kerja	

PENUTUP

PENUTUP

Prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan masih perlu dipertingkatkan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja perlu mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut :-

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan satu Jawatankuasa Audit untuk memastikan tindakan-tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal.
- c. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu memastikan Unit Audit Dalam (UAD) berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan hendaklah memastikan Unit Audit Dalamnya mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- d. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara ‘*hands on*’ dalam urusan tersebut.
- e. Dalam pelaksanaan Sistem eSPKB, urusan bayaran dibuat di peringkat Pusat Tanggungjawab dan dokumen-dokumen yang menyokong juga disimpan di pejabat-pejabat berkenaan. Bagi memastikan bayaran-bayaran dibuat dengan teratur, disokong dengan dokumen-dokumen yang lengkap dan diluluskan oleh

mereka yang diberikan kuasa, Jabatan Akauntan Negara hendaklah memastikan Unit Nazirannya menjalankan pemeriksaan di Pusat-pusat Tanggungjawab secara terancang.

- f. Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

16 Jun 2008

LAMPIRAN

LAMPIRAN A1

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2007.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

30 Mei 2008



LAMPIRAN A2

**LEMBARAN IMBANGAN
Seperti Pada 31 Disember 2007**

LAMPIRAN A2

**Lembaran Imbangan
seperti pada 31 Disember 2007**

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	<i>2007</i>	<i>2006</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
WANG AWAM			
A WANGTUNAI	10	16,942,687,959	19,410,529,507
B PELABURAN	11	9,980,061,556	43,074,739,619
		<hr/> 26,922,749,515	<hr/> 62,485,269,126
DIPEGANG BAGI: KUMPULANWANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	12	11,863,127,086	11,863,127,086
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	13	29,401,365,338	20,997,119,998
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	14	(14,341,742,909)	29,625,022,042
		<hr/> 26,922,749,515	<hr/> 62,485,269,126

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

DATO' SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

29 Februari 2008

DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD
Akauntan Negara Malaysia

29 Februari 2008

LAMPIRAN A3

**PENYATA PENERIMAAN DAN
PEMBA YARAN WANGTUNAI**
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007

LAMPIRAN A3

**Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai
bagi tahun berakhir 31 Disember 2007**

<u>Nota</u>	<u>2007</u>	<u>2006</u>
15	RM	RM
TERIMAAN		
Hasil		
Hasil Cukai	95,168,389,525	86,630,120,993
Hasil Bukan Cukai	43,950,481,930	36,005,452,728
Pelbagai Terimaan	460,654,414	634,741,074
Hasil Wilayah Persekutuan	305,809,731	139,885,335,600
	<u>139,885,335,600</u>	<u>275,528,871</u>
	<u>123,545,843,666</u>	
Pinjaman		
Pinjaman Dalam Negeri	68,662,120,460	46,481,557,434
Pinjaman Luar Negeri	488,658,177	833,618,058
	<u>69,150,778,637</u>	<u>47,315,175,492</u>
Terimaan Modal		
Terimaan Balik Pinjaman	3,104,679,905	846,423,642
Terimaan Balik Pendahuluan	-	10,600
Jualan Aset Modal	8,390	14,131
Pelbagai Terimaan Modal	16,016,353	27,848,616
	<u>3,120,704,648</u>	<u>874,296,989</u>
Terimaan Lain		
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	<u>1,021,576,000</u>	<u>10,000,000</u>
	<u>1,021,576,000</u>	<u>10,000,000</u>
Jumlah Terimaan	<u>213,178,394,885</u>	<u>171,745,316,147</u>
BAYARAN		
Perbelanjaan Mengurus		
Emolumen	(32,587,160,643)	(28,521,557,552)
Perkhidmatan dan Bekalan	(23,622,378,186)	(20,923,013,788)
Aset	(2,532,449,983)	(1,948,706,392)
Pemberian dan		
Kenaan Bayaran Tetap	(63,144,831,444)	(55,910,226,716)
Perbelanjaan Lain	<u>(1,197,407,257)</u>	<u>(123,084,227,513)</u>
	<u>(123,084,227,513)</u>	<u>(390,802,124)</u>
	<u>(107,694,306,572)</u>	
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	(37,922,533,060)	(33,514,057,583)
Pinjaman	(2,641,883,858)	(2,293,129,118)
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	<u>(567,332,290)</u>	<u>(35,807,186,701)</u>
	<u>(4,831,265)</u>	
Perbelanjaan Modal		
Pelbagai Bayaran Modal	-	(1,434,798)
Pembelian Instrumen Kewangan	<u>(2,043,676,587)</u>	<u>(2,727,508,571)</u>
	<u>(2,728,943,369)</u>	
Bayaran Balik Pinjaman		
Pinjaman Dalam Negeri	(38,757,875,119)	(30,845,510,508)
Pinjaman Luar Negeri	<u>(4,803,041,378)</u>	<u>(1,003,814,166)</u>
	<u>(31,849,324,674)</u>	
Bayaran Lain		
	(5,825,666,628)	(4,267,919,325)
Jumlah Bayaran	<u>(215,646,236,433)</u>	<u>(182,352,511,906)</u>
Lebihan/(Kurangan) Wangtunai	<u>(2,467,841,548)</u>	<u>(10,607,195,759)</u>
Wangtunai pada 1 Januari	19,410,529,507	30,017,725,266
Lebihan/(Kurangan) Wangtunai	<u>(2,467,841,548)</u>	<u>(10,607,195,759)</u>
WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER	<u>16,942,687,959</u>	<u>19,410,529,507</u>

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

DATO' SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

29 Februari 2008



DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD
Akauntan Negara Malaysia

29 Februari 2008

LAMPIRAN A4

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
Seperi Pada 31 Disember 2007

LAMPIRAN A4

**Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember 2007**

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	<i>2007</i>	<i>2006</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
F ASET			
1 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	16(a)	67,276,493,872	71,288,556,508
2 PELABURAN	16(b)	24,413,623,642	21,272,080,531
3 YURAN KEPADA PERTUBUHAN ANTARABANGSA	16(c)	535,458,211	499,776,402
4 DEPOSIT BERKANUN	16(d)	38,300,000	36,200,000
		<hr/>	<hr/>
		92,263,875,725	93,096,613,441
		<hr/>	<hr/>
G LIABILITI			
1 HUTANG AWAM	17(a)	266,722,336,424	242,225,092,263
2 JAMINAN	17(b)	62,548,534,829	59,314,114,819
3 NOTA KENA BAYAR	17(c)	130,175,661	128,064,444
4 SEKURITI TAK DITUNTUT	17(d)	15,453,143	13,069,074
5 AKAUN DEPOSITORI PUSAT	17(e)	63,561,244	138,633,729
		<hr/>	<hr/>
		329,480,061,301	301,818,974,329
		<hr/>	<hr/>

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

DATO' SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

29 Februari 2008

DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD
Akauntan Negara Malaysia

29 Februari 2008

LAMPIRAN A5

**NOTA KEPADA AKAUN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007**

Nota kepada Akaun

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya.)

**DASAR DAN KAEADAH PERAKAUNAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN YANG PENTING****1. Dasar dan Asas Perakaunan**

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang, aturan dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- b) Akaun Awam disediakan berdasarkan tunai ubahsuai.

2. Kaedah Perakaunan

Kaedah perakaunan adalah berdasarkan kepada konsep Kumpulanwang Disatukan seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:

- a) Perkara 97 memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulanwang.
- b) Perkara 104 memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.

3. Pembentangan Akaun Awam

Penyata-penyata Akaun Awam yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* adalah seperti berikut:

- a) Akaun Hasil Disatukan.
- b) Akaun Pinjaman Disatukan.
- c) Akaun Amanah Disatukan.
- d) Kumpulanwang lain di bawah Seksyen 10.
- e) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai.
- f) Penyata Akaun Memorandum yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti.

4. Entiti Perakaunan

Entiti perakaunan adalah terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.

5. Tahun Kewangan

Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

6. Urusniaga dalam Matawang Asing

Urusniaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia pada tarikh Lembaran Imbang atau pada kadar pertukaran yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia/Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada tarikh urusniaga.

7. Liabiliti Luar Jangka

Liabiliti Luar Jangka adalah liabiliti yang mungkin menjadi kenyataan sekiranya berlaku peristiwa tertentu seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian.

Seperti pada 31 Disember 2007, Kerajaan Persekutuan mempunyai liabiliti luar jangka sebanyak RM810 juta hasil perjanjian indemniti bagi *Third Party War Risk Liability* dengan Malaysia Airports Holdings Berhad.

8. Wang Pendahuluan kepada Kontraktor Kerajaan

Baki wang pendahuluan kepada kontraktor Kerajaan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan dana akaun amanah seperti pada 31 Disember 2007 ialah RM1,244,820,550.85.

9. Perbandingan

Persembahan dan pengelasan item di dalam Akaun Awam tahun semasa konsisten dengan tahun sebelumnya kecuali amaun bandingan tertentu dinyatakan semula seperti yang dinyatakan dalam nota 14 (c) dan 15.

LEMBARAN IMBANGAN**10. Wangtunai - Penyata A**

- a) Wangtunai adalah terdiri daripada Wangtunai Dalam Bank, Wangtunai Dalam Perjalanan dan Wangtunai Dalam Tangan.
- b) Wangtunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah mengambil kira urusniaga yang belum disesuaikan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank. Baki Wangtunai Dalam Bank seperti pada 31 Disember 2007 berjumlah RM16,345,089,748.74.
- c) Selaras dengan Bahagian Pengurusan Kumpulanwang Amanah Pencen (KWAP) diperbadankan, Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM8,148,868,743.91 telah dilaraskan.

11. Pelaburan - Penyata B

Pelaburan yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan

Nota kepada Akaun

bagi tahun berakhir **31 Disember 2007**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya.)

(Sambungan)

adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulanwang Disatukan.

Selaras dengan Bahagian Pengurusan Kumpulanwang Amanah Pencen (KWAP) diperbadankan, pelaburan sebanyak RM35,138,354,649.62 telah dilaraskan.

12. Akaun Hasil Disatukan - Penyata C

a) Hasil - Penyata C1

Kutipan hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], sebahagian hasil cukai pendapatan yang dikutip akan dipindahkan kepada Kumpulanwang Amanah Kerajaan iaitu Tabung Bayaran Balik Cukai bagi tujuan bayaran balik cukai yang terlebih dikutip.

Prestasi kutipan hasil berbanding dengan bajet ditunjukkan dalam bentuk peratusan.

b) Perbelanjaan Mengurus - Penyata C2

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti berikut:

- i) Emolumen, barang-barang dan perkhidmatan;
- ii) Pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Pinjaman Perumahan;
- iii) Peruntukan kepada Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan syarikat milik Kerajaan melalui pemberian, pinjaman dan pelaburan.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan berdasarkan kelulusan Parlimen.

13. Akaun Pinjaman Disatukan - Penyata D

Pinjaman yang diterima di bawah kuasa undang-undang Persekutuan dan pembayarannya diakaunkan dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Terimaan dari pinjaman dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan, Kumpulanwang Pinjaman Perumahan atau kumpulanwang lain yang dibenarkan oleh Parlimen bergantung kepada tujuan pinjaman tersebut.

14. Akaun Amanah Disatukan - Penyata E

Baki Akaun Amanah Disatukan telah mencatatkan penurunan sebanyak RM43,966,764,950.72 berbanding dengan tahun sebelumnya. Punca utama adalah berikutan Bahagian Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) diperbadankan pada 1 Mac 2007 yang melibatkan pelarasan berjumlah RM43,287,223,393.53.

a) Kumpulanwang Amanah Kerajaan - Penyata E1

i) Kumpulanwang Pembangunan - Penyata E1a

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] dan urusniaga yang berkaitan dengannya diakaunkan dalam Kumpulanwang Pembangunan.

Terimaan utama bagi kumpulanwang ini adalah terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulanwang ini.

Kumpulanwang ini hanya boleh digunakan untuk tujuan tertentu mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

ii) Kumpulanwang Pinjaman Perumahan - Penyata E1b

Kumpulanwang Pinjaman Perumahan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42] bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota perkhidmatan awam, Pihak Berkuasa Tempatan serta Ahli Pentadbiran, Perundangan dan Kehakiman. Sumber kewangan kumpulanwang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulanwang Pembangunan, pinjaman yang diterima melalui pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, bayaran balik pinjaman perumahan dan faedah yang diterima.

Seperti pada 31 Disember 2007, sejumlah RM16,299,104,785.23 pinjaman telah disekuritikan kepada Cagamas MBS Berhad yang melibatkan nilai terimaan sebanyak RM12,612,236,989.09 dengan nilai diskau sebanyak RM3,686,867,796.14. Jumlah tersebut termasuk tiga terbitan pensekuritian baru bernilai RM8,618,880,325.88 dengan nilai diskau RM1,607,255,814.15 dalam tahun kewangan 2007.

iii) Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan - Penyata E1c

(disambung...)

Nota kepada Akaun

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya.)

(Sambungan)

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian daripada kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusingan. Sumber kewangan kumpulanwang ini adalah caruman daripada Kerajaan.

- b) Kumpulanwang Amanah Awam - Penyata E2
 - i) Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) - Penyata E2a

Akaun amanah ini telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan akaun amanah ini adalah terimaan pinjaman yang diperoleh khas untuk tujuan perbelanjaan pembangunan tertentu.

- ii) Pelbagai Kumpulanwang Amanah Awam - Penyata E2b

Kumpulanwang amanah ini adalah terdiri daripada Amanah Khas yang ditubuhkan di bawah akta yang berkaitan dan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulanwang ini adalah terimaan daripada orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan untuk tujuan tertentu.

- c) Deposit - Penyata E3

Akaun Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai.

Amaun bandingan tahun 2006 bagi Deposit Am tertentu telah dinyatakan semula untuk menyesuaikan pelaporan urusniaga bagi Kerajaan Negeri secara berasingan. Urusniaga Deposit Am bagi Kerajaan Negeri tersebut telah dilaporkan di bawah Kementerian Kerja Raya pada penyata tahun 2006.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANGTUNAI

15. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai
- Semua penerimaan dan pembayaran wangtunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wangtunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan terimaan-terimaan lain. Bayaran wangtunai terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus, pembangunan, pembelian instrumen kewangan, bayaran balik pinjaman dan bayaran-bayaran lain.

Amaun bandingan tahun 2006 telah dinyatakan semula

untuk menyesuaikan pelaporan urusniaga Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) secara berasingan.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

16. Aset - Penyata F

Perolehan aset yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan pembangunan mengikut asas tunai ubahsuai, seperti pinjaman boleh dituntut, pelaburan dan yuran kepada pertubuhan antarabangsa tidak dilaporkan sebagai aset di dalam Lembaran Imbang. Oleh itu, nilai aset ini dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

- a) Pinjaman Boleh Dituntut - Penyata F1

Pinjaman yang diberi oleh Kerajaan yang belum dibayar balik dilaporkan dalam penyata ini.

- b) Pelaburan - Penyata F2

Maklumat terkumpul pelaburan Kerajaan dalam Badan-badan Berkanun, syarikat dan agensi-agensi lain yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan pembangunan dilaporkan dalam penyata ini.

- c) Yuran kepada Pertubuhan Antarabangsa - Penyata F3

Yuran ini merupakan bayaran berkala yang telah dibuat untuk menganggotai pertubuhan antarabangsa bagi mendapatkan kemudahan yang disediakan seperti pinjaman.

- d) Deposit Berkanun - Penyata F4

Jumlah deposit bukan dalam bentuk wangtunai yang dipegang oleh Kerajaan mengikut keperluan akta atau pentadbiran tertentu dilaporkan dalam penyata ini.

17. Liabiliti - Penyata G

Baki hutang Kerajaan yang belum kena bayar tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang mengikut asas tunai ubahsuai tetapi dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum. Liabiliti dan saham orang awam yang dipegang oleh Kerajaan juga dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

- a) Hutang Awam - Penyata G1

Kedudukan hutang awam seperti dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum adalah terdiri daripada baki hutang dalam dan luar negeri yang belum selesai. Hutang belum selesai luar negeri telah ditukar kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kepada kadar pertukaran Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2007.

(disambung...)

Nota kepada Akaun

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya.)

- b) Jaminan - Penyata G2

Penyata ini menunjukkan amaun yang dijamin oleh Kerajaan bagi hutang dalam dan luar negeri yang diambil oleh agensi Kerajaan. Jaminan akan menjadi liabiliti sebenar sekiranya berlaku kegagalan memenuhi obligasi oleh peminjam.

- c) Nota Kena Bayar - Penyata G3

Kerajaan telah bersetuju untuk memberi sumbangan kepada pertubuhan antarabangsa yang akan dibayar mengikut jadual atau di atas permintaan. Jumlah sumbangan yang belum dibayar dilaporkan dalam penyata ini.

- d) Sekuriti Tak Dituntut - Penyata G4

Sekuriti tak dituntut adalah sekuriti yang diserahkan kepada Akauntan Negara di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965 [Akta 125], Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208] dan Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta 100]. Sekuriti tersebut dipegang oleh Kerajaan sehingga dituntut oleh tuan punya yang sah.

- e) Akaun Depositori Pusat - Penyata G5

Jumlah amaun sekuriti yang telah dipindahkan kepada Akaun Depositori Pusat Menteri Kewangan mengikut Seksyen 14 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453] serta Seksyen 29 dan 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No. 2) 1998 [Akta A1039] dilaporkan dalam penyata ini.